



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 11

Rabu

3 April 2024

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA :

Di Bawah Peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5) (Halaman 1)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 (Halaman 36)

Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang
(Pindaan) 2024 (Halaman 59)

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2024 (Halaman 72)

Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan
(Pindaan) 2024 (Halaman 83)

Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 (Halaman 93)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Datuk Mutang Tagal [Tuan Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Tuan Yang di-Pertua]
3. “ Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pendidikan Tinggi]
4. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
5. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
6. “ Dato' Sri Ti Lian Ker
7. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
8. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
9. “ Datuk Razali bin Idris
10. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
11. “ Puan Susan Chemeraí Anding
12. “ Tuan Manolan bin Mohamad
13. “ Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
14. “ Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah
15. “ Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol
16. “ Datin Ros Suryati binti Alang
17. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa
18. “ Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan
19. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
20. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
21. “ Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
22. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
23. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah
24. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
25. “ Dato' Sivaraj a/l Chandran
26. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
27. “ Tuan Abun Sui Anyit
28. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
29. “ Puan Noorita binti Sual
30. “ Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
31. “ Tuan Pele Peter Tinggom
32. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
33. “ Tuan Hussin bin Ismail (Terengganu)
34. “ Datuk Haji Aziz bin Ariffin
35. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 36. | Yang Berhormat | Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 37. | " | Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 38. | " | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |
| 39. | " | Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan) |
| 40. | " | Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak) |
| 41. | " | Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah) |
| 42. | " | Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah) |
| 43. | " | Dato' Ajis bin Sitin (Pahang) |
| 44. | " | Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang) |
| 45. | " | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 46. | " | Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Johor) |
| 47. | " | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah) |
| 48. | " | Datuk Noraini binti Idris (Sabah) |
| 49. | " | Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka) |
| 50. | " | Datuk Wira Koh Nai Kwong |
| 51. | " | Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 52. | " | Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 53. | " | Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 54. | " | Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak) |
| 55. | " | Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 56. | " | Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya) |
| 57. | " | Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan) |

AHLI TIDAK HADIR

- | | | |
|----|----------------|---|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] |
| 2. | " | Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] |
| 3. | " | Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] |
| 4. | " | Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II] |
| 5. | " | Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara] |

**AHLI TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Datuk Armizan bin Mohd Ali [Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Papar)
2. “ Tuan Gobind Singh Deo [Menteri Digital] (Damansara)
3. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Haji Mohd Nasir [Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air] (Johor Bahru)
4. “ Tuan Haji Adly bin Zahari [Timbalan Menteri Pertahanan] (Alor Gajah)
5. “ Dato' Mohammad Yusof bin Apdal [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Lahad Datu)
6. “ Tuan Wong Kah Woh [Timbalan Menteri Pendidikan] (Taiping)
7. “ Datuk Ts. Mustapha Sakmud [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Sepanggar)
8. “ Tuan Liew Chin Tong [Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri] (Iskandar Puteri)
9. “ Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi] (Kulai)
10. “ Datuk Ugak anak Kumbong [Timbalan Menteri Digital] (Hulu Rajang)
11. “ Dato Lukanisman bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti)
12. “ Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Kewangan] (Tanjong)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Rabu, 3 April 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

DI BAWAH PERUNTUKAN PERATURAN MESYUARAT 11(5)

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Mesyuarat 11(5), saya hendak menetapkan bahawa Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditempohkan pada jam 1 tengah hari dan akan bersidang secara terus sehingga selesai diputuskan dan diluluskan D.R. 8/2024 Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Dewan Rakyat) dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 4 April 2024.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Pagi ini pantun untuk orang Sarawak.

*Gadis Sarawak bagai ratu;
Soalan saya nombor satu... [Tepuk]*

1. Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta Menteri Pertahanan menyatakan, bagaimanakah pencapaian setakat ini terhadap usaha Kerajaan Madani untuk mengelakkan orang tengah dalam pembelian aset-aset pertahanan negara melalui pendekatan *Government-to-Government* (G2G) yang lebih telus dan bertanggungjawab serta menjimatkan kos.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Haji Adly bin Zahari]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Datuk Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof atas persoalan yang dikemukakan. Datuk Yang di-Pertua, perolehan secara *Government-to-Government* (G2G) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan pada masa ini dilaksanakan berdasarkan *Memorandum of Understanding* (MoU) yang dibuat dengan kerajaan negara yang berkenaan.

Seterusnya kerajaan negara berkenaan akan mengenal pasti *original equipment manufacturer* (OEM) atau syarikat yang mempunyai keupayaan untuk berkontrak dengan pihak kementerian. Pendekatan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan penglibatan orang tengah serta elemen monopoli keterlaluan dalam mendapatkan anggaran harga dan spesifikasi bagi sesuatu perolehan.

Kementerian Pertahanan juga sentiasa memastikan perolehan yang dilaksanakan melalui kaedah G2G ini masih mengikut peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa. Rundingan hanya dilaksanakan dengan syarikat yang dipilih oleh kerajaan negara berkenaan setelah kementerian membuat *due diligence* berkaitan keupayaan dan kewangan syarikat serta ketetapan spesifikasi pengguna. Namun perkara ini bergantung pada siling peruntukan yang ditetapkan oleh agensi Pusat. Itu sahaja jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya menunggu balasan pantun tak ada tadi, tak apa. Saya ingatkan orang Melaka pandai pantun.

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Soalan saya tambahan ialah kita tahu bahawa bila ada orang tengah, kos menjadi tinggi. Jadi, sekarang Kerajaan Madani sudah ada G2G, syabas dan tahniah. Saya hanya ingin tanya sejauh mana di dalam MoU yang kita tandatangani dengan negara tertentu itu, yang lebih utama bagaimanakah *transfer* teknologi itu boleh berlaku supaya tidak ada di sana satu orang kata apa- mengharapkan sentiasa kepada pembekal sehinggakan tidak ada *transfer* teknologi untuk negara kita? Mohon penjelasan Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Adly bin Zahari: Terima kasih Yang Berhormat atas persoalan tambahan itu. Datuk Yang di-Pertua, tadi disebut tentang *transfer* teknologi, saya tak nafikan bahawa kita memang mempunyai MoU ya pada setengah-setengah negara dan bagi negara yang contohnya dalam konteks LMS, kita memang sedang memperbaiki MoU sedia ada ya dengan negara kita lakukan pembelian itu.

Dalam konteks *transfer* teknologi ini, kita tahu bahawa dalam kontrak kita sentiasa akan kita wujudkan apa yang kita panggil sebagai *Industrial Collaboration Programme* (ICP).

Jadi, ini adalah antara aspek yang kita berikan keutamaan supaya kita tahu bahawa ya kita OEM tetapi dalam masa yang sama, kita mahu bahawa dalam negara kita juga kerana kita tahu di Malaysia ya, fokus kita kebanyakannya kepada *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO) itu sendiri.

Jadi, sudah barang pasti fokus kita ini kita letakkan dalam kontrak kita supaya untuk jangka masa panjang ya kita bukan sahaja boleh menjimatkan kos tapi kita boleh menggunakan kepakaran tempatan juga dalam industri dan pembelian aset pertahanan ini.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan?

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Dr. Dominic.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Selain daripada G2G, apakah usaha kerajaan setakat ini mengembangkan industri pertahanan tempatan supaya kita boleh menjimatkan kos dan kita boleh membeli aset-aset serta menjamin bekalan alat ganti senjata kita? Ini kerana / nampak bahawa sekarang ada sekatan blok Barat kepada Rusia, oleh itu menimbulkan kebimbangan kerajaan. Terima kasih.

Tuan Haji Adly bin Zahari: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas persoalan yang dikemukakan. Datuk Yang di-Pertua, kita tahu bahawa dalam kita mempertingkatkan industri pertahanan tempatan, kita di Kementerian Pertahanan, kita sedang melengkapkan kertas dasar kita terkait dengan industri pertahanan negara.

Sebab itu, kalau kita lihat memanglah dalam negara kita kebanyakannya industri pertahanan kita macam tadi saya sebut, banyak terlibat pada *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO) ya berbanding dengan pembuatan. Mungkin pembuatan dalam industri-industri sederhana ya mungkin kita terlibat, tetapi kalau kita lihat pembuatan dalam industri mega kita adalah yang terkait dengan LCS sebagai satu contoh.

■1010

Jadi, sebenarnya kita punya kepakaran tempatan tetapi dalam masa yang sama kita juga melihat bagaimana kepakaran tempatan kita, industri-industri yang sedia ada itu dapat bertahan dan juga bersaing pada masa depan sebab itu dua aspek ini kita lihat. Yang sedia ada, harus kita perkukuhkan dan dalam masa yang sama kita juga melihat industri-industri baharu termasuk dalam bidang siber juga. Itu saja jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya jemput YB Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 2.

2. Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri menyatakan, apakah maklum balas dan perkembangan kerajaan terhadap dasar dan cadangan yang dirangka di dalam Kertas Putih yang dikemukakan oleh industri besi dan keluli Malaysia.

Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Tuan Liew Chin Tong]:

Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

Datuk Yang di-Pertua, Kertas Putih mengenai industri besi dan keluli telah dikemukakan oleh industri besi dan keluli tempatan kepada MITI pada tahun 2019. Kertas putih tersebut mengandungi cadangan kajian dasar yang antara lain merangkumi penambahbaikan dasar pengeluaran lesen pengilang ataupun *manufacturing license* (ML), dasar import dan eksport bagi sekerap logam, isu peningkatan kos menjalankan perniagaan, penambahbaikan proses sedia ada serta penguatkuasaan dan pembangunan tenaga kerja.

Rentetan daripada itu, satu cadangan kajian dasar telah diangkat melalui Memorandum Jemaah Menteri bertarikh 13 November 2020 yang turut mengambil kira input serta cadangan pihak industri melalui kertas putih tersebut. Hasil daripada itu, kerajaan bersetuju dengan cadangan kajian semula dasar sedia ada dan membuat penambahbaikan yang antaranya merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) menambah baik dasar pengeluar ML dengan mengetatkan syarat ML terhadap pelabur dalam melaksanakan cadangan projek, terutamanya dalam *like products* ataupun produk yang hampir sama;
- (ii) memperkenalkan semula duti eksport sebanyak 15 peratus bagi eksport sekerap besi di samping mengekalkan mekanisme lesen eksport bagi pengeksportan sekerap besi;
- (iii) memberikan pilihan kepada pemain industri untuk memohon pengecualian duti import melalui Jawatankuasa Pengecualian Cukai 3 atau kaedah pulang balik duti atau *duty drawback* bagi bahan mentah besi dan keluli yang digunakan dalam menghasilkan keluaran siap untuk pasaran eksport dan dipasarkan ke gudang pengilangan berlesen (LMW) atau zon bebas; dan
- (iv) melaksanakan dasar mengenai aktiviti kitar semula bagi kelulusan lesen pengilang baharu dan kebenaran mengimport sekerap logam.

Selain itu, input dari Kertas Putih tersebut juga telah diguna pakai semasa kajian *foresight* bagi sektor besi dan keluli pada tahun 2022. Pada 15 Ogos 2023, MITI telah mengenakan moratorium selama dua tahun ke atas semua pertanyaan, penilaian permohonan semasa, permohonan baharu, pemindahan lesen, pembesaran, regularisasi dan pelbagai bagi lesen pengilang serta pengeluaran surat pengesahan untuk pengecualian daripada lesen pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975.

Moratorium ini bertujuan untuk membolehkan kerajaan membuat penelitian semula ke atas dasar serta ekosistem industri besi dan keluli tempatan bagi menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh sektor tersebut selain mengemas kini hala tuju sektor ini selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030.

Datuk Yang di-Pertua, pada bulan Januari 2024, MITI telah menubuhkan jawatankuasa bebas untuk industri besi dan keluli yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif HSBC Malaysia, Dato' Omar Siddiq dan jawatankuasa ini bertujuan untuk mengkaji dan menyelaraskan semula hala tuju industri tersebut bagi mencapai objektif Pelan Perindustrian Baharu 2030. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Tan Sri.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Soalan tambahan. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan.

Mohon YB Timbalan Menteri menyatakan dengan terperinci keberkesanan inisiatif-inisiatif sedia ada yang diambil oleh pihak kementerian untuk membantu eksport dan import industri besi dan keluli tempatan dan inisiatif-inisiatif yang akan diambil untuk memperkasakan eksport dan import industri besi dan keluli tempatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih, Yang Berhormat Tan Sri. Sebenarnya, industri besi dan keluli tempatan menghadapi cabaran yang sangat besar, termasuk *overcapacity* di sedunia atas sebab kekurangan aktiviti di sektor pembinaan dan juga sektor *construction* di China. Keadaan sekarang ini memang susah untuk pemain industri dan kementerian telah membuat keputusan seperti apa yang saya sebut tadi.

Dua keputusan yang penting. Satu ialah mengadakan moratorium untuk sepanjang dua tahun. Moratorium ini memberikan ruang untuk pemain industri tempatan supaya menyelaraskan dan juga membina semula supaya mereka boleh menghadapi cabaran yang akan datang. Cabaran yang akan datang termasuk *overcapacity* di sedunia. Cabaran juga termasuk keadaan karbon kerana bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia, isu *carbon emission* akan diambil kira setiap kali pemain industri meminta pinjaman bank. Ini lah cabaran yang sangat penting dan juga dekat. Moratorium ini akan membantu syarikat-syarikat dan pemain industri tempatan untuk mencari jalan keluar.

Keputusan kedua ialah untuk menubuhkan jawatankuasa bebas supaya mengkaji semula sektor besi dan keluli di tempatan supaya sektor ini boleh diberikan nafas baru. Jawatankuasa tersebut akan memberi laporan kepada Menteri dalam enam bulan, dan kementerian akan melaksanakan cadangan-cadangan yang dicadangkan oleh jawatankuasa bebas supaya memberikan suntikan dan juga nafas baru kepada industri ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Kalau tak ada, saya jemput Senator Dato' Ahmad bin Haji Ibrahim.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 3.

3. Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sejauh mana kesiapsiagaan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam membasmi masalah banjir peniaga yang tidak berlesen dalam kalangan pendatang asing tanpa izin yang mencemarkan imej kawasan setempat.

Timbalan Yang di-Pertua: Menteri- oh, wakil ya? Baik.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan.

Datuk Yang di-Pertua, untuk makluman, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa komited untuk menjalin kerjasama yang konstruktif dan aktif dengan kementerian lain dalam memudah cara dan menyokong usaha penguatkuasaan pihak berkuasa tempatan (PBT) terhadap isu penyalahgunaan premis atau lesen perniagaan di bawah pentadbiran PBT, terutamanya yang melibatkan warga asing.

Kerjasama bersepadu dengan pendekatan *whole of government*, dengan izin, bersama-sama agensi penguat kuasa lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia adalah perlu bagi menangani isu yang semakin berleluasa ini berdasarkan kekangan bidang kuasa PBT yang terhad kepada pemeriksaan lesen premis dan perniagaan sahaja.

Kerajaan negeri turut memainkan peranan dengan memperketat syarat permohonan baharu dan pembaharuan lesen perniagaan PBT di negeri masing-masing bagi mengekang monopoli perniagaan oleh warga asing. PBT juga tidak pernah membenarkan mana-mana warga asing untuk memohon ataupun memiliki lesen penjaja, peniaga kecil, premis perniagaan, kedai runcit, kedai makan, bengkel kereta dan di pasar-pasar selaras dengan Undang-undang Kecil Penjaja dan Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian.

Di mana di bawah Undang-undang Kecil Penjaja, PBT tidak mengiktiraf dan membenarkan warga asing sebagai penjaja dan peniaga kecil, manakala PBT juga tidak membenarkan penggunaan warga asing sebagai pekerja ataupun pembantu di bawah lesen penjaja di premis PBT. Ini kerana harga sewaan yang ditetapkan oleh PBT adalah di bawah harga pasaran dan bertujuan untuk memberikan peluang perniagaan kepada rakyat tempatan.

■1020

Tuan Yang di-Pertua, di bawah UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian pula, pengeluaran lesen perniagaan hanya dikeluarkan untuk warganegara Malaysia sahaja

dan membenarkan warga asing diambil sebagai pekerja atau pembantu dengan syarat memiliki pas kerja ataupun permit dagang yang sah. PBT tidak akan berkompromi dengan sebarang pelanggaran yang jelas terhadap syarat-syarat lesen yang telah dikeluarkan oleh mana-mana perniagaan dan pemegang lesen dengan mengambil tindakan tegas secara tindakan sitaan, kompaun, penutupan premis dan pembatalan lesen.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, PBT komited melaksanakan operasi penguatkuasaan dengan melaksanakan langkah-langkah pemantauan seperti berikut:

- (i) pemantauan secara berkala ke atas premis-premis perniagaan dan penjaja di bawah PBT terutamanya yang menjadi tumpuan warga asing;
- (ii) membuat sitaan dan rampasan barangan penjaja warga asing yang didapati menjalankan perniagaan secara haram; dan
- (iii) menjalankan operasi bersepadu bersama agensi seperti Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia memandangkan sebarang tindakan penahanan warga asing dan pendatang asing tanpa izin adalah di bawah bidang kuasa dan pengurusan jabatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2022 dan sehingga kini PBT telah melaksanakan sebanyak 2,031 operasi penguatkuasaan terhadap premis perniagaan yang melibatkan warga asing dan telah melibatkan pembatalan sebanyak 26,108 lesen peniaga atas sebab pelanggaran syarat-syarat lesen premis yang ditetapkan oleh PBT atau memindah milik lesen permit mereka kepada warga asing. Sekian, terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan Dato' Ahmad.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri, wakil kementerian PBT dengan jawapan yang diberikan. Saya harap boleh tambah satu lagi. Berapa banyak kah peniaga tidak berlesen dan peniaga warga asing tanpa izin yang telah dikesan sejak 2022 ke-2023? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Datuk Yang di-Pertua, berbekalkan data yang diberikan kepada saya daripada...

Timbalan Yang di-Pertua: Tak apa, ini hari YB wakil.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: ...Pihak kementerian ya. Sebenarnya, peniaga yang tidak berlesen ini kalau warga asing memang tak ada kompromilah. Kalau sekiranya mereka merupakan warganegara maka PBT ada budi bicara untuk menyuruh ataupun mengajak, menasihati mereka untuk memohon lesen kerana itu dia punya budi bicara PBT.

Berkenaan saya nak maklumkan bahawa PBT telah menguatkuasakan pengeluaran lesen perniagaan untuk Warganegara Malaysia sahaja. Jadi, bagi tahun 2022 hingga 2023,

PBT telah melaksanakan operasi penguatkuasaan yang berkaitan warga asing di bawah seliaan PBT melibatkan salah guna lesen dan tapak perniagaan seperti berikut, 467 operasi penguatkuasaan bagi tahun 2022 dan 378 operasi penguatkuasaan bagi tahun 2023. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: *[Bangun]*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *[Bangun]*

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: *[Bangun]*

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Cukuplah satu soalan tambahan.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia patutnya Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air yang mewakili kerana dia menjadi Timbalan Menteri KPKT sebelum ini tapi...

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Dia dah tak ada, ada ruang lagi Datuk?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dua soalan. YB boleh menjawab bagi pihak? Boleh ya. Okey, Tan Sri Fatmi.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Datuk Yang di-Pertua, YB Timbalan Menteri, pertama saya ucap terima kasih kerana sudi datang sebagai wakil, siapalah kita. Saya tengok, teliti soalan daripada Yang Berhormat Senator Ahmad Haji Ibrahim ini tentang kesiapsiagaan peniaga asing yang berleluasa sedang berniaga.

Soalan saya, kementerian KPKT ini adakah mempunyai kuasa untuk menangkap peniaga asing ini sebab setakat yang jawapan daripada Timbalan Menteri tadi, peniaga asing yang meniaga ini atas nama lesen orang tempatan maka lesen itu ditarik balik. Saya rasa itu tidak menyelesaikan peniaga asing ini terus berniaga kerana dia akan cari lesen orang lain pula ataupun dia terus berniaga tanpa lesen. Apakah tindakan yang lebih drastik? Adakah Kementerian KPKT mempunyai kuasa yang lebih kuat, lebih gagah untuk mengambil tindakan seperti ini? Terima kasih Datuk.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Dalam penguatkuasaan, saya dimaklumkan Datuk Yang di-Pertua, ada lebih 8,000 Penguatkuasa di bawah PBT. Akan tetapi bidang kuasa penguat kuasa ini hanya tertakluk kepada pelesenan, kompaun dan sitaan barang-barang niaga. Maka, untuk menangkap warga asing ia di bawah bidang kuasa Jabatan Imigresen Malaysia dan PDRM sebab itu penguatkuasaannya ialah penguatkuasaan bersepadu. Begitu Datuk Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa jawapan itu tepat.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh satu lagi Datuk Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Tidak, ini hari Timbalan Menteri wakil sahaja, jadi tak adil kalau kita nak tanya soalan banyak-banyak. Sekarang saya jemput Senator Tuan Abun Sui Anyit untuk bertanya soalan.

Tuan Abun Sui Anyit: Hari ini tidak nak pantun. Soalan saya nombor 4.

4. Tuan Abun Sui Anyit minta Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air menyatakan, apakah perancangan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang oleh kementerian untuk membersihkan sungai-sungai di negara ini yang banyak tercemar agar menjadi jernih dan bersih semula.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, pengurusan sungai terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri melalui enakmen pengurusan sumber air di negeri masing-masing.

Manakala pemantauan kualiti air sungai dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar ataupun JAS di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bagi punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Walau bagaimanapun, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ataupun PETRA melalui Jabatan pengairan dan Saliran juga sentiasa proaktif dalam memastikan kelancaran aliran sungai dengan mengurus lembangan sungai dan sumber air.

Melalui pendekatan secara bersepadu, JPS menaksir sumber air, memantau kemarau, memantau dan meramal banjir termasuklah memastikan lembangan sungai diurus dengan sempurna untuk keperluan pemeliharaan kuantiti dan kualiti sumber air. Sebagai tindakan jangka pendek, JPS melaksanakan kerja-kerja memulihara sungai di bawah projek pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir dengan kos keseluruhan berjumlah RM390 juta di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Sehingga tahun 2023, sejumlah RM335 juta telah pun dibelanjakan untuk pelaksanaan 2,942 perolehan kerja dengan skop utama iaitu:

- (i) kerja-kerja penggaluran sungai;
- (ii) kerja-kerja menstabilkan tebing sungai;
- (iii) menaik taraf aset tak alih; dan
- (iv) menaik taraf saluran dan struktur berkaitan bagi meningkatkan kualiti air sungai.

Sebagai langkah jangka panjang untuk memastikan kelestarian sungai sebagai sumber air, JPS juga mengaplikasikan pendekatan bukan struktur dengan melaksanakan Kajian Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu ataupun, dengan izin, *Integrated River Basin Management (IRBM)* iaitu mekanisme terbaik untuk mengurus sesebuah lembangan sungai melibatkan semua pihak berkepentingan.

Kajian IRBM akan mengemukakan cadangan menangani isu-isu strategik sebagai rujukan kerajaan negeri dalam merancang pembangunan agar selari dengan matlamat pemeliharaan kelestarian alam sekitar. Objektif utama pelaksanaan IRBM adalah untuk memastikan air mencukupi, memastikan air bersih, mengurangkan risiko banjir dan meningkatkan pemuliharaan alam sekitar.

JPS merancang untuk melaksanakan 45 kajian IRBM melibatkan 189 lembangan sungai dengan kos berjumlah RM184 juta. Status terkini sehingga Mac 2024, 23 kajian berjaya disiapkan dengan kos berjumlah RM40 juta. Manakala baki kajian dalam pelaksanaan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2028. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan YB Abun.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya, soalan tambahan. Sungai Caragh di Ireland dan juga Sungai Thames di England pernah menjadi sungai yang antara yang paling tercemar 60 tahun dulu dan sekarang dikatakan antara yang terbersih. Jadi soalan saya, apa tindakan dan perancangan kerajaan untuk memastikan agar sungai-sungai di negara ini tidak dijadikan tempat pembuangan sampah ataupun *dumping site*, dengan izin, dan bahan-bahan buangan lain yang – dan adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mengadakan Kempen Cintai Sungai Kita seperti yang pernah dibuat suatu ketika dulu.

■1030

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Daripada segi penglibatan dengan masyarakat, sudah pasti kesedaran itu penting. Untuk ketika ini kalau di peringkat kementerian ada beberapa kaedah yang kita guna pakailah.

Pertama, kesedaran melalui program ataupun sambutan meraikan sumber air kita. Yang kita ada adalah sebagai contoh sambutan Hari Air Sedunia. Untuk tahun ini 2024, cadangannya kita akan buat pada bulan depan, bulan April di Sarawak. Mungkin Yang Berhormat pun boleh jemputlah ke Kuching nanti. Kemudian, kita juga ada sambutan Hari Sungai Sedunia yang mana kalau untuk Program Hari Sungai Sedunia ini kita akan mengiktiraf komuniti yang sebenarnya bersama-sama menjaga, memelihara sungai. Ini contohnya kita ada Anugerah Khas Sumber Air dan sebagainya.

Cuma bagi menjawab persoalan Yang Berhormat, di bawah kementerian juga kita ada merencanakan program yang dipanggil Denai Sungai Kebangsaan iaitu untuk kita menangani

balik cabaran sosial alam sekitar yang mana kalau dulu sungai ini mungkin tak ada siapa yang berminat ataupun nak mendekati sungai. Maka, melalui Program Denai Sungai Kebangsaan ini kita cuba libatkan pelbagai pihak termasuk PBT, NGO dan sebagainya untuk kita membangunkan denai sungai ini yang mana sehingga kini kita dah bangunkan hampir 1,280 kilometer di seluruh negara.

Jadi, konsepnya kalau daripada segi pencemaran, maksudnya bila masyarakat ataupun komuniti itu lebih rapat dengan sungai, mereka ini yang menjadi mata-mata kitalah, sekiranya berlaku – mereka pihak yang tidak bertanggungjawab dan sebagainya. Jadi, untuk Program Denai Sungai Kebangsaan ini, *insya-Allah* tahun ini kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk kita bangunkan lagi beberapa buah lokasi Denai Sungai Kebangsaan. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Datuk Lim Pay Hen: Soalan tambahan, Datuk Seri.

Timbalan Yang di-Pertua: YB sebagai, YB sebagai wakil rakyat di Johor Bahru tahulah pasal Sungai Skudai dengan Sungai Tebrau.

Datuk Lim Pay Hen: Soalan tambahan

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Datuk Seri, soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Lim.

Datuk Lim Pay Hen: Okey, terima kasih Datuk Seri. Projek *River of Life Kuala Lumpur* adalah antara salah satu projek penyelenggaraan dan pembersihan sepanjang Sungai Klang dan Gombak yang mampu meningkatkan kuasa ekonomi di kawasan sekelilingnya. Sehingga kini, ia telah berjaya menarik jutaan pelancong. Adakah kerajaan juga akan melebarkan projek seperti ini di negeri-negeri lain khususnya seperti di Sungai Segget yang terletak di tengah Bandar Raya Johor Bahru yang amat perlu untuk dibaik pulih dan dinaik taraf? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu, itu kawasan YB itu... [Ketawa]

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Itu sempadan kita, di antara Pulau dan juga Johor Bahru yang mana- ya lah, saya pun harap pihak jabatan dengar sendirilah. Ini permintaan daripada YB Senator, permintaan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Menteri untuk kita tengok keadaan sungai seperti di Sungai Segget, Sungai Tebrau dan sebagainya.

Cuma untuk projek *River of Life* di Kuala Lumpur, sebenarnya daripada segi kerangka susunan projek itu terletak di bawah Jabatan Wilayah. Maka, sebab itu diangkat bukan hanya tujuan memelihara tersebut tetapi ekonomi sistem yang secara menyeluruh. Maka, sebab itu daripada segi sama ada kerajaan berhasrat untuk melaksanakan program bersepadu sedemikian rupa, saya sebenarnya memang mengambil sikap yang positif kerana ternyata bila dibuat *River of Life* di Kuala Lumpur itu dapat menghidupkan, bukan sekadar untuk kebersihan sungai tetapi juga menarik pelancong, kemudian menjadi kawasan tumpuan dan sebagainya.

Cuma cabarannya sudah pasti daripada segi kos. Maka, sebab itu untuk macam, kalau contohnya yang spesifik di negeri Johor sebagai contoh, kerana itu yang sebut di permulaan jawapan, nak tak nak itu kena melibatkan juga dengan negeri kerana sungai ini sebenarnya kuasanya terletak di bawah negeri. Maka, sebab itu kita akan cuba ambil tindakan yang proaktif dan sekali lagi permintaan Yang di-Pertua kita mohon untuk diangkat untuk di peringkat jabatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Libatkan saya pula. [*Ketawa*] Itu kerja dulu saya. Sekarang ini YB. Sekarang ini saya jemput Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Datuk Seri Timbalan Speaker, soalan saya soalan nombor 5. Terima kasih.

5. Datuk Dr. Azhar bin Ahmad minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, apakah perancangan yang akan diambil dalam menghadapi cabaran teknologi termasuk *Artificial Intelligence (AI)* yang dilihat semakin meluas supaya ia dapat memberi manfaat yang positif kepada masyarakat.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Menteri.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Ts. Mustapha Sakmud]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia Madani.

Datuk Seri Yang di-Pertua, pada tahun 2023 Kementerian Pendidikan Tinggi telah melantik Akademi Sains Malaysia untuk menyediakan satu Kertas Posisi bertajuk '*A New Horizon for Science Technology and Innovation – A Strategy to Enhance Higher Education in Malaysia*'. Tujuan pembangunan dokumen tersebut adalah bagi menilai secara khusus dan mendalam berkenaan kesan dan strategi dalam menguruskan pelbagai gangguan teknologi-*technological disruptions*, dengan izin, yang sedang dan akan dihadapi melibatkan pengajaran, pembelajaran dan tata kelola institusi pendidikan tinggi.

Dalam usaha merangka analisis dan strategi bagi kajian ini, sebanyak 66 sesi libat urus yang melibatkan 1,500 orang pemegang taruh telah dilaksanakan. Selain itu, penanda arasan ke atas enam buah negara iaitu Amerika Syarikat, Korea Selatan, Switzerland, Denmark, Jepun dan New Zealand mengorientasi tiga kluster iaitu tadbir urus, penyelidikan dan akademik juga telah dilaksanakan.

Hasil dapatan kajian tersebut mencadangkan beberapa strategi yang boleh diadaptasi oleh kerajaan bagi mengurus pelbagai *technological disruptions*, dengan izin, dalam ekosistem pendidikan tinggi, antaranya:

- (i) pembangunan dasar yang melibatkan perkongsian sumber dan infrastruktur;
- (ii) pembangunan dasar yang melibatkan teknologi pendidikan terbuka;
- (iii) peningkatan ekosistem TVET;

- (iv) memperkembangkan dasar kebangsaan ke atas sains, teknologi, inovasi dan ekonomi; dan
- (v) mengadaptasi pendekatan kolaboratif seluruh Malaysia (*all of Malaysia approach*).

Sebagai langkah mendepani cabaran teknologi baru ini, kerajaan telah memperkenalkan *National Artificial Intelligence Roadmap 2021-2025* bagi membangunkan ekonomi inovasi kepintaran buatan bagi pembangunan AI yang memanfaatkan kolaborasi *quadruple helix* berpandukan prinsip AI yang bertanggungjawab. Dokumen ini menyasarkan penghasilan 200,000 bakat masa depan dalam bidang AI.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di peringkat global, Malaysia berada di tangga ke-23 daripada 193 buah negara dalam Laporan *Government AI Readiness Index 2023* yang diterbitkan oleh *Oxford Insight*. Laporan tersebut menilai 39 indikator merentasi 10 dimensi yang dikategorikan dalam tiga aspek bagi setiap negara iaitu inisiatif kerajaan, kesediaan teknologi dan data dan infrastruktur. Pencapaian Malaysia adalah, daripada aspek inisiatif kerajaan 79.99 peratus, kesediaan teknologi 54.13 peratus, data dan infrastruktur 72 peratus dan kita secara keseluruhannya sebanyak 68.7 peratus. Ini agak membanggakan kitalah, di tangga ke-23 daripada 193 buah negara. Okey, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya?

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Sebenarnya tak nak, dia wakil saya soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, diwakilkan pula? Boleh wakil untuk tanya soalan?...
[Ketawa] Okey, Tan Sri.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Datuk Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. AI ini merupakan satu fenomena masa depan. Hari ini ia masih lagi janggal ataupun masih lagi *foreign to all of us*, dengan izin. Dalam kita menghadapi fenomena seperti ini ia sudah tentu ada baik dan buruknya.

Soalan sayanya ialah adakah kementerian telah membuat kajian tentang ancaman ataupun *benefit* AI ini dan cara mana untuk kita mengatasi ancaman itu? Macam mana untuk kita *exploit* ataupun mengambil kesempatan atas kebaikan AI ini, untuk negara, untuk rakyat kita? Kerana hari ini jika ilmu AI ini, *capability* AI ini dapat dipakai diguna oleh *scammer* sekarang ini yang sedang berleluasa, saya rasa ramai yang akan kena *scam*. Saya baru-baru ini pun hampir nak kena. Nasib baik dapat di itu- Jadi, adakah kementerian telah membuat kajian, kaedah dan cara untuk kita pastikan keselamatan generasi kita yang akan datang ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Ya, memang kita- saya fikir ini suatu aspek yang saya setuju dengan Yang Berhormat Senator. Memang satu kajian terperinci perlu dibuat tentang kesan, tentang teknologi baharu ini. Namun, untuk kita tidak terlibat kepada teknologi baharu ini memang kita akan ke belakang jika kita bandingkan dengan negara-negara lain.

■1040

Saya fikir ini satu fenomena. Kita sudah melalui pelbagai teknologi, perubahan teknologi tetapi akhirnya kita kena pastikan juga bahawa generasi muda kita yang perlu diperkukuhkan adalah jati dirinya. Berubah pun teknologi, tapi jika jati diri generasi muda ini tidak dapat kita pupuk, didik dan itu yang berlaku banyak perkara yang tidak sepatutnya berlaku dalam masyarakat. Jadi, saya tidak ada spesifik tentang kajian yang telah dibuat tetapi kita akan memastikan universiti kita dan juga rangkaian pendidikan kita akan dipastikan supaya tidak- kita akan pastikan bahawa generasi muda kita ini akan perkukuhkan jati diri mereka untuk mendepani cabaran teknologi yang sedang berlaku sekarang.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Soalan tambahan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Profesor Awang.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Tahun lepas kita mendengar pengumuman bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menubuhkan Fakulti Kecerdasan Buatan. Jadi, apakah perkembangan setakat ini yang berlaku di UTM? Terima kasih Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator. Ya, memang kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM20 juta untuk membangunkan Fakulti AI di UTM. Buat masa ini, MOF telah memberi peruntukan awal dan fakulti tersebut sedang diperbaiki, diubahsuai dan kita sedang membeli peralatan-peralatan yang berkaitan untuk fakulti ini. Mengikut maklumat yang terkini, *insya-Allah* fakulti ini akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 3 Mei pada tahun ini. Jadi, itu yang terkini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: *Alright.* Tuan Haji Hussin.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua. Berhubung dengan perkembangan AI, apakah mungkin ada kesan terhadap kursus-kursus yang sedia ada di pusat-pusat pengajian tinggi dan mungkin, kemungkinan itu ada beberapa kursus yang mungkin akan terkesan? Apakah langkah-langkahnya yang mungkin diambil oleh pihak kementerian? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Di Kementerian Pendidikan Tinggi ini, kita akan menilai fakulti-fakulti kita ini daripada indikatornya tentang kebolehpasaran graduannya. Bila kebolehpasaran graduannya di bawah 30 peratus, memang fakulti tersebut terpaksa sama ada diberhentikan atau diubahsuai supaya mengikuti keperluan industri. Jadi, itu yang sebenarnya yang sedang berlaku. Perkembangan-perkembangan teknologi baru ini memang kita tidak boleh nafikan dan kita akan pastikan bahawa pelajar-pelajar kita di semua fakulti ini akan dapat mengikuti kursus-kursus dan didedahkan dengan teknologi-teknologi baru terutamanya *artificial intelligence* ini. Okey, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Senator Dr. Lingeshwaran.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Selamat pagi. Soalan saya nombor 6.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

6. **Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta Menteri Komunikasi menyatakan, mengapakah Pulau Pinang hanya mempunyai tiga (3) Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) iaitu kedua terendah dalam Malaysia serta apakah strategi Kementerian Digital untuk meningkatkan bilangan PEDi di Pulau Pinang dalam masa terdekat.

Timbalan Menteri Komunikasi [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Datuk Yang di-Pertua, Kementerian Komunikasi menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mendirikan tiga Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) sebelum ini dikenali sebagai Pusat Ekonomi Digital (PEDi) di seluruh Pulau Pinang. Kesemua tiga NADI yang beroperasi ini menyediakan capaian Internet secara kolektif kepada masyarakat dan kawasan yang kurang mendapat liputan jalur lebar. Selain kemudahan capaian Internet, pelbagai kursus dan latihan berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan keusahawanan turut disediakan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran sendiri serta memperkasakan pembangunan sosioekonomi komuniti setempat.

NADI turut berperanan sebagai pusat penyampaian informasi dan maklumat mengenai inisiatif serta bantuan kerajaan kepada golongan sasaran di kawasan luar bandar. Menyedari kepentingan NADI kepada komuniti setempat, kerajaan telah mengumumkan penambahan 186 NADI baharu di seluruh negara berdasarkan inisiatif '1 DUN 1 NADI' termasuk 38 NADI baharu akan dibangunkan di Pulau Pinang menjelang akhir tahun 2024.

Dengan penambahan NADI baharu, ia akan menjadikan keseluruhan 1,097 NADI di seluruh negara dan 41 NADI di Pulau Pinang. Usaha ini akan membantu lebih ramai rakyat di Pulau Pinang untuk memanfaatkan liputan Internet dan menggalakkan mereka untuk turut

serta dalam aktiviti memperkasakan sosioekonomi selaras dengan konsep Malaysia Madani. Sekian jawapan saya. Terima kasih Datuk Speaker.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Dr. Lingesh.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Mohon Menteri menyatakan statistik kecurian ataupun vandalisme ke atas menara telekomunikasi atau aset-aset telekomunikasi. Adakah fenomena ini semakin meningkat saban hari? Jika ya, apakah usaha dan langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi isu ini kerana ia menyebabkan kerugian dan juga gangguan kepada *network coverage* dengan izin? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan itu tak berkenaan Yang Berhormat, tapi tak apa kalau Menteri nak jawab...

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Bagi Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat Menteri nak jawab, boleh. Sila Yang Berhormat Menteri... [Ketawa]

Puan Teo Nie Ching: Boleh, boleh. Boleh jawab. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Memang vandalisme dan juga kecurian terhadap aset komunikasi ataupun menara komunikasi memang merupakan salah satu cabaran kerana dia akan mengakibatkan gangguan perkhidmatan.

Untuk tahun 2023, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kami telah merekodkan 673 kes kecurian dan juga vandalisme. Kerugian yang diakibatkan daripada vandalisme tersebut adalah setinggi RM33.66 juta. Jadi, satu kerugian hanya untuk *repair* adalah begitu tinggi RM33 juta. Kami perlu kerjasama daripada semua pihak untuk mengurangkan ataupun mengurangkan vandalisme ini.

Kita perlu untuk kawasan *hotspot*, penyedia perkhidmatan mereka akan buat kerja-kerja *hardening*, memperkasakan aset mereka supaya ia menjadi lebih susah untuk pencuri ataupun vandalisme ini berlaku, tetapi pada masa yang sama usaha pemasangan seperti pemasangan CCTV dan juga sensor juga merupakan salah satu inisiatif yang telah diambil untuk kawasan-kawasan *hotspot*, tetapi pada masa yang sama kami masih perlu kerjasama daripada PBT, daripada PDRM supaya siasatan boleh dibuat secepat mungkin untuk memang ada faktor untuk- *deterrence factor* untuk *discourage* vandalisme ini terus berlaku.

Jadi, Terima kasih atas soalan tersebut dan kami harap bahawa semua orang faham bahawa aset komunikasi ini sangat-sangat penting. Vandalisme itu mungkin ada sedikit untung untuk penjenayah-penjenayah, tetapi kesulitan yang dibawa kepada seluruh komuniti adalah sangat-sangat besar. Terima kasih Datuk Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua: *Alright*. Soalan tambahan Yang Berhormat Michael.

Tuan Michael Mujah Lihan: Saya menanyakan Menteri, berapakah semua pusat PEDi di Sarawak? Adakah kementerian ingin menambahkan bilangan PEDi di Sarawak?

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. PEDi sedia ada di Sarawak adalah sebanyak 133 dan NADI tambahan adalah sebanyak 23. Jadi, secara keseluruhan jumlah yang selepas diperbaharui ini, semua dibina, semua siap, Sarawak akan mempunyai 156 NADI. Jadi, konsep kita adalah satu DUN perlulah sekurang-kurangnya mempunyai satu NADI. Jadi, untuk kawasan yang tak ada, kerana itulah kami buat tambahan di kawasan tersebut. Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya jemput Datuk Haji Aziz bin Ariffin.

Datuk Haji Aziz bin Ariffin: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 7.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

7. **Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah perancangan pihak kementerian dalam memerangi penyakit kanser apabila pakar meramalkan jumlah kes kanser di Malaysia akan meningkat dua kali ganda menjelang tahun 2040 memandangkan sebanyak 48,639 kanser baharu direkodkan dan 29,530 kematian akibat kanser dilaporkan di negara ini bagi tahun 2020.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator mengemukakan soalan. Datuk Yang di-Pertua, berdasarkan Laporan Registri Kanser Kebangsaan, sebanyak 34,332 kes kanser telah dilaporkan pada tahun 2020. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah merancang gerak kerja pencegahan dan kawalan kanser di bawah *National Strategic Plan for Cancer Control Programme (NSPCCP) 2021-2025*.

■1050

Menerusi pelan tersebut, beberapa langkah telah dilaksanakan oleh KKM antaranya:

- (i) program imunisasi kebangsaan dengan memberikan vaksin Hepatitis B kepada bayi serta vaksin *Human Papillomavirus* (HPV) kepada remaja perempuan berusia 13 tahun;
- (ii) menyediakan perkhidmatan saringan kanser secara percuma di klinik-klinik kesihatan seluruh negara bagi mengesan penyakit lebih awal agar rawatan dapat dimulakan lebih awal iaitu saringan kanser kolorektal menggunakan ujian iFOBT;
- (iii) saringan kanser payudara melalui pemeriksaan klinikal atau pemeriksaan sendiri dan ujian mamogram;
- (iv) saringan kanser serviks melalui ujian calitan *pap smear* dan ujian HPV;

- (v) pemeriksaan mulut sendiri atau pemeriksaan tahunan ke klinik kesihatan bagi aktiviti saringan kanser mulut; dan
- (vi) menawarkan bantuan tunai sebanyak RM1,000 melalui Skim Peduli Kesihatan (PeKa B40) kepada pesakit kanser yang layak iaitu RM300 diberikan kepada rawatan dimulakan dan RM700 diberikan setelah lengkap proses rawatan tersebut.

Selain itu, KKM turut menjalinkan kerjasama strategik dengan badan-badan bukan NGO kanser di Malaysia bagi membantu KKM dalam usaha merapatkan jurang pencegahan dan penjagaan kanser. Kerjasama strategik ini melibatkan seramai 23 NGO yang telah menandatangani ikrar kerjasama bersama KKM pada 17 Februari 2024 yang lalu bagi merapatkan jurang pencegahan dan penjagaan kanser.

KKM juga sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan akses pesakit untuk mendapatkan rawatan perkhidmatan onkologi ataupun rawatan sistemik boleh didapati di semua hospital negeri. Manakala pusat onkologi, rawatan sistemik dan radioterapi disediakan di enam buah hospital kerajaan dan tiga buah hospital universiti. Perkhidmatan onkologi kanak-kanak pula boleh didapati di tujuh buah hospital kerajaan dan tiga buah hospital universiti. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Siapakah bangun dulu tadi?

Datuk Haji Aziz bin Ariffin: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Aziz dululah. Datuk Aziz... *[Ketawa]*

Datuk Haji Aziz bin Ariffin: Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia 2023 menunjukkan kanser adalah punca kematian keempat tertinggi di Malaysia. Meningkat 12.6 peratus pada tahun 2022 berbanding 10.5 peratus tahun sebelumnya. Apakah usaha pihak kerajaan dalam menambah hospital pakar kanser di seluruh negara serta melahirkan lebih ramai tenaga kerja profesional dalam bidang onkologi, memandangkan hanya KKM mempunyai sembilan buah hospital pakar berkaitan kanser serta tempoh menunggu pesakit untuk mendapat rawatan terlalu lama? Terima kasih.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Satu persoalan yang sering diajukan oleh masyarakat *netizen* dan juga Ahli Yang Berhormat. Ketika ini sememangnya kita memerlukan lebih banyak pusat-pusat kanser dan juga memang hasrat pihak KKM untuk mewujudkan Pusat Kanser Wilayah Utara, Sabah dan juga Sarawak.

Untuk Sarawak pula, pada pembentangan bajet yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun secara lisan bersetuju untuk pembangunan pusat kanser di Sarawak dengan nilai RM1 bilion yang akan disediakan oleh kerajaan negeri. Itu adalah

keputusan yang telah dibuat dan baru-baru ini pada hari Sabtu yang lepas perjumpaan antara Yang Amat Berhormat Premier dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju penggunaan tentang mekanisme penyaluran peruntukan daripada kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat untuk tujuan pusat kanser tersebut.

Manakala pada tahun 2023, dalam pembentangan Bajet 2023, kerajaan juga telah meluluskan kerja-kerja awalan bagi pembinaan kanser Pusat Kanser Wilayah Utara. Di mana kerja-kerja awalan ini akan dijalankan sepanjang tempoh dua tahun untuk kita mewujudkan satu pusat kanser komprehensif bagi wilayah Utara yang berkapasiti sebanyak 200 katil. Kerja-kerja awalan ini akan mengkaji berapakah kos yang diperlukan sebelum kita mewujudkan pusat kanser tersebut. Manakala di Sabah kita sedang mencari potensi bagaimana untuk kita membangunkan pusat kanser untuk rakan kita di wilayah Sabah pula.

Selain daripada itu, perkembangan berkenaan tentang pakar. Perkhidmatan-perkhidmatan pakar yang diperlukan, ketika ini kita mempunyai dua pakar onkologi yang telah ditempatkan di Hospital Ipoh sejak Februari 2024 manakala penempatan pakar onkologi di Hospital Raja Perempuan Zainab II akan dibuat pada bulan Ogos 2024 berkolaborasi bersama dengan HUSM dan juga perkhidmatan onkologi kanak-kanak akan ditambah di Hospital Alor Setar pada tahun 2025 dan Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan pada tahun 2026.

Walaupun demikian, kita memang sedang berusaha untuk meningkatkan keperluan pakar-pakar onkologi ini memandangkan kita sudah mempunyai perancangan untuk mewujudkan sekurang-kurangnya dua buah pusat kanser iaitu Pusat Kanser Wilayah Utara dan juga Pusat Kanser Sarawak. Walaupun demikian, kita menyeru agar pegawai-pegawai perubatan yang ingin menyambung kepada kepakaran untuk memilih kepakaran onkologi. Walaupun demikian, kita kena melihat juga kaedah penawaran dan juga hadiah latihan yang diperlukan untuk mewujudkan kapasiti pakar onkologi yang mencukupi di dalam negara. Sekian, terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Soalan tambahan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rita dululah.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Siapa?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bagi Yang Berhormat Rita dulu selepas itu nanti saya buat keputusan soalan tambahankah tidak... *[Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih. Ini perkara Pusat Kanser Sarawak Datuk Dom. Soalan saya, dengan adanya pusat kanser itu nanti, adakah pakar onkologi daripada, yang sedia ada Hospital Umum Sarawak akan dipindahkan, semua *outfit* dipindahkan kepada pusat kanser yang baharu.

Kedua, adakah akan diadakan fasiliti untuk pesakit-pesakit yang datang jauh daripada pelosok Sarawak ya, seperti Rumah Anjung Kasih macam itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Rita. Sememangnya tujuan pembinaan Pusat Kanser Sarawak ini adalah untuk memudahkan pesakit-pesakit kanser di Borneo. Sekurang-kurangnya keluarga kita di Sarawak dan juga Sabah dapat mempunyai akses pusat kanser yang komprehensif di negeri Sarawak. Tujuan utama adalah kita melihat kesan apabila pesakit-pesakit kanser terutama sekali kanak-kanak, dewasa yang pergi ke Kuala Lumpur memerlukan kos yang sangat besar. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada NGO-NGO yang mengusahakan kerjasama dengan syarikat penerbangan untuk mendapatkan tawaran tiket yang lebih murah kepada pesakit kanser kanak-kanak.

Soalan asas tadi berkenaan tentang adakah Unit Rawatan Onkologi di HGH akan dipindahkan ke Pusat Kanser Sarawak. Kemungkinan besar perkara tersebut akan berlaku kerana Pusat Kanser Sarawak tersebut akan menjadi satu medan rawatan yang komprehensif. Berkenaan tentang Anjung Singgah ataupun tempat untuk menyediakan tempat tinggal sementara bagi pelawat dan juga pesakit, kita boleh mengajukan soalan tersebut kepada Menteri yang menjaga kebajikan masyarakat agar dapat mewujudkan tempat singgah bagi membolehkan pesakit-pesakit dan juga pelawat mengurangkan beban untuk menjaga pesakit kanser. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan ketiga saya bagi Tan Sri Fatmi lah...
[Ketawa]

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Saya dulu? Okey. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya sangat *simple*. Kanser ini merupakan satu penyakit yang digeruni dan ramai orang takut. Kalau kena kanser seolah-olah macam tak ada harapanlah. *But there are* dengan izin *cancer survivor*.

Soalan saya, adakah kementerian mengumpul, mengutip maklumat data kanser *survivor* ini macam mana cara dia *survive*? *Treatment* tradisional kah, *treatment* konvensional kah, hospital kah, bomoh kah, supaya kita boleh belajar daripada ini untuk masa depan. Kerana *so far* tidak ada *definitive solution to cancer*. *Maybe we should learn* daripada *cancer survivor* ini. Adakah kementerian mempunyai maklumat seperti ini? Terima kasih Datuk.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Satu soalan yang cukup-cukup baik bagi kami di KKM dan juga untuk khusus menjawab adakah terdapat satu kajian yang baik ataupun komprehensif berkenaan tentang *surviving rate* ataupun *survival cancer patient* ini. Saya tidak mempunyai data yang khusus. Walaupun demikian, sememangnya kita mempunyai pandangan-pandangan daripada NGO-NGO yang menghimpunkan pesakit-pesakit kanser yang telah *survive*, dengan izin, dan juga

pengalaman, *sharing experience* tersebut kita ambil dan juga kita dengar apakah kaedah-kaedah yang kita guna pakai.

■1100

Untuk makluman Yang Berhormat Senator di dalam Dewan ini, kos yang digunakan oleh kerajaan bagi rawatan kanser adalah hampir RM1.3 bilion ke RM2 bilion setahun. Itu adalah satu kos yang besar. Terdapat rawatan-rawatan alternatif yang dicadangkan dan juga dilakukan kajian oleh pihak KKM adakah bersesuaian untuk diguna pakai. Di kalangan wakil-wakil rakyat di Parlimen dan juga di Dewan Negara, di Dewan Undangan Negeri, kita mempunyai wakil-wakil rakyat yang pernah mendapat kanser dan *survive*.

Kami mengajak mereka untuk tampil ke hadapan untuk memberikan harapan dan juga *sharing their experience* supaya dapat memberikan semangat kepada pejuang-pejuang kanser ini. Ini adalah satu kaedah yang alternatif bagi membantu pesakit kanser supaya mereka yakin dengan rawatan. Sememangnya kita memberikan penumpuan kepada saringan-saringan kanser terutama dalam saringan kanser B40. Kita ingin memastikan agar produktiviti kerajaan, negara dapat pada peringkat optimum. Di kalangan B40, mereka keluar membuat saringan dan kita dapat tahu apakah punca kanser yang mereka hadapi ketika ini. Sekian, terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya jemput Senator Dato' Nelson Renganathan.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua yang sentiasa ceria. Selepas lima hari dapatlah satu soalan. Soalan nombor 8.

8. Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah kementerian bercadang untuk membenarkan pihak swasta mengendalikan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) bagi menampung permintaan yang dijangka akan meningkat susulan penggalakan terhadap pengajian Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson. Datuk Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia komited dalam menyediakan akses kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional atau disebut sebagai TVET yang berkualiti kepada semua murid. Pelbagai akses pendidikan TVET disediakan oleh KPM sebagai pilihan kepada murid berdasarkan minat dan juga kecenderungan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM telah menyediakan pelbagai program TVET kepada murid lepasan Tingkatan 3 yang cenderung kepada kemahiran di kolej vokasional, sekolah menengah teknik, sekolah menengah kebangsaan. Selain daripada

program Sijil Vokasional Malaysia (SVM) yang ditawarkan di kolej vokasional, KPM turut menawarkan program-program TVET seperti berikut:

- (i) Program Vokasional Menengah Atas (PVMA);
- (ii) Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA);
- (iii) Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di SMK; dan
- (iv) Mata Pelajaran Elektif Teknikal (MPET) di SMT.

Sehingga kini, terdapat sebanyak sembilan buah sekolah menengah teknik yang menawarkan MPET, 347 buah sekolah menengah kebangsaan yang menawarkan Program Vokasional Menengah Atas, 491 buah SMK menawarkan MPV dan 13 buah SMK menawarkan PIMA di seluruh negara.

Selain daripada itu, pelaksanaan program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) bersama-sama industri dan KV juga dilaksanakan bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dalam industri. KPM yakin, melalui perancangan komprehensif perluasan program TVET di bawah institusi TVET KPM dapat memberi peluang kepada murid untuk menceburi pendidikan TVET yang berkualiti serta menampung permintaan kepada pendidikan TVET yang dijangka meningkat.

KPM berpandangan tiada keperluan buat masa kini untuk SVM dilaksanakan oleh pihak swasta. Walau bagaimanapun, KPM sentiasa terbuka kepada sebarang kerjasama dengan pihak swasta dalam memperkasakan laluan TVET KPM. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Dr. Nelson.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih. Menteri kesayangan tak hadir tetapi Timbalan Menteri yang *handsome* hadir. Terima kasih juga Datuk Yang di-Pertua. Berapakah peratusan pelajar yang mengikuti SVM berbanding dengan SPM pada tahun ini? Adakah dijangka bahawa peratusan ini akan naik pada tahun-tahun yang akan datang dan adakah KPM bersedia untuk menampung permintaan tersebut? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih. Soalan tambahan daripada Dr. Nelson yang budiman. *[Ketawa]* Untuk makluman Yang Berhormat Dr. Nelson, berkenaan dengan peratusan, untuk saya memberikan satu angka yang tepat mungkin saya berikan secara bertulis selepas ini. Namun demikian, untuk beberapa tahun yang lepas jumlah graduan daripada kolej vokasional adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH GRADUAN (orang)
2023	6,616

TAHUN	JUMLAH GRADUAN (orang)
2022	9,507
2021	10,862
2020	11,916

Pihak KPM sentiasa bersedia untuk memberikan pendidikan TVET yang terbaik kepada murid-murid dan pelajar-pelajar untuk menampung keperluan daripada pihak industri.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada tahun 2023 sebuah kolej vokasional baharu iaitu Kolej Vokasional di Sandakan 2 telah pun dibuka untuk beroperasi. Pada masa yang sama, pada tahun 2023 juga empat lagi buah kolej vokasional telah pun mula menawarkan diploma masing-masing iaitu di KV Pasir Puteh, KV Kuala Berang, KV Tanjung Piai dan juga KV Pagoh. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Haji Hussin.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Satu perkembangan yang sangat positif dengan kempen besar TVET dan juga sekolah vokasional. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apa kesannya kepada universiti-universiti yang ada sekarang apabila pelajar-pelajar yang lulusan SPM pun sudah keluar pergi ke TVET mahupun sekolah vokasional ini. Itu positif lah tapi kesannya kepada kemasukan di universiti-universiti tempatan. Saya melihat sebahagian kursus yang adapun kebanyakannya wanita. Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Bagi KPM, untuk kedua-dua lepasan SPM dan juga SVM, sememangnya kedua-dua lepasan ini mempunyai hala tuju dan juga jalan ke hadapan yang cerah. Bagi lepasan daripada SVM, memang ada universiti-universiti di bawah *Malaysian Technical University Network* (MTUN) yang berupaya untuk menampung graduan-graduan daripada SVM dan ia termasuk Universiti Teknikal Melaka, Universiti Tun Hussein Onn Johor, Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Malaysia Perlis.

Pada masa yang sama juga, juga ada banyak universiti swasta yang menawarkan ijazah sarjana muda kepada graduan TVET kita. Pada masa yang sama, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk graduan TVET hasil daripada pengkhususan diploma di kolej universiti pada tahun 2022 – tidak, tidak. Okey, sejumlah lebih kurang 70 peratus daripada okey sebentar ya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2022, bagi graduan diploma dari KV, sejumlah 80.38 peratus telah menceburi bidang kerja, 11.3 peratus menyambung

pengajian di universiti awam ataupun universiti swasta ataupun di universiti di bawah rangkaian *Malaysian Technical University Network* dan 8.69 peratus menjadi usahawan. Kebolehpasaran graduan KV adalah amat tinggi bagi negara kita iaitu sebanyak 99.38 peratus setakat statistik pada tahun 2022. Terima kasih.

■1110

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Sedikit Datuk. Saya rasa minta pencerahan sebab tadi yang saya tanya kesan itu, kesannya kepada IPT. Apakah mungkin Menteri belum beri pencerahan?

Tuan Wong Kah Woh: Ya. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Berkenaan kesan seperti yang saya jawab dalam jawapan pertama saya tadi. Kedua-dua lepasan daripada SPM dan SPVM mempunyai jalan dan juga jalan hadapan masing-masing dan kedua-dua daripada SPM ataupun SPVM mempunyai peluang untuk memasuki universiti-universiti yang menawarkan subjek ataupun pengkhususan masing-masing.

So, bagi kita untuk lepasan TVET memang tidak ada masalah kerana ada opsyen-opsyen yang diberikan seperti yang disebut oleh saya dan untuk lepasan SPM yang masuk ke matrikulasi ataupun di STPM juga IPTA kita ada- saya percaya bahawa IPTA kita ada menawarkan kekosongan yang mencukupi untuk menampung keperluan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik Haji Hussin tidak ada tambahan ya? Jelas ya?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tidak berapa jelas...

Timbalan Yang di-Pertua: Masih tidak dapat jawab. YB boleh tanya di luar Dewan...

[Ketawa]

Sekarang saya jemput Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

9. Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, proses pembentukan *National Planetary Health Action Plan* yang sedang diusahakan, serta apa langkah yang sedang dilakukan untuk memastikan dokumen ini tidak bertindih dengan usaha pihak kementerian lain sehingga mewujudkan pelbagai obligasi yang tidak munasabah ke atas sektor swasta.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Datuk Yang di-Pertua, penggubalan Pelan Tindakan Kesihatan Planet Nasional (PTKPN) yang berpaksikan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) ini diputuskan oleh Majlis Sains Negara (NSC) pada 9 April 2022 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ia dipersetujui sebulat suara oleh kementerian utama yang berkaitan pada masa itu termasuk KeTSA dan KKM dan juga wakil industri FMM.

Ini berikutan keperluan yang merunsing konsolidasi tadbir urus dan usaha berkaitan pemeliharaan alam semula jadi, kesihatan manusia dan pembangunan sosioekonomi di dalam negara bagi menangani isu berkaitan kesihatan planet yang bakal memberikan impak destruktif pada masa hadapan sekiranya tidak dibendung seperti peristiwa pandemik COVID-19 yang melanda dunia dua tahun yang lepas. Ia juga bakal meningkatkan tahap penerapan aspek kesihatan planet di semua peringkat yang melibatkan empat orang pemegang taruh utama *quadruple helix* iaitu kerajaan, akademi, industri dan masyarakat sivil melalui pendekatan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) bagi pemeliharaan dan pemuliharaan planet kita. Enam tonggak utama bagi pelan tindakan ini adalah:

- (i) tadbir urus- *governance*;
- (ii) alam sekitar dan kesihatan- *environment and health*;
- (iii) peralihan tenaga- *energy transition*;
- (iv) kelestarian makanan- *sustainable food*;
- (v) penyelidikan dan pendidikan- *research and education*; dan
- (vi) nilai-nilai murni, komunikasi, perubahan tingkah laku dan anjakan budaya masyarakat, dengan izin, *value, communication, behavioral change, values and cultural society*.

Datuk Yang di-Pertua, bagi memastikan tiada pertindihan PTKPN ini dengan usaha pihak kementerian lain keseluruhan pembangunan pelan ini mengguna pakai pendekatan seluruh negara, *whole of nation approach* dengan penglibatan semua pemegang taruh *quadruple helix* melalui sesi libat urus yang intensif dan menyeluruh sepanjang pembangunan pelan ini. Pihak Akademi Sains Malaysia telah mengadakan perbincangan dan sesi penerangan bersama pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRES) mengenai pembangunan pelan tindakan ini.

Tambahan lagi, Jawatankuasa Kerja Pembangunan pelan tindakan ini juga melibatkan wakil-wakil daripada kementerian dan industri yang berkaitan bagi memastikan semua inisiatif dan usaha sedia ada daripada pelbagai pihak diambil kira dan diharmonikan sebagai MPHAP supaya tiada sebarang pertindihan atau percanggahan. Setakat sekarang, lebih daripada 32 sesi libat urus telah dilaksanakan yang melibatkan 255 orang wakil daripada pihak kerajaan, *academia*, industri dan masyarakat sivil atau *civil society*.

Datuk Yang di-Pertua, Pelan Tindakan Kesihatan Planet Negara (PTKPN) ini tidak akan memberikan apa-apa obligasi baharu kepada pihak industri. Sebaliknya, PTKPN ini akan membantu dan memudahkan pihak industri melalui pengukuhan tadbir urus, penambahbaikan komunikasi dan pemantauan usaha, inisiatif dan aktiviti berkaitan kesihatan planet dalam negara secara menyeluruh dan holistik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Datuk Zurainah.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya sekarang ini telah-kah pihak MOSTI membuat kajian pematuhan- *compliance* dan obligasi syarikat swasta terutama PKS, SME ini sebelum menetapkan sebarang syarat obligasi tambahan kepada mereka?

Kajian ini penting sebab kita tidak mahu membunuh syarikat-syarikat yang kecil yang mungkin tidak mempunyai kemampuan untuk membiayai kos tambahan untuk mematuhi syarat-syarat yang kadang kalanya bertindih juga. Terima kasih.

Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal: Datuk Yang di-Pertua, terima kasih atas pandangan, cadangan dan soalan Yang Berhormat Senator. Seperti penjelasan saya sebentar tadi, pembangunan PTPKN ini telah melibatkan sesi libat urus bersama industri dan tidak akan memberi apa-apa obligasi baharu kepada pihak industri. Sebaliknya, pelan ini akan membantu memudahkan pihak industri melalui pengukuhan tadbir urus, penambahbaikan komunikasi dan pemantauan usaha serta inisiatif dan aktiviti-aktiviti berkaitan kesihatan planet dalam negara secara menyeluruh dan holistik.

Antaranya seperti pematuhan *Environmental, Social dan Governance* (ESG) oleh pihak industri akan dipantau melalui sistem pengesanan impak setempat yang dicadangkan di bawah PTPKN bagi membantu pihak industri dalam pelaksanaan ESG. Ia juga membantu industri di dalam negara dan mudah cara dalam usaha kelestarian dan perniagaan masing-masing turut memenuhi piawai perniagaan di peringkat antarabangsa pada masa ini. Ini membolehkan industri tempatan kita mampu bersaing dan menembusi pasaran global.

Pada masa yang sama, PTPKN ini tidak bertindih dengan mana-mana dasar pelan tindakan dan inisiatif sedia ada, tetapi lebih kepada melengkapi usaha dan juga hala tuju strategi negara sedia ada seperti *National Environmental Health Action Plan* (NEHAP) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) yang diterajui Kementerian Ekonomi dan juga Dasar Agromakanan Negara 2012-2030 (DAN2.0) di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS). Langkah ini adalah lebih holistik tanpa mengambil kira hanya sektor-sektor tertentu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Dato' (Dr.) Arman Azha.

Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah: Terima Kasih, Datuk Yang di-Pertua,

*Bulan Ramadan dah nak habis,
Dalam Dewan sejuk tak berpeluh;
Tok Menteri jawab kasi habis,
Soalan saya nombor sepuluh.*

10. Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup menyatakan, status terkini rangka rancangan jangka panjang kementerian mengenai kos kenaikan harga bekalan makanan asas seterusnya melonjakkan kos sara hidup yang kian membebankan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini kementerian YB yang betul. *[Ketawa]*

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Yang Berhormat, terima kasih atas soalan. Bagi tujuan mengatasi kos sara hidup, KPDN melalui Majlis Tindakan Sara Hidup Negara ataupun (NACCOL) dijadikan sebagai sebuah platform nasional dalam merangka dasar strategi dan pelan tindakan berkaitan agenda kos sara hidup yang digerakkan merentasi kementerian dan agensi serta melibatkan wakil kerajaan, negeri, badan bukan kerajaan dan juga industri.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dipertanggungjawabkan sebagai sekretariat kepada Majlis Tertinggi NACCOL yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kemudian, kita pula ada Jawatankuasa Eksekutif yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri I dan di-*level* yang ketiga, Datuk Yang di-Pertua ada Jawatankuasa Pemantauan Pelaksana yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri KPDN sendiri.

Jadi, pada masa yang sama terdapat tujuh Jawatankuasa Kerja Kluster di bawah NACCOL yang dipengerusikan tujuh kementerian yang meliputi kluster; pertama- makanan; kedua- perumahan; ketiga- pendidikan; keempat- pengangkutan; kelima- utiliti; keenam- kesihatan; dan ketujuh- pendapatan.

Melalui NACCOL, kerajaan memastikan setiap penggubalan dasar dan program yang dilaksanakan melalui kementerian dan agensi akan memberikan pertimbangan terhadap elemen kos sara hidup, mengambil kira penilaian melalui satu indikator yang mekanismenya sedang dibangunkan oleh Jabatan Perangkaan ataupun DOSM.

Jadi, indikator itu adalah indikator kos sara hidup dan ia telah dibentangkan dalam mesyuarat NACCOL dan ia merujuk kepada nilai kehidupan wajar sesebuah isi rumah yang menentukan pendapatan bersih boleh guna ataupun pendapatan boleh guna, itu bermaksud ditolak pendapatan, ditolak semua komitmen yang telah di isi dalam PADU.

■1120

Jadi, apakah yang dimaksudkan dengan kehidupan wajar Datuk Yang di-Pertua? Jadi, Yang Berhormat Senator bertanya berkenaan dengan rangka jangka panjang. Perlu kita definisikan apa dia kehidupan wajar ini atau pun kehidupan yang bermaruah Datuk Yang di-Pertua. Di bawah tujuh kluster itu, kita melihat kepada contohnya perumahan. Kalau perumahan ini bukan setakat bumbung, *roof over our head*, dengan izin, Datuk Yang di-Pertua. Kalau bermaruah itu seelok-eloknya tiga buah bilik. Ada anak lelaki, ada anak

perempuan dan sebagainya ya, ada bilik untuk ibu bapa. Jadi, itu maksudnya kehidupan yang bermaruah.

Jadi, pembangunan indikator ini dia mengambil kira semua keperluan dan lokasi, demografi, tanggungjawab setiap keluarga itu. Indikator ini menggunakan *data household expenditure survey* Datuk Yang di-Pertua kerana *household expenditure survey* ini dia mengambil kira pelbagai aspek yang saya katakan tadi. Jadi, itulah apabila kita melihat kepada strategi jangka masa panjang, kita mahu untuk meningkatkan *disposable income* ataupun kemampuan berbelanja, perlu ditingkatkan pendapatan dan dikurangkan kos, distabilkan kos. Jadi, apakah yang kita perlu buat? Contohnya dalam tujuh kluster tadi, kita perlu tengok kepada keterjaminan makanan.

Sekarang ini SSL kita berkenaan dengan bawang contohnya kosong. Kita tidak tanam bawang lagi, kita tidak. Kita baru nak mula tanam bawang contohnya. Daging lembu, SSL kita 20 *percent*. Beras, begitu 60 peratus. Jadi, kita perlu mengurangkan kos pengeluaran. Contohnya berkenaan dengan perubatan.

Dalam Mesyuarat NACCOL pada 19 Mac 2024, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memohon supaya Kementerian Kesihatan menyegerakan usaha untuk menghasilkan ubatan generik kerana ia akan mengurangkan kos. Jadi, kita kena tengok setiap itu. Akhirnya apabila kita mempunyai data dalam PADU itu, kita bolehlah menyasarkan subsidi itu untuk membantu mengurangkan kos sara hidup keluarga-keluarga, isi rumah yang memerlukan. Itu lah dia, jangka panjangnya. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Soalan tambahan. Terima kasih Timbalan Menteri. Hari ini kita lihat satu persatu subsidi ditarik oleh kerajaan bagi memberi laluan kepada penjimatan belanjawan negara atas alasan membendung ketirisan. Namun, subsidi bersasar ini diperkenalkan sedia ada tidak mampu membendung kestabilan kos sara hidup. Kos barangan semakin hari mencanak naik. Jadi, apakah justifikasi kementerian terhadap senario ini?

Kedua, peningkatan barang runcit dan makanan ditambah dengan pelbagai cukai baharu diperkenalkan seterusnya menekan rakyat dengan kos sara hidup yang makin meningkat. Bagaimanakah kementerian mengambil langkah mitigasi untuk mengawal situasi ini daripada menjadi semakin parah seterusnya menekan rakyat di luar sana kerana kita Kerajaan Perpaduan sentiasa kena bantu rakyat di bawah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Dia ada dua bahagian yang saya nak jawab. Pertama, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi berkenaan dengan harga barang naik. Dia kita kena lihat kepada kos pengeluaran. Kos pengeluaran itu melibatkan kos bahan mentah Yang Berhormat Senator. Kos bahan mentah itu ada yang di luar kawalan kita. Contohnya apabila kita import beras ya. Apabila kita import beras dan India melarang eksport

beras mereka contohnya Maka, akan menaiklah *demand* itu tinggi kepada negara-negara pengeluar yang lain. Kita juga import bawang 100 peratus. Kita import gula mentah 100 peratus Datuk Yang di-Pertua. Jadi, ini di luar kawalan kita. *Climate change* juga di luar kawalan kita. Geopolitik seperti perang juga di luar kawalan kita.

Jadi, apabila harga itu, kos pengeluaran itu meningkat ia harus juga dikaitkan dengan tadi *disposable income* itu dia kena naiklah juga pendapatan. Sebab itu kita kaji juga pendapat gaji progresif dan sebagainya. Akan tetapi apabila Yang Berhormat Senator mengatakan berkenaan dengan subsidi ditarik. Saya *to be fair* Datuk Yang di-Pertua, subsidi yang ditarik. Sekarang ini kita tarik subsidi ayam. Apabila kita tarik subsidi ayam dulu. sebelum kita tarik subsidi ayam, harga maksimum ayam, harga siling ayam dalam RM9.40 sekilo.

Pada ketika itu, peniaga tidak mampu menjual dengan harga RM9.40 sekilo. Peniaga terpaksa ada *hidden cost*. Potong itu RM1 lagi caj akhirnya jadi RM10.40, tetapi apabila kita *float* kan, kita apungkan harga ayam, kita banteras kartel yang kacau dengan makanan ayam itu, kita lawan habis-habisan kerana 70 peratus daripada kos pengeluaran ialah makanan ayam. Kos pengeluaran ayam bila 70 peratus ialah makanan. Bila kartel ada dekat situ, kita banteras kartel, kita caj mereka kita lawan mereka habis-habisan. Akhirnya apabila kita tarik subsidi, kita selamatkan duit rakyat, harga ayam turun bukan harga ayam naik. Ini saya nak bagi faktalah ya. Jadi, tidaklah benar kalau kita kata penarikan subsidi itu menaikkan harga barang.

Sekiranya pada masa hadapan, kita tarik subsidi dengan data daripada PADU, kita mahu menyasarkan kepada yang layak menerima dan yang layak menerima itu tidak semestinya dia B40, dia mungkin B80. Itu berdasarkan kepada data yang kita kumpul daripada PADU nanti. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ada soalan Datuk.

Tuan Abun Sui Anyit: Soalan, soalan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Haji Hussin dah dua kali dah.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ya. Ya, tetapi kepingin juga itu.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya...

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* YB Abun, YB Abun saya belum lagi jemput YB Abun. Sekarang saya jemput... *[Ketawa]*

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih, terima kasih. Saya memang jangka Datuk akan beri pada saya... *[Ketawa]* Terima kasih. Jadi, saya tak nak buang masa lah.

Jadi, soalan saya ini kerana alang-alang Timbalan Menteri mengatakan dengan PADU tadi, itu apa namanya ada sasaran bantuan itu. Jadi, saya mendapat kompelin daripada rakyat di Sarawak terutamanya kerana kita ada memiliki *four-wheel drive*, terpaksa membeli *four-wheel drive* kerana jalan raya di pedalaman tidak ada. Jadi, apabila kita yang memiliki *four-*

wheel drive ini sebenarnya juga dalam golongan yang miskin tidak kena sasaran ini. Ini mohon dipertimbangkan oleh kerajaan nanti. Banyak kompelin tentang perkara ini. Terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Senator Abun Sui. Saya mengandaikan soalan itu menjerus kepada subsidi diesel ya, subsidi diesel. Ya, betul kita sekarang baru menjalankan projek rintis Datuk Yang di-Pertua, baru dalam projek rintis. Subsidi belum ditarik lagi, kita baru melaksanakan projek rintis. Ada sembilan kategori yang kita kenal pasti dalam projek rintis ini. Betul, kita ketahui bahawa *four-wheel* ataupun *four-wheel drive* ini, dengan izin Datuk Yang di-Pertua, belum termasuk, tetapi kita telah terima aduan ini. Sekiranya perlu dimasukkan, kita sedang menjalankan libat urus. Masih berterusan menjalankan libat urus. Sekiranya ia perlu dimasukkan, ia nya akan dimasukkan nanti *insya-Allah*. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terakhir, kot lah ada ruang lagi kah Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua: Haji Hussin. Haji Hussin, saya nak bagi peluang pada penanya soalan selepas ini.

Jadi, biarlah kita terus pada soalan daripada Datuk Lim Pay Hen.

Datuk Lim Pay Hen: Berapa nombor soalan saya... *[Ketawa]* Nombor soalan nombor 11. Terima kasih Datuk.

11. Datuk Lim Pay Hen minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah kementerian mempunyai perancangan untuk meningkatkan bilangan dan fasiliti PERMATA Kurnia berikutan laporan yang menunjukkan jumlah kanak-kanak yang memerlukan pendidikan khas semakin meningkat khususnya kanak-kanak autisme.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lim.

Datuk Yang di-Pertua, KPM mempunyai perancangan untuk membuat peluasan Pusat PERMATA Kurnia di semua negeri bagi memastikan lebih ramai kanak-kanak autisme menerima intervensi dan pendidikan awal. Cadangan peluasan ini adalah untuk memenuhi peningkatan permintaan ibu bapa yang mempunyai anak autisme serta membimbing ibu bapa dan komuniti dalam mengurus kanak-kanak autisme. Usaha ini adalah sebahagian daripada inisiatif KPM melalui Rancangan Malaysia Ke-12 2021 sehingga 2025. Pusat PERMATA Kurnia menyediakan tiga program bagi membantu perkembangan kanak-kanak autisme iaitu:

- (i) program harian;
- (ii) program sokongan keluarga; dan
- (iii) program pendidikan komuniti.

Pada masa ini, terdapat dua buah Pusat PERMATA Kurnia telah diwujudkan iaitu di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Manakala, dua buah lagi pusat telah diluluskan pembinaannya iaitu di Kedah dan di Perlis. KPM juga telah mengenal pasti lokasi yang strategik bagi pelaksanaan projek peluasan ini di setiap negeri seluruh negara tertakluk kepada kelulusan bajet oleh Kementerian Ekonomi.

■1130

Pada masa yang sama, mewujudkan kerjasama antara pihak jabatan pendidikan negeri, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dari setiap negeri bagi memastikan usaha ini berjalan lancar serta mencapai objektifnya.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Datuk Lim?

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih atas jawapan Timbalan Menteri. Saya tidak ada soalan tambahan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Isaiah ada soalan tambahan? Sila, YB Isaiah.

Tuan Isaiah a/ D Jacob: Saya ucap terima kasih atas penerangan yang diberi. Tapi, / nak tanya, Pusat Permata Kurnia ini di bawah Kementerian Pendidikan ataupun NGO? Kalau di NGO, bagaimanakah pusat-pusat pengajian ataupun latihan untuk kanak-kanak autisme yang ada di luar?

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih, Datuk Seri Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kesemua Pusat Permata ini di bawah KPM, dan KPM ada menyediakan perjawatan bertaraf DG untuk membimbing anak-anak yang berada di Pusat Permata Kurnia.

Untuk makluman juga, kelayakan guru DG yang disediakan di Pusat Permata Kurnia, mereka haruslah mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kepujian dengan Pendidikan sama ada opsyen dia pendidikan awal kanak-kanak ataupun pendidikan khas. Selain daripada itu, ijazah sarjana muda kepujian dengan Diploma Perguruan Pendidikan Awal Kanak-kanak juga. So, secara ringkasnya, Pusat Permata terletak di bawah *the purview of* KPM. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Senator Tan Sri Anifah bin Aman.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 12.

12. Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman minta Menteri Kesihatan menyatakan, senarai klinik dan jumlah penerima yang layak untuk Skim Perubatan Madani 2024 bagi negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri.

Bermula 26 Februari 2024, pelaksanaan Skim Perubatan Madani telah difokuskan kepada 10 buah daerah sahaja. Bagi negeri Sabah, hanya Daerah Kota Kinabalu sahaja yang masih meneruskan skim ini.

Sehingga 11 Mac 2024, terdapat sebanyak 50 buah klinik swasta yang berdaftar dengan Skim Perubatan Madani di Kota Kinabalu bagi memberikan rawatan sakit-sakit ringan kepada penerima yang layak. Untuk penerima yang layak di Kota Kinabalu, terdapat 60,709 orang daripada 19,775 keluarga B40 boleh mendapatkan rawatan secara percuma sehingga baki dan peruntukan Skim Perubatan Madani ini digunakan sepenuhnya.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Wilayah Persekutuan Labuan pula tidak tersenarai dalam 10 buah daerah yang difokuskan seperti yang dinyatakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Tan Sri.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang dikemukakan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah langkah-langkah kementerian bagi menyampaikan perkhidmatan perubatan yang holistik kepada rakyat terutama di pedalaman Sabah? Juga, apakah langkah-langkah sedia ada untuk menaik taraf klinik yang lama dan juga yang usang? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih, Yang Berhormat Tan Sri. Sememangnya KKM sedang mengusahakan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Berkenaan tentang Skim Perubatan Madani ini, tujuan kita untuk mengecilkan penerima ataupun daerah-daerah sehingga 10 buah daerah sahaja adalah kerana ini adalah perancangan asal Skim Perubatan Madani yang ingin memberikan penumpuan untuk mengurangkan kesesakan di hospital, dan juga Hospital Queen Elizabeth ini adalah merupakan salah sebuah hospital yang ketika ini mempunyai kadar kedatangan dan juga kecemasan yang sangat tinggi.

Selain daripada itu, berkenaan dengan tentang usaha-usaha untuk menaikkan *facilities* kesihatan yang daif di Sabah, saya telah melawat Sabah berulang kali dan saya melihat keadaan klinik-klinik di Sabah adalah menyerupai klinik-klinik di Sarawak dan juga di kawasan luar bandar di Semenanjung. Walaupun demikian, di Semenanjung perbezaannya agak ketara. Di Sabah dan Sarawak agak daif dan juga tidak dapat menyediakan tempat tinggal untuk MO ataupun pekerja-pekerja kesihatan kita.

Apa yang berlaku pada tahun lepas, kerajaan telah memperuntukkan hampir RM100 juta untuk menaik taraf klinik-klinik daif dan juga Sabah telah pun menerima peruntukan tersebut. Pada tahun ini, ada sedikit kelainan yang diusahakan oleh Pengarah Kesihatan

Negeri di Sabah apabila mereka telah memohon satu peruntukan bagi menaik taraf dengan mengganti, merobohkan dan juga membina klinik-klinik desa.

Dan juga, ini adalah merupakan model yang kita sedang perhatikan. Dan juga, terdapat beberapa kejayaan beberapa buah klinik yang telah diganti klinik-klinik desa seperti di Klinik Sayap di Kota Belud dan juga beberapa buah klinik yang kita akan paparkan di *social media*. Sekiranya kejayaan ini dapat diguna pakai, model ini dapat diguna pakai, kita akan mengimplementasikan projek ini di Sarawak dan juga di Semenanjung juga. Kita telah pun mempunyai reka bentuk khusus bagi menaik taraf klinik-klinik daif ini.

Dan juga, pada tahun ini, sebanyak 21 buah klinik desa dan juga beberapa buah klinik akan menerima peruntukan gantian secara sepenuhnya- roboh dan bina- bagi memberikan ruang yang lebih besar dan juga lebih baik dan juga klinik kesihatan desa yang bermaruah kepada masyarakat dan keluarga kita di Borneo Sabah dan juga Sarawak.

Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Senator Datuk Hatta bin Ramli.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Dapat juga ya. Terima kasih. Soalan 13.

13. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi menyatakan, apakah perancangan Kerajaan dalam membendung perkembangan teknologi kecerdasan buatan- *artificial intelligence* daripada disalahgunakan dalam sebarang bentuk sekali pun.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal]: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Seronok dia nak bertanya soalan... *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal: Terima kasih. Saya pun seronok juga sikit. *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan.

Datuk Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab secara bersekali pertanyaan jawab lisan pada 4 April 2024, iaitu esok, oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli. Ini kerana ia menyentuh mengenai isu yang sama iaitu berkenaan kawal selia teknologi kecerdasan buatan- *artificial intelligence*. Boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal: Datuk Yang di-Pertua, dalam era di mana sains dan teknologi memainkan peranan yang besar dalam kehidupan, rakyat telah didedahkan kepada konsep kecerdasan buatan ataupun *artificial intelligence* (AI) dan aplikasi-aplikasinya yang semakin meluas.

Walaupun kita sedar akan kepentingan dan kebaikan teknologi AI kepada rakyat dan negara, penggunaan teknologi AI perlu dikawal selia bagi mencegah penyalahgunaan atas maksud tertentu. Buat masa ini, pemantauan dan kawalan ke atas teknologi digital seperti AI ini masih berada di bawah akta dan perundangan sedia ada seperti Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Perlindungan Data Peribadi, Akta Transaksi Elektronik dan lain-lain.

Kaedah perundangan mempunyai beberapa kelebihan khusus yang tidak terdapat pada mekanisme kawal selia yang lain seperti penguatkuasaan, menangani isu dengan sistematik dan langkah kerja yang komprehensif, tetapi kebergantungan semata-mata kepada mekanisme perundangan akan boleh merencatkan perkembangan inovasi teknologi AI dalam negara. Ini kerana kaedah perundangan hanyalah salah satu daripada mekanisme untuk mengawal selia teknologi AI selain standard, kod etika, pengauditan dan penilaian impak dan juga pendidikan dan program kesedaran.

Justeru, selaku kementerian yang menerajui sains, teknologi dan inovasi negara, MOSTI telah merangka Garis Panduan Governans dan Etika Kecergasan Buatan atau, dengan izin, *Artificial Intelligence Governance and Ethics* (AIGE). Garis panduan ini dibangunkan khusus untuk tiga kategori utama, iaitu pengguna dan orang awam, penggubal polisi dan juga penyedia dan pembangun teknologi berasaskan AI.

Secara umumnya, AIGE ini menerangkan bagaimana '7 Prinsip AI' yang bertanggungjawab dapat diterjemahkan dan diterapkan oleh ketiga-tiga kategori utama. Ketujuh-tujuh prinsip AI yang bertanggungjawab ini adalah: pertama- keadilan; kedua-kebolehpercayaan keselamatan dan kawalan; ketiga- privasi dan keselamatan; keempat-keterangkuman; kelima- ketelusan; keenam- akauntabiliti; dan ketujuh- kemaslahatan dan kebahagiaan manusia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, garis panduan ini jangka akan dilancarkan dalam masa yang terdekat. Pematuhan kepada garis panduan ini dapat memastikan penggunaan AI secara beretika dan selamat termasuklah membendung risiko dan impak negatif yang timbul daripada penggunaan aplikasi AI seperti Sora. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih, Dato' Menteri. Saya rasa jawapan untuk dua soalan saya hari ini dan esok termasuk soalan tambahan ini lengkap.

■1140

Cuma adakah kementerian menyediakan satu *rapid task force* untuk mengesan penyalahgunaan AI supaya tidak merebak menjadi fitnah yang besar dalam negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal: Seperti yang telah saya sentuh awal tadi, kita memang yang kita nyatakan tadi telah membangun satu garis panduan. Garis panduan ini memang tujuannya antaranya itu untuk mengawal daripada berlakunya fitnah ini.

Makanya, buat masa ini pemantauan dan juga kawalan ke atas teknologi digital seperti AI ini masih berada di bawah akta seperti yang disebut tadi komunikasi. Inilah antaranya untuk kita cuba mengatasi bila mana kita sudah melaksanakan garis panduan ini tentu akan ada susulan kepada cara kita menyelia kepada mengelak daripada perkara-perkara yang negatif dalam penggunaan teknologi AI ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Memandangkan Profesor Awang dengan Menteri Pendidikan masih ada lagi- saya benarkan soalan nombor 14, tetapi dijawab oleh Menteri, tidak ada soalan tambahan.

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua, rezeki Ramadan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Rezeki Ramadan.

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: *Lailatul Qadar, insya-Allah.* Soalan saya nombor 14.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

14. Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah kerajaan merancang untuk memberikan baucar pembelian buku dan bahan terbitan lain kepada ibu bapa untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan generasi muda memandangkan keadaan kos sara hidup dan kos penerbitan yang kian tinggi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Soalan ketiga yang dijawab pagi ini. *[Ketawa]* Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Senator. KPM komited dan menyokong usaha pemberian baucar pembelian buku dan bahan terbitan lain terutamanya kepada pelajar B40 untuk memperkukuhkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya generasi muda.

Melalui pemberian baucar ini secara tidak langsung akan merancakkan permintaan buku dalam pasaran sekali gus memperkasakan industri pembukuan negara di peringkat lokal. Dalam perkara ini, KPM telah membentangkan cadangan baucar buku kepada Kementerian Kewangan melalui inisiatif Belanjawan 2024. Pada masa yang sama bagi menggalakkan budaya membaca KPM memberikan diskaun istimewa sebagai rangsangan kepada ibu bapa untuk membeli buku setiap kali jualan gudang Dewan Bahasa dan Pustaka diadakan termasuk jualan di Pesta Buku Peringkat Antarabangsa seperti Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur mahupun Pesta Buku Peringkat Negeri. Diskaun yang diberikan adalah antara 30 peratus sehingga 50 peratus.

Selain itu, di bawah Program Inisiatif Belanjawan Tahun 2023 lebih daripada 389,076 naskhah buku Judul Am dalam pelbagai bidang telah diedarkan secara percuma ke sekolah-sekolah, perpustakaan dan kementerian yang bertujuan untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat terutamanya generasi muda. KPM turut mengadakan pelbagai program menggalakkan budaya membaca dalam kalangan generasi muda seperti Pertandingan Resensi Buku, Pertandingan Baca Naskhah, forum, teater, debat dan sebagainya. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Maka selesailah sesi pertanyaan bagi jawab lisan, Setiausaha.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG WANG TAK DITUNTUT (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

11.43 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Wang Tak Dituntut 1965 [Akta 370] dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Akta Wang Tak Dituntut (WTD) 1965 [Akta 370] telah digubal pada 1965 dan mula berkuat kuasa pada 1 Jun 1975. Menteri Kewangan Malaysia telah melantik Akauntan Negara Malaysia sebagai Pendaftar Wang Tak Dituntut bagi memastikan pelaksanaan dan pematuhan Akta 370. Tujuan pelantikan Pendaftar Wang Tak Dituntut adalah sebagai pemegang amanah yang diserahkan kepadanya seperti berikut:

- (i) mempertingkatkan kesedaran tentang hak dan tanggungjawab individu serta syarikat dan firma terhadap Akta 370;
- (ii) mempertingkatkan pematuhan syarikat dan firma yang tertakluk di bawah Akta 370; dan
- (iii) memastikan sistem pengurusan maklumat WTD diselenggarakan dengan baik dan melaksanakan proses pembayaran WTD dengan cekap dan tepat kepada empunya yang berhak.

WTD diperuntukkan di bawah seksyen 8 Akta 370 seperti yang berikut:

- (i) subseksyen 8(a). Semua wang yang kena dibayar di sisi undang-undang kepada empunya dan tetap tidak dibayar bagi tempoh tidak kurang daripada satu tahun selepas wang itu menjadi kena dibayar seperti gaji, bonus, komisen, upah, dividen, deposit dan insurans;
- (ii) subseksyen 8(b). Semua wang dalam kredit suatu akaun yang tidak dikendalikan dalam apa jua cara oleh empunya bagi tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun seperti akaun simpanan, akaun semasa, simpanan tetap; dan
- (iii) subseksyen 8(c). Semua wang dalam kredit suatu akaun perdagangan yang berterusan tidak aktif bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun seperti pemiutang dagangan serta penghutang dagangan berbaki kredit.

Akta 370 subseksyen 10(1) dan subseksyen 10(2) mewajibkan kepada setiap syarikat atau firma yang mempunyai WTD untuk menyelenggarakan suatu daftar WTD dan menyerahkannya kepada pendaftar WTD pada tempoh yang ditetapkan. Selaras dengan tugas-tugas di atas, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dalam usaha menambah baik pengoperasian dan pengurusan WTD telah membuat kajian perbandingan dengan beberapa buah negara seperti *United States of America*, Emirate Arab Bersatu, Singapura, New Zealand, Ireland, Australia dan Switzerland lalu mencadangkan untuk meminda beberapa perkara berkaitan selaras dengan keperluan semasa.

Datuk Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan Akta Wang Tak Dituntut 1965 terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian satu, wang dalam mahkamah dan bahagian dua, wang dalam syarikat dan firma. Bahagian I mengandungi tiga seksyen dan Bahagian II mengandungi sebelas seksyen. Bilangan pindaan yang dicadangkan adalah terdiri daripada tujuh daripada 18 seksyen dalam akta. Saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal yang terlibat seperti yang berikut.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan. Akta ini akan dinamakan Akta Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 yang akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dan dalam warta.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 370 bagi memperuntukkan takrif “*prescribed*”, “*registrar*” dan “*unclaimed moneys*”. Dengan pindaan ini takrif “*prescribed*”,

“*registrar*” dan “*unclaimed moneys*” yang pada masa ini terpakai bagi Bahagian II Akta 370 akan terpakai bagi keseluruhan Akta 370.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 2A bagi memperuntukkan skop WTD berbangkit daripada pemotongan takrif *unclaimed moneys*, dengan izin di bawah seksyen 8 Akta 370. Seksyen baharu 2A yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa WTD perlu dibayar kepada *pemunya* selepas wang tersebut menjadi kena dibayar daripada satu tahun kepada dua tahun. Dengan pindaan ini, peruntukan yang berhubungan dengan *unclaimed moneys* yang pada masa ini terpakai bagi Bahagian II Akta 370 akan terpakai bagi keseluruhan Akta 370.

WTD yang kena dibayar kepada pemilik WTD oleh syarikat atau firma dalam tempoh tidak kurang satu tahun didapati singkat serta membebankan syarikat dan firma menyelenggarakan data serta mematuhi kehendak undang-undang. Pindaan pada tempoh tidak kurang dari dua tahun ini akan memberikan lebih masa kepada syarikat atau firma untuk membuat bayaran kepada empunya.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukan seksyen baharu 4A berbangkit daripada pemotongan seksyen 9, Akta 370 yang berhubungan dengan pendaftar wang tak dituntut. Seksyen baharu 4A yang dicadangkan juga bertujuan untuk membenarkan Menteri untuk melantik mana-mana pegawai dalam perkhidmatan kerajaan sebagai Pendaftar Wang Tak Dituntut dan seorang atau lebih pegawai dalam perkhidmatan kerajaan sebagai Timbalan Pendaftar Wang Tak Dituntut dan Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut.

Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk menjelaskan bahawa apa-apa yang diberi kuasa atau dikehendaki untuk dilakukan atau ditandatangani oleh Timbalan Pendaftar Wang Tak Dituntut dan Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut tertakluk kepada arahan am dan kawalan pendaftar dan juga sekatan dan batasan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta 370 hendaklah menjadi sah dan berkesan seolah-olah dilakukan atau ditandatangani oleh Pendaftar.

■1150

Fasal 5 dan 6 bertujuan untuk meminda seksyen 5 dan 6, Akta 370 bagi memperuntukkan bahawa hanya Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar yang dilantik oleh Menteri sebagai orang yang bertanggungjawab bagi menguruskan WTD dan Sekuriti Tak Dituntut (STD) di bawah Akta 370. Pindaan seksyen 5 dan 6 ini adalah bertujuan bagi memastikan Pendaftar WTD dan orang yang diberi kuasa sahaja yang dibenarkan untuk menguruskan STD termasuk menjual, melupuskan, membayar dan memindahkan ke Akaun Hasil Disatukan yang masih perlu melalui kuasa Hakim Mahkamah Tinggi untuk membuat Perintah Letak Hak.

Fasal 7 bertujuan untuk memotong takrif *prescribed*, *Registrar* dan *unclaimed moneys* di bawah seksyen 8, Akta 370 berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 2 dan seksyen baharu 2A yang dicadangkan.

Fasal 8 bertujuan untuk memotong seksyen 9 berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 2, 2A, 4A, 5 dan 6 yang dicadangkan.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda subseksyen 10A(1) Akta 370 bagi memperuntukkan daftar wang tak dituntut yang mengandungi butir-butir tentang WTD yang dipegang oleh syarikat atau firma yang kekal tidak dibayar sehingga ke hari terakhir bulan Disember tahun yang sebelumnya, hendaklah disiarkan melalui perantara elektronik atau secara penyampaian elektronik.

Kaedah pewartaan sedia ada ini membebankan kerajaan di mana purata kos perwataan adalah RM10.5 juta setahun dan kos terkini telah mencecah sehingga RM15.5 juta. Pada tahun 2023 dapat dijimatkan dengan pindaan subseksyen 10A(1) ini.

Bagi menambah baik kaedah pemakluman WTD, Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mula menggunakan kaedah dalam talian menggunakan sistem eGUMIS pada tahun 2020 sebagai medium pemakluman, semakan dan permohonan tuntutan bayaran balik WTD. Penggunaan aplikasi dalam talian ini telah pun diamalkan oleh negara lain seperti New Zealand, Australia, Ireland, Singapura dan Switzerland.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda subseksyen 11(2) Akta 370 bagi mengurangkan tempoh WTD yang dikreditkan ke Akaun Amanah Disatukan setakat yang WTD itu belum dibayar kepada Akaun Amanah Disatukan di bawah Bahagian II Akta 370 daripada 15 belas tahun kepada 10 tahun. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk membolehkan WTD dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan apabila luput tempoh 10 tahun dan tarikh wang itu dikreditkan ke Akaun Amanah Disatukan.

WTD yang dipindah ke Akaun Hasil Disatukan dapat menyumbang kepada keperluan perbelanjaan kerajaan terutamanya dalam memenuhi objektif sosial ekonomi negara serta langkah pemulihan ekonomi. Walaupun pindaan WTD dibuat ke Akaun Hasil Disatukan, tuntutan masih boleh dibuat. Sekiranya rang undang-undang ini diluluskan, jumlah WTD yang akan dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan mencecah RM1.98 bilion pada awal pelaksanaan.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 15 berbangkit daripada pindaan yang dibuat dalam seksyen 2 Akta 370 berhubung dengan takrif '*prescribed*'. Dengan pindaan ini, peruntukan ini yang pada masa ini terpakai bagi Bahagian II, Akta 370 akan terpakai bagi keseluruhan Akta 370.

Fasal 12 mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan 2024) di bawah Kementerian Kewangan ini adalah perlu dan penting untuk

kelancaran operasi pengurusan WTD supaya lebih cekap, efisien dan dapat meningkatkan pematuhan syarikat atau firma terhadap Akta 370 serta mempamerkan mesej yang jelas mengenai komitmen kerajaan dalam memperkukuhkan tadbir urus WTD.

Selain itu, pindaan ini juga akan selaras dengan keperluan semasa demi menjaga kepentingan orang awam terutamanya empunya WTD. Cadangan pindaan ini juga akan dapat meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dan menjimatkan perbelanjaan kerajaan untuk tempoh jangka sederhana dan jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Wang Tak Dituntut 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai sembilan orang ahli yang hendak berbahas. Maka saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah lima minit seorang. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran.

11.55 pg.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan peruntukan baharu seksyen 2A yang menggariskan tentang kategori-kategori wang yang tidak dituntut. Berdasarkan kenyataan bekas Timbalan Menteri Kewangan Yang Berhormat Parlimen Pontian pada 12 April 2023, beliau telah mendedahkan bahawa sebanyak RM11 bilion- wang yang tidak dituntut setakat Mac 2023.

Ini memberikan gambaran bahawa masih ramai rakyat di luar sana yang tidak peka dengan- terhadap wang milik mereka yang tidak dituntut. Sehubungan dengan ini, sejajar dengan pindaan Akta 370 ini, saya berpendirian bahawa Jabatan Akaun Negara seharusnya mewujudkan berbagai-bagai bentuk pemudah cara kepada rakyat dalam segmen tertentu untuk menyemak serta memohon wang yang tidak dituntut.

Secara prinsipal, saya menyambut baik inisiatif Jabatan Akaun Negara untuk membangunkan aplikasi digital yang dipanggil *eGUMIS mobile*. Aplikasi tersebut merupakan kaedah alternatif kepada rakyat yang memilih kemudahan digital untuk melakukan semakan serta permohonan wang tidak dituntut. Persoalannya, apakah status terkini aplikasi eGUMIS tersebut? Apa ciri-ciri keselamatan yang turut dibangunkan bagi melindungi kerahsiaan data peribadi para pengguna daripada di manipulasi oleh penggodam atau risiko pembocoran maklumat.

Saya ingin berkongsi satu kisah benar tentang diri saya sendiri. Beberapa minggu lepas, saya telah menerima panggilan dari sebuah syarikat menyatakan bahawa saya mempunyai sejumlah wang yang tidak dituntut dan mereka boleh membantu saya untuk menuntut wang tersebut dengan bayaran perkhidmatan 20 peratus daripada jumlah wang yang saya bakal terima. Saya tidak percaya dengan kenyataan tersebut dan syarikat tersebut telah meyakinkan saya dengan menyatakan bahawa saya telah membuat pembayaran lebih untuk insurans anak saya.

Syarikat tersebut telah mengeluarkan *black and white*, dengan izin, wang yang tidak dituntut dengan nama penuh saya dan juga nombor kad pengenalan saya. Macam ini boleh berlaku Tuan Yang di-Pertua? Mereka mempunyai data peribadi saya. Adakah mereka diberi tanggungjawab untuk menghubungi saya? Selepas itu, saya terus menghubungi syarikat insurans anak saya dan rupa-rupanya saya telah terlebih bayar premium insurans anak saya tiga bulan.

Ini merupakan sebuah syarikat multinasional insurans yang terkemuka. Kenapakah mereka tidak menghubungi saya terlebih dahulu sebelum isu ini berlaku? Saya menyarankan agar semua rakyat Malaysia termasuk Ahli-ahli Dewan di sini membuat semakan dengan Jabatan Akaun Negara.

Saya harap dengan pindaan rang undang-undang ini, kita dapat menutup kelompangan ini dan mendesak syarikat untuk menunjukkan bahawa mereka telah berusaha sedaya upaya untuk memulangkan wang yang sepatutnya menjadi milik pelanggan mereka. Berdasarkan perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi, saya ingin mengajukan beberapa persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri.

Pertama, berapakah jumlah wang tidak dituntut bermula dari tahun berkuat kuasa Akta 370 ini sehingga 29 Februari 2024?

Kedua, apa bentuk pemantauan yang dilaksanakan selama ini untuk memastikan sesebuah syarikat persendirian atau koperasi benar-benar melaksanakan tanggungjawab penyerahan wang tidak dituntut menurut seksyen 8, Akta 370 ini?

Setakat 31 Mac 2024, berapakah jumlah syarikat persendirian serta koperasi yang telah berdepan dengan hukuman denda atas kesalahan-kesalahan seperti:

- (i) gagal selenggara daftar;
- (ii) gagal menyerah daftar kepada Pendaftar;
- (iii) gagal membayar wang tidak dituntut; dan
- (iv) gagal menyerah daftar untuk diwartakan.

Apa aspek perkhidmatan yang sedang ditambah baik di cawangan Jabatan Akauntan Negara sebagai usaha untuk melancarkan lagi urusan semakan secara fizikal serta permohonan tuntutan.

■1200

Datuk Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Wang Tidak Dituntut (Pindaan) 2024. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris.

12.00 tgh.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Datuk Yang di-Pertua, pertamanya terima kasih kepada Datuk Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Wang Tidak Dituntut (Pindaan) 2024.

Datuk Yang di-Pertua, memendekkan tempoh Wang Tidak Dituntut dan Kutipan Hasil. Fasal 10, dengan meminda subseksyen 11(2) Akta 370 bagi mengurangkan tempoh Wang Tidak Dituntut yang dikreditkan kpd Akaun Amanah Yang Disatukan dari tempoh 15 tahun kepada 10 tahun. Daripada jumlah anggaran kutipan hasil sebanyak RM1.98 bilion yang dijangka dipindahkan ke Akaun Amanah Yang Disatukan pada tahun 2024.

Berapakah amaun dalam bentuk simpanan tetap? Apakah langkah susulan yang untuk memastikan supaya semua Wang Tidak Dituntut digunakan untuk manfaat pembangunan dan bantuan kepada rakyat? Adakah usaha yang telah diambil untuk menjejaki pemilik akaun Wang Tidak Dituntut dengan mengambil kira Wang Yang Tidak Dituntut yang sehingga kini mencecah sehingga RM11.7 bilion sehingga 31 Disember yang lalu?

Datuk Yang di-Pertua, fasal 4 dengan memasukkan seksyen baharu 4A untuk membenarkan Menteri untuk melantik mana-mana pegawai dalam perkhidmatan kerajaan sebagai Pendaftar Wang Tidak Dituntut dan seorang atau lebih pegawai dalam perkhidmatan kerajaan sebagai Timbalan Pendaftar Wang Tidak Dituntut dan Penolong Pendaftar Wang Tidak Dituntut.

Fasal 5 dan fasal 6, meminda subseksyen 5 dan 6, Akta 370 bagi memperuntukkan bahawa hanya Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar yang dilantik oleh Menteri sebagai orang yang bertanggungjawab bagi menguruskan Wang Tidak Dituntut dan sekuriti di bawah Akta 370. Persoalan saya, apa perincian mengenai- apakah bentuk mekanisme semak dan imbang terhadap punca kuasa pendaftar yang dilantik oleh menteri dan dibenarkan untuk mengurus sekuriti yang tidak dituntut termasuk penjualan, pembayaran, pemindahan Wang Tidak Dituntut ke Akaun Amanah Yang Disatukan.

Datuk Yang di-Pertua, proses semakan Wang Tidak Dituntut, apakah inisiatif yang terkini kerajaan dalam memudahkan proses bayaran balik Wang Tidak Dituntut kepada empunyai yang layak? Adakah terdapat usaha untuk memudahkan cara proses semakan

tuntutan Wang Tidak Dituntut terutamanya kepada penduduk di luar bandar di kalangan warga emas yang mungkin tidak dapat mengakses sistem eGUMIS secara atas talian ataupun kesukaran untuk menghadiri ke pejabat-pejabat atau kaunter Jabatan Akauntan Negara?

Adakah juga terdapat tindakan yang diambil terhadap mana-mana pihak yang menyamar sebagai ejen ataupun orang tengah dalam urusan membuat semakan atau tuntutan sehingga menyebabkan orang awam terpedaya menjadi mangsa penipuan? Sejauh manakah keberhasilan program taklimat kesedaran yang dianjurkan oleh Jabatan Akauntan Negara mengenai Wang Tidak Dituntut serta inisiatif yang berbentuk advokasi untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang Wang Tidak Dituntut oleh mereka? Sekian, perbahasan saya. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

12.05 tghari.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam Malaysia MADANI.

Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menyertai perbahasan terhadap Wang Tidak Dituntut (Pindaan) 2024. Sefahaman saya, setakat 29 Februari 2024 sebanyak RM11.64 bilion dikategorikan sebagai Wang Tidak Dituntut. Ini merupakan jumlah wang boleh memberi makna kepada pembangunan negara. Bagi saya *ideal money is a gone money, money must work for you*, dengan izin.

Wang Tidak Dituntut ini adalah wajar digunakan oleh kerajaan untuk disalurkan ke arah pembangunan negara yang lebih mampan. Jika wang ini tidak digunakan oleh pihak kerajaan, yang rugi ialah kita sendiri kerana nilai wang tidak dilabur akan terus menyusut ekoran kadar inflasi.

Datuk Yang di-Pertua, saya mempunyai beberapa soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertama sekali, saya memohon penjelasan berkaitan penggunaan Wang Tidak Dituntut ini. Bolehkah Wang Tidak Dituntut ini digunakan untuk tujuan pelaburan? Satu. Bagi saya tidak kira sama ada dalam akaun sendiri atau Akaun Hasil Disatukan- *consolidated revenue accounts*, dengan izin. Kerajaan harus memastikan kebolehan daya pulangan yang boleh melindungi daripada kesan penyusutan nilai wang akibat inflasi. Kena ada *healthy return*, dengan izin.

Kedua, apakah skop penggunaan kerajaan ke atas Wang Tidak Dituntut ini setelah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan? Memandangkan ia merupakan wang rakyat, saya mencadangkan supaya terdapat syarat-syarat khusus terhadap penggunaan dana ini

dengan tujuan di mana ia hanya boleh digunakan untuk kepentingan rakyat yang tertentu. Contohnya, subsidi kos perubatan atau subsidi kos pengangkutan dan sebagainya.

Ketiga, memandangkan wang yang telah dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan masih boleh dituntut, apa mekanisme perlindungan atau garis panduan penggunaan dalam memastikan ada jumlah wang yang diketepikan untuk membayar tuntutan yang dibuat.

Seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan proses tuntutan untuk Wang Tidak Dituntut ini. Satu, apakah proses tuntutan akan berbeza jikalau wang tersebut telah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan berbanding ketika ia berada di dalam akaun Wang Tidak Dituntut?

Kedua, apa garis masa yang ditetapkan untuk wang ini diserahkan semula kepada empunya, tuan punya ya setelah permohonan tuntutan dibuat dan apakah mekanisme penyerahan proses ini?

Tujuan saya bertanya sedemikian ialah untuk memastikan kita juga mengambil peluang ini untuk memberi pengetahuan kepada Ahli-ahli Dewan dan rakyat jelata berkaitan tatacara penuntutan wang ini sekali gus menangani tanggapan negatif apabila kerajaan mengumumkan penggunaan Wang Tidak Dituntut ini. Saya sangat berharap proses tuntutan ini akan diuar-uarkan kepada rakyat dan wang yang dipindah ini akan dibelanjakan dengan adil dan saksama.

Akhir sekali, saya ingin memuji pihak kementerian dalam memperkenalkan portal eGUMIS dan peralihan kepada kaedah digital bagi pengurusan Wang Tidak Dituntut ini, manfaatnya sangat ketara. Contoh peralihan kepada pewartaan secara digital melalui seksyen 10A(1) ini membolehkan maklumat berkaitan Wang Tidak Dituntut diuar-uarkan secara digital melalui portal yang telah dibangunkan. Kaedah ini dijangka boleh menjimatkan kerajaan kos purata sebanyak RM10.5 juta setahun. Namun, terdapat beberapa penjelasan yang ingin saya dapatkan daripada pihak kerajaan terhadap perkara berikut.

■1210

Satu, apakah perancangan kerajaan untuk menguar-uarkan fungsi eGUMIS kepada khalayak ramai khususnya di kawasan luar bandar? Dua, pada saat kita mengejar digitalisasi ini, saya berharap agar kerajaan juga mengambil kira situasi negara menua kita ini di mana generasi menua ini akan menghadapi kesukaran untuk beradaptasi dalam dunia digital ini secara mendadak. Literasi teknologi dan panduan perlu disampaikan.

Saya ingin cadangkan agar kerajaan juga menyediakan kaunter eGUMIS gerak di semua negeri untuk memudahkan proses tuntutan wang dan meningkatkan kesedaran orang ramai. Sampai di sini sahaja perbahasan saya buat kali ini. Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau.

12.11 tgh.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Datuk Yang di-Pertua kerana memberikan peluang saya untuk berbahas Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024.

Sebenarnya saya memang terkejut apabila saya membaca berita daripada *The Star*, "*Public can still get their unclaimed money even after 15 years period lapses*, tetapi yang terkejut itu ialah *the current total unclaimed money stands RM11.6 billion*. Yang ini terkejut.

Oleh itu, / nak katakan jumlah yang tidak kecil ini bakal digunakan kepada projek-projek pembangunan negara ataupun kepada kebajikan rakyat ini adalah penting. Oleh itu, pindaan kepada Akta Wang Tak Dituntut ini adalah bersifat progresif dan mematuhi pindaan yang memastikan Akta Wang Tak Dituntut ini *up to date* dan sesuai dengan keperluan negara semasa. Selain itu, ia juga menangani dua bidang kritikal pengurusan kewangan kerajaan iaitu satu, mengurangkan defisit fiskal serta meningkatkan perbelanjaan pembangunan.

Datuk Yang di-Pertua, semasa saya menyemak rang undang-undang secara spesifik, saya mendapati bahawa seksyen 4A Menteri Kewangan diberikan kuasa untuk melantik mana-mana pegawai dan perkhidmatan kerajaan sebagai Pendaftar Wang Dituntut, Timbalan Pendaftar Wang Tak Dituntut dan Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut.

Saya setuju dengan skop kuasa pegawai-pegawai Pendaftar seperti yang disenaraikan dalam RUU ini. Skop kuasa mereka adalah wajar tetapi memandangkan bahawa ia adalah pelantikan oleh Menteri Kewangan, saya ingin tahu secara lebih lanjut *the decision-making criteria* untuk pelantikan tersebut dan mekanisme perlindungan yang ada. Mungkin dalam bentuk badan pemantauan bagi memastikan tanggungjawab Pendaftar dijalankan secara bersih tanpa korupsi kerana ia melibatkan pengurusan wang rakyat. Saya harap Menteri boleh memberi jaminan mengenai isu ini nanti.

Datuk Yang di-Pertua, juga didapati bahawa pindaan kepada seksyen 11 yang mencadangkan mengurangkan tempoh luput wang tak dituntut daripada 15 tahun kepada 10 tahun. Ini merupakan langkah yang wajar kerana langkah ini membenarkan kerajaan menyalurkan wang tak dituntut itu kepada bidang lain secara lebih awal.

Soalan saya, apakah basis 10 tahun ini yang daripada 15 ke-10? Mengapakah bukan lima tahun? Setakat tahun 2023, sebanyak RM250 juta telah dijana sebagai faedah akibat pelaburan RM11 bilion, wang tak dituntut ini oleh kerajaan pada simpanan tetap menurut Timbalan Menteri Kewangan pada masa itu iaitu Yang Berhormat Pontian. Faedah ini boleh digunakan dalam pelbagai inisiatif pro rakyat.

Bagi pandangan saya, tempoh luput ini sebenarnya boleh dikurangkan sampai lima tahun lagi agar kerajaan dapat menggunakan wang tak dituntut tersebut untuk inisiatif kebajikan rakyat dan pembangunan negara. *After all, the unclaimed money is unclaimed and unused and the rakyat still can claim the right full portion of unclaimed money even after the*

lapses period, dengan izin. Walau bagaimanapun, pemendekan tempoh tuntutan kepada 10 tahun ini permulaan yang baik.

Datuk Yang di-Pertua, sejak tahun 2020, Jabatan Akauntan Negara telah menerima pakai sistem eGUMIS secara umum bagi pelbagai hal ehwal berkaitan dengan wang tak dituntut. Kegunaan sistem atas talian ini menimbulkan persoalan tentang jaminan privasi data oleh pihak kerajaan memandangkan bahawa sektor kerajaan menyumbang 22 peratus daripada jumlah kes kebocoran data pada separuh pertama 2023 yang menurut laporan *CyberSecurity Malaysia*.

Sedia faham bahawa pada Januari 2022, portal berita *Free Malaysia Today* telah melaporkan seorang wanita telah menerima panggilan daripada sebuah syarikat yang menawarkan perkhidmatan penuntutan wang tak dituntut kepada dia. Pemanggil itu daripada syarikat tersebut juga mempunyai data sensitif wanita berkaitan nama penuh, nombor MyKad dan jumlah wang yang belum dituntut. Kita ramai rakyat mempunyai defisit amanah kepada keselamatan data yang diuruskan oleh kerajaan. Ini mudahlah dilihat dekat pendaftaran PADU yang rendah yang ini akibat kebimbangan keselamatan data peribadi.

Oleh itu Datuk Yang di-Pertua, walaupun saya membangkitkan beberapa persoalan, kritikan kepada pindaan yang progresif ini, saya hanya bersuara demi kebajikan dan kesejahteraan rakyat sahaja. Saya percaya lebih banyak boleh dilakukan pada masa depan seperti mengukuhkan keselamatan data peribadi. Namun begitu, saya percaya pindaan ini adalah cukup sempurna buat masa ini. Datuk Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

12.17 tgh.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana beri saya peluang untuk membahaskan RUU Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 di Dewan yang mulia ini.

Datuk Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tiga perkara berikut. Pertama mengenai cadangan pengurangan tahun pelupusan wang tak dituntut daripada 15 tahun ke-10 tahun dalam subseksyen 11(2). Saya ingin membuat cadangan untuk memanjangkan tempoh wang tak dituntut kepada 20 tahun. Ini kerana kebanyakan rakyat tidak sedar bahawa mereka ada wang yang tak dituntut seterusnya lebih banyak masa perlu diberikan untuk membuat tuntutan. Buat kes tertentu, seorang anak yang mewarisi harta pada usia muda memerlukan tempoh yang lebih panjang untuk menyedari perkara ini dan menuntut wang tersebut.

Di samping itu, kebanyakan rakyat juga tidak tahu proses penyemakan dan penuntutan wang tersebut. Dengan ini, saya ingin mencadangkan bahawa pihak kerajaan

harus mempergiatkan usaha meningkatkan kesedaran rakyat mengenai wang yang tidak dituntut. Saya juga mencadangkan penubuhan biro maklumat untuk memberi nasihat dan bantuan tuntutan wang yang tak dituntut.

Kedua, difahamkan bahawa wang tak dituntut akan dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan iaitu *Revenue Account* setelah dilupuskan. Adakah pihak kerajaan akan ada satu mekanisme untuk memantau perbelanjaan wang tak dituntut. Saya juga ingin mencadangkan bahawa satu laporan yang memperincikan perbelanjaan wang tak dituntut seharusnya dibentangkan dalam Parlimen untuk mengelakkan ketirisan wang untuk terus mencerminkan ketelusan perbelanjaan wang tersebut.

Akhir sekali, pemulangan wang kepada rakyat adalah tertakluk kepada mereka untuk memeriksa dan memohon melalui sistem talian eGUMIS. Untuk memudahkan proses ini, saya mohon mencadangkan bahawa pihak kerajaan seharusnya menyediakan satu badan yang dapat menyediakan perkhidmatan guaman dan bantuan kewangan untuk tuntutan wang tersebut terutama kepada warga emas yang tidak cerdik IT atau mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Kerajaan juga boleh secara proaktif menghubungi mereka yang layak. Hal ini akan menjimatkan banyak masa untuk kedua-dua pihak. Datuk Yang di-Pertua, secara amnya saya menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

■1220

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

12.20 tgh.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Pindaan). Datuk Yang di-Pertua, wang tidak dituntut dikatakan berjumlah RM11 bilion. Jadi, kerajaan perlu mencari waris ataupun pemilik asal mereka ataupun siapa yang berhak ke atas wang ini.

Walau bagaimanapun, wang tidak dituntut ini adalah satu jumlah yang besar. Kalau digunakan untuk pembangunan negara, ia akan memberi faedah yang lebih baik kepada negara. Justeru itu, pindaan ini yang akan mengurangkan lagi daripada 15 tahun kepada 10 tahun. Ini adalah satu yang baik. Walau bagaimanapun, mungkin boleh dikurangkan lagi kerana wang ini kita tidak tahu siapa pemiliknya. Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang menyebabkan kita lupa wang kita.

Mungkin saya sendiri pun tidak tahu kerana dahulu pada masa saya remaja, saya pernah buka akaun di Bank BSN, contoh. Jadi, saya tidak tahu apa terjadi dengan saya wang di dalam itu. Mungkin sudah dipulangkan kepada negara, saya tidak pasti. Jadi, ini perkara-

perkara yang kita tidak tahu dan ada juga yang makin tua kita akan lupa. Ada yang berpindah alamat, surat mungkin sampai ke alamat lama dan kita tidak tahu.

Jadi justeru itu, adalah saya ingin bertanya kepada kerajaan sama ada kerajaan memberi peluang kepada bank-bank perdagangan di negara ini yang memiliki aplikasi supaya- sebab kita lupa nombor akaun, hanya dengan melihat wang ataupun IC kita, kad pengenalan kita, menyebabkan kita boleh tahu sama ada kita ada memiliki akaun ataupun baki wang dalam sesuatu institusi kewangan. Ini sangat penting.

Justeru itu, saya juga berharap supaya pindaan ini bila dilaksanakan, memang saya juga setuju dengan rakan-rakan yang lain. Di mana, perlu mencari kaedah yang memudahkan setiap kita yang ada di negara ini supaya bagaimana kita hendak mengetahui sama ada kita memiliki wang yang tidak dituntut atau tidak?

Jadi, saya juga setuju dengan cadangan supaya rakyat di pedalaman ini terutamanya dengan kita ada sistem *online* untuk menyemak sekarang tetapi masalahnya ada kawasan-kawasan yang memang tidak ada *line* Internet- bahkan banyak, masih ramai lagi warganegara kita yang belum pandai menggunakan Internet.

Jadi justeru itu, masih perlu juga usaha-usaha untuk mencari pemilik-pemilik wang yang tidak dituntut ini supaya kerajaan apabila menggunakannya kerana usaha telah dibuat maka wang yang tidak dituntut ini boleh digunakan dengan saya percaya dengan penuh berkat tanpa menafikan mereka yang berhak ke atasnya.

Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Seorang Ahli: ...Ada masa lagi.

Tuan Abun Sui Anyit: Tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris.

12.24 tgh.

Datuk Noraini binti Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Wang Tidak Dituntut (Pindaan) 2024.

Berdasarkan data Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada tahun 2023, sejumlah RM11.7 bilion dikategorikan sebagai wang tidak dituntut. Namun, hanya RM3.2 bilion sahaja yang telah dilunaskan kepada empunya dengan baki lebih RM8 bilion- wang tidak dituntut dalam Kumpulan Wang Amanah. Justeru, difahamkan pindaan kepada akta ini perlu dibuat agar sejumlah wang ini dapat dibayar dengan lebih cepat kepada empunya yang sah di samping boleh disalurkan demi pembangunan negara.

Saya ingin merujuk kepada Bahagian II pindaan subseksyen 11(2) yang bertujuan memendekkan tempoh daripada 15 tahun kepada 10 tahun untuk memindahkan wang tak

dituntut daripada Kumpulan Wang Amanah kepada Akaun Hasil Disatukan. Pada hemat saya, pemendekan tempoh ini adalah wajar agar wang tidak dituntut ini tidak akan mengambil masa yang lama untuk dipindahkan ke akaun hasil untuk manfaat pembangunan negara.

Semua yang dipindahkan ke akaun hasil berkenaan akan dibelanjakan bagi tujuan perbelanjaan operasi dan perbelanjaan pembangunan negara berdasarkan bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri selaras Akta Tatacara Kewangan 1957. Namun yang demikian, persoalan saya setelah pindahan ke akaun hasil dibuat adakah tuntutan wang tersebut daripada waris misalnya akan terbatal serta-merta atau masih boleh dituntut lagi?

Dalam pada itu juga, apakah tindakan dan perancangan kementerian dalam terus mempromosikan tuntutan wang ini agar tidak lagi berlaku lebih yang tidak dilunaskan sehingga memakan masa sehingga 10 tahun ke atas? Kebanyakan daripada wang yang tidak dituntut ini adalah daripada akaun bank, insurans, dividen yang tidak dituntut yang saya pasti ramai masih terlepas pandang atau kurang diberi pendedahan tentang wujudnya wang tidak dituntut ini.

Satu lagi persoalan, bagaimana pula status wang tidak dituntut oleh syarikat atau firma yang sudah dilikuidasi ataupun di *wound-up*, dengan izin. Siapakah yang akan berhak untuk membuat tuntutan ke atas wang tidak dituntut oleh syarikat tersebut terutama di mana semua *judgement creditor* ataupun pemiutang penghakiman sudah pun mendapat bayaran mereka?

Seterusnya, saya juga bersetuju berkaitan pindaan yang memansuhkan keperluan warta yang agak ketinggalan dan menggantikan dengan pemakluman secara digital melalui portal eGumis yang saya kira bertepatan dengan era digitalisasi pada hari ini selaras dengan transformasi digital negara. Jika dahulu proses untuk menuntut wang yang tidak dituntut ini agak rumit kerana masih menggunakan proses konvensional di mana adakala orang yang menuntut kena pergi ke kaunter-kaunter Jabatan Akauntan Negara dan terpaksa beratur panjang dan masa menunggu juga agak lama.

Namun yang demikian, bagaimanakah sistem ini akan dapat berfungsi secara total termasuklah kepada pengguna luar bandar serta golongan berusia yang bukan IT savvy? Adakah semua rekod wang tidak dituntut ini boleh dibuat semakan dan tuntutan melalui tuntutan di portal eGumis? Jadi mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Akhir kata, saya berharap agar semua pindaan rang undang-undang ini akan memberi manfaat kepada semua pihak kelak. Jadi, sekian sahaja daripada saya. Dengan ini saya menyokong pindaan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

12.28 tgh.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertamanya saya hendak ucap terima kasih atas peluang yang diberikan. Saya *direct* kepada isunya Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya melihat bahawa isu ini ialah isu kefahaman ataupun sedar ataupun tidak sedar. Jumlah RM11.64 bilion ini suatu jumlah yang sangat banyak dan apabila kita bicara tentang pindaan ini, diharapkan akan meningkatkan *efficiency* tentang pengurusan wang yang tak dituntut. Isu untuk melupuskan wang ini untuk dimasukkan dalam akaun wang yang disatukan, adakah mungkin akan nanti timbul keabsahannya dari sudut sebahagian daripada pemilik wang yang dituntut sebenarnya mereka tak tahu pun bahawa mereka punya wang.

Saya sendiri pun hari ini pun, mungkin saya pun tidak tahu. Entah-entah saya banyak duit dalam itu. Jadi, antara sebab kerana mungkin pewaris-pewaris itu yang mereka tidak peka dan mereka tidak tahu.

■1230

Jadi, oleh sebab itu saya fikir ada dua perkara utama dalam isu ini. Pertama, tak tahu. Kedua, tak pandai untuk mengeluarkan kalau dia pun tahu.

Jadi, oleh sebab itu saya mencadangkan supaya kita kena tingkatkan kesedaran rakyat tentang wang tak dituntut khususnya masyarakat di luar bandar. Kalau tak di tingkat angka ini mungkin akan terus bertambah. Kesedaran literasi berkenaan wang tak dituntut juga harus diberikan kepada pegawai-pegawai bank bagi memudahkan pelanggan-pelanggan datang untuk merujuk di mana-mana bank.

Saya ingin mencadangkan supaya kementerian mengadakan *roadshow*- RM11.64 bilion ini besar, besar sangat dan kalau kementerian boleh mengadakan satu program *roadshow* untuk turun di pelbagai lokasi bagi memaklumkan dan menyedarkan masyarakat yang mungkin mereka tahu ataupun tak tahu supaya jumlah wang ini dapat dimanfaatkan dan dapat dituntut. Tuan-tuan, 11.6 ini kalau nanti diagih kepada orang yang menerimanya nanti sebahagian mungkin mereka adalah yang miskin tegar- menyelesaikan sebahagian daripada masalah rakyat.

Menurut seksyen 13(1) Akta Wang Tak Dituntut 1965, bayaran wang yang tak dituntut nak dibayar kepada mana-mana penerima yang dapat membuktikan bahawa beliau mempunyai hak ke atas wang yang tak dituntut apabila pegawai yang berkenaan berpuas hati dengan pengesahan.

Tetapi tuan-tuan ada satu lagi yang saya sebut tadi, tak pandai mungkin, tetapi isu sekarang ini apabila kita wujudkan *eGUMIS*. Saya melihat *eGUMIS* bagus, tapi bolehkah dipermudahkan? Saya mungkin betul atau tidak tapi perjelaskan. Saya melihat ada sekurang-kurangnya 10 langkah untuk mendaftar diikuti dengan 12 langkah untuk membuat tuntutan. Ini orang kampung orang pedalaman lagi sulit, Datuk Yang di-Pertua.

Saya mencadangkan supaya pihak Jabatan Akauntan Negara mungkin tepat dengannya boleh memikirkan kaedah yang lebih ringkas, mudah tapi tepat. Supaya kaedah menuntut jumlah wang tak dituntut ini dapat diperoleh dan diambil oleh orang-orang yang berkenaan setelah mereka sedar dan mereka tahu.

Ketiganya yang terakhir dari sudut isu pihak ketiga atau ejen. Kalau kira daripada seksyen 10A bahawa serahan wang yang tak dituntut oleh syarikat, firma akan diwartakan. Pihak pendaftar akan mengemukakan rekod serahan kepada Percetakan Nasional (PNB) untuk proses-proses pewartaan. Bila diwartakan mula akan berlaku keterbukaan maklumat. Bila terbuka maklumat bertambah-tambahlah *scammer* ini akan datang. Jadi, boleh tak kita fikirkan supaya aktiviti *scammer* dengan satu lagi peluang baru RM11.64 bilion ini tidak dimanfaatkan oleh golongan-golongan yang nak mencari kesempatan ini.

Jadi saya fikir itu yang saya nak sebutkan, saya harap mudah-mudahan dengan isu ini kita bukan sekadar untuk boleh menyelesaikan masalah negara- saya tak sebut lagi satu. Saya mencadangkan walaupun nak dilupus kira, bolehkah tidak ini dianggap sebagai pinjaman kerajaan untuk dimasukkan dalam Wang Disatukan seperti juga kita buat pinjaman daripada agensi-agensi kerajaan yang lain? Sebab ini ada lah hak orang, tak dituntut kerana tak tahu ataupun tak dituntut kerana tak pandai menuntut- *wallahualam*. Terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya menyokong RUU ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Tuan Manolan Mohamad, pembahas yang terakhir.

12.34 tgh.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk terlibat dalam rang undang-undang iaitu meminda Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Pindaan) 2024.

Saya menyambut baik langkah kerajaan kerana membuat pindaan ini kerana wang yang tidak dituntut ini setakat 30 April tahun lepas 2023, itu sebanyak RM11.2 juta dan jumlah yang dibayar balik iaitu RM3.3- minta maaf. RM11.2 bilion setakat 30 April 2023 dan wang yang telah dibayar balik sebanyak RM3.3 bilion yang telah dituntut oleh pemilik.

Bagi saya, ini satu langkah yang baik di mana wang ini seharusnya memang boleh digunakan oleh kerajaan untuk pembangunan negara kita. Cuma saya tengok dalam pindaan seksyen 11 ini ia daripada 15 tahun ke-10 tahun. Jadi cuba kalau dikurangkan sebenarnya lebih baik. Kalau mengikut di bank, *bank-bank statement* yang disimpan oleh bank ini ialah setakat tujuh tahun, mungkin kerajaan boleh tengok semula supaya dipendekkan tempoh tersebut untuk dipindahkan ke wang disatukan itu daripada sepuluh ke-tujuh tahun.

Seterusnya, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian daripada sektor mana sebenarnya wang yang tidak dituntut ini paling banyak jumlah dia? Dan seterusnya, adakah

dividen juga akan dibayar kepada empunya duit ini sebab wang ini telah digunakan dan dipindahkan kepada Kumpulan Wang Amanah dan selepas 10 tahun akan dipindahkan kepada wang disatukan? Jadi, adakah dividen itu akan dibayarkan akan dibayar dan mengikut Timbalan Menteri tadi wang yang tidak dituntut ini boleh dituntut walaupun telah dipindahkan kepada di dalam wang disatukan tadi?

Berapa sebenarnya tempoh proses untuk mengambil semula itu empunya wang tersebut? Dan seterusnya beberapa- generasi yang boleh menuntut wang tersebut? Mungkin empunya yang sah itu telah meninggal dunia dan tidak tahu dan akhirnya waris dapat tahu wang itu ada lah datuk nenek dia dulu, dan sampai kepada generasi ke berapa- wang itu boleh dituntut? Ini pun nak tahu.

Juga adakah kerajaan bercadang untuk mempamerkan segala informasi maklumat pemilik empunya wang tak dituntut ini untuk membolehkan mereka menuntut semula wang mereka itu?

Seterusnya, seperti yang kita sedia maklum kalau kita nak tuntutan di Amanah Raya, dia dikenakan kos pentadbiran dan di sini juga saya ingin tahu berapakah kos yang dikenakan kepada empunya ini apabila mereka ini mengeluarkan duit tersebut dan kos yang perlu dibayarlah?

Akhir sekali, saya sebutkan di sini kita bersetuju seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi sekiranya akta ini diluluskan hasil yang akan diterima oleh kerajaan adalah sebanyak RM1.98 bilion dan bagi saya ini satu jumlah yang besar dan yang banyak dan apakah perancangan kerajaan dalam jumlah wang yang besar ini apabila masuk di dalam akaun yang disatukan nanti apakah perancangan yang digunakan untuk rakyat?

Jadi itu saja Datuk Yang di-Pertua perbahasan saya, saya menyokong Rang Undang-undang Akta Wang Tak Dituntut 1965, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab isu-isu yang telah dibangkit melalui perbahasan Ahli Yang Berhormat.

12.38 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada sembilan orang Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dan sebelum itu saya ingin juga sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana kesemuanya menyokong rang undang-undang ini, tapi ada beberapa isu yang dibangkit lebih kurang sama, jadi saya akan menjawab satu demi satu.

Pertama, Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran berkenaan dengan status terkini aplikasi eGUMIS. Pembangunan aplikasi eGUMIS mobil sedang dalam proses. Dalam proses pembangunan dan pengujian bagi tujuan semakan WTD dan aplikasi ini dijangka akan *go live*

pada tahun 2025. Walau bagaimanapun, Jabatan Akauntan Negara akan memastikan penambahbaikan secara berterusan dan juga kami, saya, amat-amat kecewa Yang Berhormat Senator telah menerima telefon tentang tuntutan dia dari- tak tahu siapa, *scammer*.

■1240

YB Senator Dr. Lingeshwaran ada mengucapkan atau bertanya tentang ciri-ciri keselamatan. Ini juga merupakan satu daripada aspek atau faktor yang banyak sangat risau. Jabatan Akauntan Negara telah memastikan sistem yang dibangunkan telah mengambil kira ciri-ciri keselamatan yang telah ditetapkan oleh *Chief Government Security Officer (CGSO)*, dengan izin, dan Kementerian Digital Malaysia bagi mengelakkan kebocoran maklumat dan melindungi kerahsiaan data peribadi pengguna.

Bagaimanakah mereka mendapat data peribadi seseorang? Berdasarkan seksyen 10A Akta 370 yang sedia ada, rekod WTD perlu diwartakan. Orang ramai boleh menyemak pewartaan yang diwartakan oleh PNMB secara *hardcopy* atau secara digital melalui e-warta. Walau bagaimanapun, melalui pindaan akta WTD ini hanya empunya WTD sahaja yang dibenarkan mengakses maklumat berkaitan dengan diri mereka dan jika mereka hadir ke kaunter, mereka perlu mengemukakan dokumen pengenalan diri mereka bagi tujuan semakan. Bermaksud sebelum itu, sesiapa pun boleh mendapatkan maklumat melalui warta.

WTD yang diwartakan mempunyai maklumat nama, pengenalan diri empunya dan amaun WTD sahaja. Tiada maklumat peribadi lain yang direkodkan yang di warta oleh Jabatan Akauntan Negara. Jabatan Akauntan Negara tidak melantik mana-mana agen untuk berurusan dengan orang awam. Ini saya nak tegaskan lagi, kita tidak melantik agen. Juga bertanya tentang jumlah. Ramai pun sudah beritahu tadi. Kita ada jumlah yang terkini. Jumlah serahan WTD sehingga 31 Mac 2024 daripada tarikh pelaksanaan- RM15.4 bilion. Okey, naik lagi ya.

Juga ada tanya tentang apakah bentuk pemantauan? Pemantauan dilaksanakan melalui pemeriksaan WTD terhadap syarikat atau firma serta koperasi secara berkala sepanjang tahun di seluruh Malaysia bagi memastikan kepatuhan entiti tersebut ke atas peruntukan Akta 370.

Tentang beberapa soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran. Setakat ini tidak ada denda dikenakan terhadap syarikat atau firma kerana syarikat dan firma telah mematuhi tempoh serahan yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara. Akta juga membenarkan penangguhan serahan dilaksanakan oleh syarikat atau firma jika terdapat rayuan dan dipertimbangkan oleh Jabatan Akauntan Negara. Mengenai syarikat atau firma yang berkemungkinan berdepan dengan hukuman denda. Perkara ini sedang ditambah baik oleh Jabatan Akauntan Negara supaya penguatkuasaan secara telus dan mampan dapat dilaksanakan.

Permohonan bayaran balik WTD secara manual yang diterima di kaunter sebelum ini di proses secara berpusat di ibu pejabat di Putrajaya. Pada tahun ini, Jabatan Akauntan Negara telah melaksanakan proses di sentralisasi di mana permohonan bayaran balik WTD secara manual diproses di Jabatan Akauntan Negara, setiap negeri di seluruh Malaysia bagi mempercepatkan proses bayaran balik WTD.

Jabatan Akauntan Negara sedang melaksanakan kajian transformasi khidmat pelanggan WTD bagi memudahkan lagi proses carian dan semakan WTD antaranya menyediakan kemudahan kios di kaunter Jabatan Akauntan Negara dan kaunter bergerak WTD.

Kedua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris, berkenaan dengan amaun dalam bentuk simpanan tetap dan langkah-langkah susulan untuk manfaat rakyat. Jumlah simpanan tetap setakat 31 Mac 2024 ialah RM8 bilion. Faedah daripada simpanan tetap ini akan dikembalikan semula dalam Wang Yang Disatukan dan digunakan untuk pembangunan dan juga bantuan rakyat. Dan juga Yang Berhormat Senator bertanya tentang langkah yang diambil untuk menjejaki pemilik WTD dengan tuntutan mencecah pada masa tadi RM11.6 bilion.

Program meningkatkan kesedaran. Ini amat penting kesedaran orang awam mengenai WTD sentiasa dilakukan di seluruh negara sepanjang tahun. Contoh melalui Program Malaysia Madani, *roadshow* semakan WTD di seluruh Malaysia pada sepanjang tahun dan perkongsian maklumat WTD di sosial media. Inisiatif ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan setiap kali ia dilaksanakan. Selain daripada itu, kaunter bergerak akan mula dilaksanakan bagi tujuan di kawasan luar bandar.

Juga Yang Berhormat Senator bertanya tentang pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan seterusnya ketetapan semasa kerajaan adalah untuk melantik Akauntan Negara Malaysia sebagai Pendaftar selaras dengan PUB 220/1975. Manakala Timbalan Pendaftar dilantik dalam kalangan Timbalan Akauntan dan Penolong Pendaftar dilantik dalam kalangan Pengarah Jabatan Akauntan Negara/Negeri atau cawangan dan Pengarah Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut di Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Putrajaya.

Daripada segi isu semak dan imbang apa-apa tindakan yang dilaksanakan oleh Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar akan dibuat selaras dengan Akta 370. Manakala berhubung dengan penjualan sekuriti yang tidak dituntut, perintah letak hak dari Mahkamah Tinggi perlu dipohon terlebih dahulu oleh Pendaftar atau mana-mana pegawai yang dilantik sebelum tindakan penjualan sekuriti dapat dilaksanakan.

Tentang inisiatif penduduk luar bandar, program meningkatkan kesedaran orang awam mengenai WTD melalui program *outreach* sentiasa dilaksanakan di seluruh negara sepanjang tahun dan ada juga dilaksanakan di kawasan luar bandar. Semakan juga boleh dilakukan oleh orang awam di 14 buah pejabat negeri dan 11 buah pejabat cawangan.

Akhir, tentang tindakan kepada agen atau orang tengah. Walaupun permohonan dikemukakan melalui agen, bayaran hanya akan dilaksanakan kepada empunya yang berhak sahaja termasuk waris atau pentadbir hak pusaka dan semakan dokumen lima peringkat diperlakukan sebelum proses pembayaran.

Pendaftar WTD tidak pernah melantik mana-mana agen sekali lagi. Namun begitu seksyen 8 Akta 370 membenarkan empunya melantik agen atau wakil bagi menguruskan permohonan bayaran balik berdasarkan instrumen yang sah mengikut undang-undang. Akhirnya serahan WTD oleh syarikat dan firma mengikut setiap tahun selepas taklimat WTD dilaksanakan kepada syarikat dan firma di seluruh Malaysia.

Seterusnya, kawan baik saya, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah tentang pelaburan sama ada wang tak dituntut digunakan untuk tujuan pelaburan. Ya, memang kita akan melabur. Baki wang tak dituntut dalam Akaun Amanah Kerajaan telah dilabur melalui simpanan tetap merujuk kepada Akta Tatacara Kewangan 1957. Tadi telah katakan ada faedah sebanyak RM8 bilion.

Apa skop penggunaan kerajaan ke atas wang tak dituntut setelah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan. Wang tak dituntut yang telah dipindah ke akaun hasil kerajaan akan digunakan bagi kegunaan kesejahteraan rakyat melalui pelbagai program yang telah ditentukan oleh kerajaan terutamanya dalam memenuhi objektif sosial ekonomi negara.

Wang tak dituntut yang telah dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan akan dibayar melalui akaun ini bertanya tentang mekanisme perlindungan yang akan dibayar melalui akaun bayaran balik hasil wang tak dituntut telah di bajet oleh kerajaan pada setiap tahun. Jadi kita memang ada satu jumlah yang telah dibajetkan.

Berkenaan dengan proses tuntutan, adakah berbeza? Tak ada perbezaan. Tidak ada perbezaan proses permohonan tuntutan wang tak dituntut melalui mana-mana akaun. Sama sahaja. Berkenaan dengan garis masa yang ditetapkan untuk wang ini diserahkan semula. Piagam pelanggan proses permohonan Wang Tidak Dituntut adalah 30 hari daripada tarikh dokumen lengkap diterima dan disahkan. Bayaran akan dilaksanakan melalui EFT terus ke akaun bank empunya atau waris yang berhak. Empunya boleh menuntut pada bila-bila masa.

Adakah perancangan kerajaan untuk menguar-uarkan fungsi eGUMIS ini amat-amat penting. Perancangan pembangunan *mobile apps* eGUMIS, satu daripadanya, *outreach* ke seluruh negara yang akan dikendalikan oleh semua Jabatan Akauntan Negara di negeri dan juga hebahan melalui sosial media dan media massa.

Akhir sekali, daripada Yang Berhormat Senator. Kementerian Kewangan telah mengambil tindakan perancangan untuk melaksanakan kaunter bergerak dalam bentuk sebuah bas. Kelulusan peruntukan telah diterima dan dalam peringkat proses perolehan. Kaunter bas bergerak akan bermula pada tahun 2025 ke seluruh Semenanjung termasuk bandar dan luar bandar daripada masa-ke semasa.

■1250

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic. Terima kasih kerana menyokong RUU Wang Tak Dituntut... [*Tepuk*] Jadi, ketepatan semasa kerajaan adalah untuk melantik Akauntan Negara Malaysia, seperti saya pun sudah beritahu tadi, sebagai Pendaftar selaras dengan akta. Manakala Timbalan Pendaftar dilantik dalam kalangan Timbalan Akauntan dan Penolong Pendaftar dilantik dalam kalangan pengarah Jabatan Akauntan Negara negeri dan cawangan dan Pengarah Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut di Ibu Pejabat Putrajaya. Kriteria pelantikan Akauntan Negara Malaysia sebagai Pendaftar kerana ANM merupakan pegawai kanan kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk pengurusan kewangan dan perakaunan negara.

Tempoh- ramai Yang Berhormat juga telah membahaskan tentang tempoh. Kebanyakan ada cadang untuk kurangkan ke-lima tahun, antaranya, Datuk Dr. Dominic. Tempoh dari 15 tahun ke-10 tahun adalah relevan dalam memastikan peruntukan yang ideal dapat digunakan oleh kerajaan untuk perbelanjaan yang memenuhi objektif sosioekonomi. Perbandingan telah dilaksanakan dengan beberapa buah negara luar seperti Hong Kong, Korea, Singapura, Qatar dan Kanada. Pada masa ini, kami merasa 10 tahun yang paling relevan.

Dan akhirnya, tentang kegunaan sistem eGumis dan pencerobohan data privasi juga amat-amat penting. Jabatan Akauntan Negara, kami telah memastikan sistem yang digunakan iaitu portal eGumis telah mengambil kira ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan oleh *Chief Government Security Officer* dan Kementerian Digital untuk mengelakkan kebocoran maklumat dan melindungi kerahsiaan data peribadi pengguna.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan. Hanya Tan Sri yang mencadangkan untuk menaikkan kepada 20 tahun. Walau bagaimanapun, WTD tidak akan lupus mahupun- ia hanya dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan. Walaupun ia telah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan, empunya WTD masih boleh menuntut. Ini adalah penting. Ini kita nak tegaskan. Empunya WTD masih boleh membuat tuntutan dan ia tidak memberi kesan ke atas tuntutan mereka. Cadangan tempoh WTD dipendekkan daripada 15 tahun ke-10 tahun adalah untuk mengoptimumkan penggunaan dana tersebut.

Dan juga, Yang Berhormat Senator Tan Sri ada cadangkan supaya kerajaan harus mempergiatkan usaha meningkatkan kesedaran. Ya, kami sedar. Program-program akan dilaksanakan melalui- banyak tadi telah saya sebutkan. Jadi, saya tidak akan ulang lagi.

Dan juga tentang cadangan penubuhan biro untuk memberi nasihat dan bantuan tuntutan wang tak dituntut. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Jabatan Akauntan Negara bertanggungjawab sepenuhnya ke atas WTD. Telah ada bahagian khusus di Jabatan Akauntan Negara iaitu kita ada satu bahagian yang khusus iaitu Bahagian Wang Tak Dituntut untuk memberi nasihat dan bantuan yang berkaitan.

Dan juga- kebanyakannya, saya tadi sudah jawab, lebih kurang yang sama. Soalan yang sama. Jadi, terima kasih kepada Yang Berhormat.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit juga berkenaan dengan memberi peluang kepada bank untuk mempunyai aplikasi untuk membolehkan orang awam membuat semakan. Apa-apa wang yang belum diserahkan kepada Pendaftar boleh disemak dan dituntut di bank-bank berkenaan. Sekiranya serahan telah dibuat kepada Pendaftar, tuntutan wang tak dituntut hendaklah diuruskan di bawah Akta 370. Sekiranya telah diserahkan kepada Pendaftar, orang awam boleh menyemak wang tak dituntut melalui portal *eGumis* dengan mengunci masuk nombor kad pengenalan sahaja.

Juga, program meningkatkan kesedaran telah juga disebutkan oleh Yang Berhormat Senator.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Noraini Idris berkenaan dengan memendekkan juga tempoh. Dianggarkan- tadi kita sudah cakap, dianggarkan sejumlah RM1.98 bilion akan dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, tiada kesan ke atas empunya yang berhak WTD kerana masih boleh dituntut walaupun telah dipindah. Jadi, ini juga lebih kurang sama.

Okey, pemakluman. Kita memang bercadang untuk membuat sekurang-kurangnya tiga ke-empat kali ke luar bandar untuk membuat semakan di setiap negeri. Mungkin kita mesti naikkan lagi ya kerana ramai yang tidak sedar tentang wang tidak dituntut ini.

Okey, tentang status wang yang tidak dituntut kepunyaan syarikat atau firma yang sudah tutup atau *wind up*, siapa boleh buat tuntutan. Kreditor merupakan salah satu pihak yang terjumlah kepada definisi empunya atau *owner* di bawah tafsiran *owner* di bawah seksyen 2 Akta 370. Oleh itu, apa-apa WTD milik syarikat boleh dibayar kepada kreditor sebagai pihak yang berhak kepada WTD tersebut tertakluk kepada undang-undang berkaitan dengan penggulangan syarikat yang sedang berkuasa. Semua rekod WTD yang lengkap diterima daripada syarikat firma boleh disemak dan dituntut melalui portal *eGumis* juga.

Dan pembahas yang kelapan iaitu Yang Berhormat Senator Haji Hussin tentang tidak tahu dan tidak pandai- ya, betul. Ya. Program meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai WTD sentiasa dilaksanakan di seluruh negara sepanjang tahun, tetapi kita nampaknya masih ramai lagi tidak sedar. Kita akan meningkatkan lagi program ini. Selain itu, Pendaftar juga mengadakan mesyuarat secara berkala dengan pihak bank bagi memastikan pegawai bank memahami prosedur tuntutan bayaran balik wang tak dituntut. Selain itu, pihak bank juga sentiasa proaktif membantu pemohon dengan merujuk tatacara permohonan bayaran wang tak dituntut daripada pendaftar.

Roadshow, kita akan adakan. Juga, tentang proses tuntutan, *I think* tadi saya sudah jawab.

Okey, bolehkah WTD dilupus kira, dianggap sebagai pinjaman kerajaan? Ini adalah satu daripada yang dibahas oleh Yang Berhormat. WTD tidak boleh dilupuskan kerana merupakan wang amanah yang kena dibayar kepada empunya yang berhak tanpa tertakluk pada tempoh masa tertentu. Jadi, tidak ada tempoh masa. Bila-bila juga mereka boleh tuntutan.

Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Tuan Manolan. Sektor yang membuat serahan WTD tertinggi adalah bank atau institusi kewangan. Dan adakah dividen? Maaf, tiada dividen yang dibayar apabila wang telah diserahkan sebagai wang tidak dituntut. Sehingga beberapa generasi? Tiada tempoh masa untuk membuat permohonan tuntutan bayaran WTD. Tuntutan boleh dibuat oleh pihak yang berkelayakan seperti pentadbir, waris yang sah di sisi undang-undang.

Adakah kerajaan akan mempamerkan kepada umum maklumat tentang pemilik WTD? Kerajaan tidak akan mempamerkan maklumat WTD mengikut kaedah wang sedia ada. Pindaan akta ini akan menyebabkan kerajaan menghebahkan maklumat empunya melalui eGumis di mana orang awam dibenarkan mencapai maklumat empunya WTDnya sahaja atau hadir ke mana-mana kaunter. Berapa kos yang akan dikenakan sekiranya empunya membuat tuntutan WTD? Tidak ada kos yang dikenakan.

Sekian, terima kasih kepada Datuk Yang di-Pertua. Sekali lagi, terima kasih kepada sembilan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapannya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Digital [Datuk Ugak anak Kumbong] dan diluluskan]

■1300

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG
(PINDAAN) 2024****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

1.03 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 Dibacakan Kali Yang Kedua sekarang.

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 bertujuan untuk mengukuhkan lagi rangka kerja undang-undang sedia ada bagi memastikan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan dalam membanteras perniagaan perkhidmatan wang tidak berlesen atau hawalah dan ketidakpatuhan undang-undang oleh pemegang lesen.

Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang ataupun APPW telah dikuatkuasakan bermula 1 Disember 2011 bagi memberi kuasa pada Bank Negara Malaysia untuk mengawal selia perniagaan perkhidmatan wang. Ia dirangkumi tiga jenis perniagaan iaitu perniagaan pengurusan wang atau, dengan izin, *money changing business*, perniagaan pengiriman wang atau dengan izin, *remittance business* dan perniagaan mata wang borong atau *currency wholesaler*, dengan izin.

APPW ini bertujuan antara lain untuk meningkatkan perlindungan pengguna dan memperkukuhkan keutuhan industri supaya ia tidak disalahgunakan bagi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, dengan izin, *money laundering and terrorism financing*, ML atau TF atau aktiviti-aktiviti haram yang lain. Sejak APPW diperkenalkan, industri perniagaan perkhidmatan wang telah menjadi lebih dinamik dan berjaya menghasilkan pemegang lesen tempatan yang lebih profesional dan berdaya saing. Keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan APPW ini boleh dilihat melalui pertumbuhan ketara sektor pengiriman wang sebanyak lebih dua kali ganda sejak rejim pengawal selia APPW diperkenalkan.

Selaras dengan perkembangan positif dalam industri ini, kajian semula terhadap pendekatan penguatkuasaan adalah wajar bagi mencerminkan tahap pematuhan industri yang lebih baik. Meskipun APPW telah memberi kesan positif dalam kalangan pemegang lesen, industri ini telah dibelenggu operasi perniagaan tidak berlesen. Menjalankan

perniagaan perkhidmatan wang tanpa lesen bukan sahaja suatu kesalahan di bawah APPW, malah juga suatu kesalahan berat, *serious offence*, dengan izin, di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram) 2001 atau AMLA memandangkan hubung kait aktiviti ini dengan ML atau TF.

Walaupun usaha-usaha untuk memerangi aktiviti-aktiviti sedemikian telah dipertingkatkan oleh agensi penguatkuasaan termasuk Bank Negara, masih terdapat keperluan untuk menangani kekangan sedia ada yang menghalang keupayaan Bank Negara untuk mengambil tindakan penguatkuasaan bagi mencegah penawaran perkhidmatan PPW tidak berlesen dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas rang undang-undang ini dicadangkan berdasarkan empat asas pertimbangan utama.

Pertama, keperluan untuk memperkukuhkan usaha membanteras perniagaan perkhidmatan wang tidak berlesen kerana kesan negatif yang ketara ke atas ekonomi negara.

Kedua, keperluan untuk mengambil kira pelbagai modus operandi hawalah bagi memastikan tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya diambil ke atas aktiviti hawalah.

Ketiga, memastikan hukuman yang dikenakan dapat memberi kesan pencegahan yang efektif ke atas pesalah.

Keempat, pendekatan penguatkuasaan terhadap pemegang lesen perlu setimpal dengan tahap ketidakpatuhan dan mengambil kira tahap pematuhan industri yang semakin baik.

Asas pertama iaitu perniagaan perkhidmatan wang tidak berlesen masih berleluasa. Meskipun pelaksanaan aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan berterusan, Bank Negara masih menerima bilangan *tip-off*, dengan izin, yang tinggi daripada orang awam mengenai operasi perniagaan wang tidak berlesen atau lebih dikenali sebagai hawalah.

Secara purata, Bank Negara menerima bilangan *tip-off* sebanyak 187 setahun sepanjang lima tahun kebelakangan ini iaitu dari 2018 sehingga 2022. Aktiviti tidak berlesen ini bukan sahaja mendedahkan industri kepada risiko ML dan TF, malah membawa pelbagai kesan negatif lain termasuklah kehilangan pendapatan negara rentetan daripada kerugian cukai aliran keluar wang tanpa rekod, kehilangan keyakinan orang awam terhadap integriti sistem kewangan serta potensi reputasi negara menjadi negatif akibat hubungan dengan risiko ML dan TF.

Memandangkan Malaysia akan melalui penilaian bersama- *mutual evaluation*, dengan izin, yang diterajui oleh pasukan petugas tindakan kewangan- *financial action taskforce* FATF, dengan izin, pada tahun 2025, langkah-langkah membanteras aktiviti hawalah perlu diambil agar ia tidak terus berleluasa dan seterusnya menjejaskan tahap penarafan negara. Ini termasuk pindaan ke atas RUUAPPW yang bertujuan meningkatkan keberkesanan menangani risiko *money laundering* dan *terrorism financing*.

Asas kedua iaitu tindakan penguatkuasaan ke atas perniagaan perkhidmatan wang tidak berlesen perlu diperkukuh untuk membolehkan tindakan yang lebih pantas dan berkesan.

Walaupun usaha penguatkuasaan terus dipertingkatkan, Bank Negara masih menghadapi cabaran dalam proses pendakwaan di mana berdasarkan rangka kerja undang-undang sedia ada, pihak pendakwaan perlu membuktikan tertuduh mempunyai niat untuk memindahkan dana kepada penerima dan juga terdapat hubung kait langsung antara dana yang dihantar dan diterima dalam sesuatu transaksi haram.

Mendapatkan bukti ini adalah sukar memandangkan modus operandi hawalah selalunya tidak disertakan dengan niat yang jelas dan tidak melibatkan pemindahan dana sepadan atau, dengan izin, *corresponding movement of funds* antara pihak-pihak yang terlibat di dalam sesebuah transaksi rentas sempadan. Ini kerana penyelesaian dibuat melalui kaedah-kaedah seperti penyelesaian bersih atau *net settlement*, dengan izin, atau *set off* dalam kalangan penyedia-penyedia hawalah.

Asas ketiga iaitu memastikan hukuman yang dikenakan memberi kesan pencegahan ke atas pesalah. Berdasarkan statistik Bank Negara, jumlah keseluruhan penalti yang pernah dikenakan sebagai hukuman pesalah adalah amat kecil iaitu hanya 0.02 peratus berbanding dengan nilai anggaran aktiviti hawalah.

■1310

Ini memandangkan hampir separuh atau 45 peratus daripada keseluruhan kes perniagaan perkhidmatan wang tidak berlesen dikenakan hukuman denda berjumlah RM50,000 atau kurang.

Pada masa yang sama, tempoh penjara yang dikenakan oleh mahkamah kepada pesalah adalah selama satu hingga tiga hari sahaja. Hukuman yang sedemikian tidak memadai dalam mewujudkan kesan pencegahan yang efektif terutamanya bagi kes-kes pemindahan dana pada skala yang besar dan bersindiket. Tambahan lagi, mahkamah juga tidak diberikan kuasa di bawah APPW 2011 untuk melucuthakkan atau *forfeit*, dengan izin, apa-apa ekshibit yang dibentangkan semasa perbicaraan bagi menghalang pesalah daripada mengambil manfaat daripada aktiviti tidak berlesen berkenaan dan mengulangi kesalahan mereka.

Bank Negara juga sukar untuk mengambil tindakan ke atas sebarang entiti yang bersubahat dengan perniagaan perkhidmatan wang tidak berlesen kerana definisi 'subahat' yang sedia ada kurang jelas dalam APPW. Ini memudahkan aktiviti tanpa lesen untuk beroperasi semula selepas menjalankan hukuman.

Asas keempat iaitu keperluan untuk pendekatan penguatkuasaan yang lebih sesuai ke atas ketidakpatuhan oleh pemegang lesen. Pada masa ini, terdapat 37 peruntukan di bawah APPW 2011 yang dianggap kesalahan berat dan hanya boleh dikenakan tindakan

jenayah. Ini termasuk 10 peruntukan yang lebih bersifat operasi seperti tidak mengeluarkan resit atau tidak memaklumkan pada Bank Negara tentang penukaran pegawai utama.

Hal ini bukan sahaja melambatkan proses tindakan yang perlu diambil bagi meningkatkan lagi tahap pematuhan peserta industri, malah tidak setimpal dengan kesalahan kecil yang dilakukan. Berdasarkan asas-asas pertimbangan yang dijelaskan, usaha pindaan APPW ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- (i) memastikan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan bagi membanteras perniagaan perkhidmatan wang tidak berlesen;
- (ii) memastikan hukuman yang lebih setimpal dan dalam masa yang lebih singkat diambil ke atas ketidakpatuhan oleh pemegang lesen; dan
- (iii) mempertingkatkan lagi imej dan tahap profesionalisme industri.

Secara keseluruhan, penambahbaikan ini dijangka akan mempercepatkan proses penguatkuasaan ke atas perniagaan perkhidmatan wang tidak berlesen serta memupuk budaya pematuhan yang lebih mantap dalam kalangan pemegang lesen. Ini sekali gus menyumbang kepada objektif rangkuman kewangan melalui peningkatan penggunaan perkhidmatan wang melalui saluran yang sah serta terus menjamin perlindungan pengguna.

Datuk Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan beberapa fasal penting di dalam Rang Undang-undang Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024.

Fasal 2 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pindaan am kepada Akta 731 dalam kes bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan, "*money changing business*" dengan izin, di mana-mana jua terdapat dengan perkataan, "*currency exchange business*", dengan izin. Pindaan ini bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan orang awam mengenai terma, "*money changing business*" dengan "*money lending business*" yang bukan di bawah bidang kuasa akta ini. Pada masa yang sama meningkat imej industri.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 731. Subfasal 4(b) bertujuan untuk memasukkan takrif baharu 'memudahkan pemindahan dana' dan subseksyen 4(g) bertujuan untuk menggantikan takrif, "*perniagaan pengiriman wang*" untuk memudahkan pendakwaan bagi kesalahan menjalankan perniagaan pengiriman wang tanpa lesen dengan menstrukturkan semula takrif sedia ada dan memotong perkataan, "*dengan tujuan untuk menjadikan dana itu tersedia bagi seorang benefisiari di dalam atau di luar Malaysia.*" bagi menunjukkan penglibatan langsung tertuduh dalam menyediakan dana kepada benefisiari.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda subseksyen 4(4), Akta 731 untuk mengenakan hukuman pemenjaraan mandatori dan denda minimum sebanyak RM50,000 bagi kesalahan menjalankan perniagaan perkhidmatan wang tanpa lesen.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 66A ke dalam Akta 731 untuk memberikan kuasa kepada mahkamah yang di hadapannya pendakwaan yang telah

dijalankan untuk membuat perintah pelucuthakkan apa-apa harta yang disita di bawah Akta 731.

Fasal 10 bertujuan untuk memasukkan subseksyen 3 ke dalam seksyen 86, Akta 731 untuk menjelaskan maksud bagi perenggan 1(c) dan untuk mengadakan peruntukan bagi misalan bagi kesalahan yang berhubung dengan komplot jenayah yang subahat dalam penyediaan perkhidmatan wang tidak berlesen.

Fasal 11 pula bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 89A ke dalam Akta 731 untuk mengadakan peruntukan bagi kebolehterimaan keterangan yang didapatkan oleh bank, pemeriksa atau pegawai penyiasat bawah Akta 731 dalam apa-apa prosiding mahkamah.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda jadual kepada Akta 731 untuk membolehkan bank mengambil tindakan pentadbiran ke atas pelanggaran beberapa peruntukan dalam Akta 731. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam huraian ini adalah pindaan kecil atau berbangkit. Ahli-ahli Parlimen sekalian boleh merujuk pindaan-pindaan tersebut di dalam RUU yang telah diedarkan. Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Digital [Datuk Ugak Anak Kumbong]: Saya mohon menyokong.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011, dibacakan kali yang kedua sekarang dan buka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai empat orang ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan ialah lima minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Haji Che Salleh.

1.17 ptg.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam Malaysia Madani. Yang Berhormat Datuk Pengerusi yang jelitalah kot... *[Ketawa]* Agak-agak dia boleh tambah masa.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pertamanya saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Malaysia kerana bercadang untuk membuat satu pindaan kewangan, pindaan APPW ya, Perkhidmatan Perniagaan Wang ini. Ia- industri kewangan merupakan satu- industri yang akan memberi impak yang amat besar kepada ekonomi negara. Sudah tentu ini adalah sangat penting dan ia merupakan satu- industri yang lazimnya, lazimnya mendatangkan hasil yang sangat lumayan bagi orang yang tidak berlesen tanpa kelulusan apa-apa. Ia menjadi satu- industri yang *lucrative*, dengan izin Datuk Yang di-Pertua, untuk kita menceburi dalam bidang ini.

Namun demikian, setelah saya meneliti bil ini, RUU yang diedar ini, saya ada sedikit kemusykilan kerana masa tidak ada saya akan terus *to my point*. Ada sedikit kemusykilan yang saya rasanya ia akan memberi kesan- kalau ikut fahaman saya ini betul, ia akan memberi kesan yang sangat negatif kepada ekonomi negara. Saya harap fahaman saya ini tidak betul ya, iaitu izinkan saya baca. Pindaan seksyen 1 nombor 3- *subseksyen 1(3)* “*Akta Ibu dipinda dengan mengganti perkataan “mana-mana peniaga yang diberi kuasa” dengan perkataan “suatu bank berlesen.”* Itu satu.

Kedua, “*subfasal 4(b)(f) bertujuan untuk menggantikan perkataan “seseorang peniaga yang diberi kuasa” dalam takrif “perniagaan mata wang borong” dalam perenggan dengan perkataan “suatu bank berlesen.”*” Okey, baik. Kalau daripada bacaan saya itu, saya fahamnya akta ini tidak memberi ruang kepada peniaga pengurup wang ataupun yang *foreign exchange trading*.

Seorang Ahli: *Money changer...*

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: *Money changer.* Pengurup wang ni *money changer*-lah. *Tak... [Ketawa]*

■1320

Jadi, kalaulah betul- *and I hope I am wrong*, dengan izin, sudah tentu impaknya besar kerana industri *money changer* ini pun sangat besar, ia bernilai berbilion-bilion Ringgit satu tahun input kepada ekonomi kita. Maka, saya rasa ini perlu dilihat kalau ia betul fahaman saya ini, kementerian ataupun kerajaan mesti melihat balik kerana *remittance* sahaja, *remittance* saja setiap hari beratus juta *remittance in and out of this country*. So, bayangkan kalau masa setahun tu beberapa bilion, *trading* tukar tangan dan sudah tentu cukai pada kerajaan pun tinggi apabila *volume* yang besar, cukai pun tinggi sudah tentu ia satu kerugian besar kepada kerajaan.

Saya harap benda ni perlu dilihat. Kalaulah ia berlaku sebagaimana fahaman saya ini, kita sebagai penggubal undang-undang ya, kita telah tidak melakukan satu tanggungjawab yang baik kerana setiap undang-undang ini menentukan kesejahteraan rakyat. Tanggungjawab kita sebagai Senator, sebagai Wakil Rakyat, sebagai ahli politik ialah untuk pastikan rakyat negara kita ini berada dalam keadaan sejahtera. Maka, setiap undang-undang semuanya ada impak kepada kesejahteraan rakyat. Maka sudah tentu benda ni mesti diambil serius dan dipandang serius supaya kita- semua berlaku adil kepada rakyat yang menjadi *stakeholder* kepada kita. Terima kasih Dato’ Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof, dipersilakan.

1.21 ptg.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Saya mulakan dengan mengingatkan kita- semua bahawa apa yang dibincangkan di sini adalah sangat penting kerana pada laporan *Global Financial Integrity*, kita adalah antara negara yang disenaraikan yang paling- teratas juga dalam 20 buah negara yang mengalami aliran-mencatat aliran keluar duit haram, rangking nombor lima yang dinilai pada tahun 2018 hampir RM30.7 bilion.

Jadi, apa yang kita bincangkan hari ini sangat-sangat wajar dan perlu diberi sokongan kerana ini akan menyelamatkan negara kita daripada *illicit flowing of fund* yang tadi disebut merugikan negara dan kita tahu salah satu daripada aspek untuk kita memperbaiki ekonomi negara bukan sahaja terletak kepada polisi yang baik tetapi juga undang-undang yang kemudian dikuatkuasakan dengan efektif.

Ini membawa saya kepada persoalan yang seterusnya dari sudut penguatkuasaan undang-undang. Tadi dimaklumkan oleh Timbalan Menteri bahawa hanya 0.02 peratus sahaja yang telah dikenakan penalti berbanding dengan besarnya hiwalah, kegiatan hiwalah ni. Persoalan saya Datuk Speaker ialah apakah masalah kita masalah kerana undang-undang yang tidak mencukupi sebelum ini sehingga menyebabkan kita tidak mampu untuk membuat penguatkuasaan yang lebih berkesan atau kah pendakwaan kita itu sendiri masih lemah?

Jadi, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri sejauh manakah kesiapsiagaan kita dengan adanya undang-undang ini untuk kita juga kompeten daripada segi pendakwaan kerana kalaulah ada undang-undang yang antaranya saya sangat menyokong iaitu pemenjaraan mandatori, sangat baik tapi soal dia ialah adakah kita punya pendakwaan mampu kompeten untuk melaksanakan penguatkuasaan dan pendakwaan ini sehingga angka yang diberi 0.02 peratus itu membimbangkan kita, tapi soalnya adakah kerana undang-undang tak cukup atau pendakwaan yang kurang kompeten?

Terakhir saya ingin kaitkan di sini walaupun mungkin tidak ada hubung kait tapi ia ada kena mengena dengan transaksi iaitu penangkapan warga Israel yang semua sedia maklum yang bersubahat dengan dua orang rakyat Malaysia. Difahamkan dia ni adalah antara penyeludup senjata api. Walaupun kita tak ada kaitan di sini, tetapi soalan saya ialah daripada segi masa depan difahamkan warga Israel ini menggunakan kaedah *crypto currency* untuk interaksi dia untuk dia berjual beli.

Saya nak tanya kerana *crypto currency* tidak ada di dalam akta ini dan tidak ada dalam mana-mana akta sebab kita tahu di Malaysia kita tak terima tapi kalau *such cases* berlaku macam mana kesiapsiagaan kita dalam kita kata transaksi *Bitcoin* ataupun *crypto currency* ini yang kesnya hari ini kita berdepan dengan warga Israel yang menggunakan pasport Perancis.

Jadi, soalan akhir saya bagaimana pula orang yang sudah berpraktis kegiatan ini tiba-tiba dia nak daftar contohnya. Dia dah buat lama dan dia tahu adanya undang-undang ini

dengan kata lain, dia dah kesal kah, dia bertaubat kah dan dia nak daftar contohnya. Adakah dia dikenakan hukuman juga atau apakah polisi kerajaan untuk memastikan mereka yang nak ikut undang-undang ini kita tangani atau kah mereka akan didakwa kerana penglibatan mereka yang selama ini dan ini sudah tentu menjauhkan mereka daripada berdaftar dan menyumbang kepada ekonomi negara. Terima kasih Puan Speaker.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam.

1.26 ptg.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Datuk Seri Yang di-Pertua, jenayah melibatkan transaksi wang boleh berlaku dalam pelbagai bentuk menerusi apa jua platform atau cara yang melibatkan orang tengah. Selain orang perseorangan, jenayah tersebut juga didalangi oleh satu-satu perniagaan yang menjalankan perkhidmatan pertukaran wang atau yang disebut sebagai *money changing business* dalam pindaan am undang-undang ini.

Seperti yang pernah dinyatakan pada tahun lepas oleh Timbalan Ketua Polis Negara, Dato' Ayob Khan, aktiviti pemindahan wang secara haram yang tidak terkawal ke luar negara boleh meningkat saiz ekonomi bayangan, *shadow economy* yang dianggarkan bersamaan 18 peratus atau RM275 bilion daripada keluaran negara kasar. Berapakah bilion agaknya cukai yang negara dapat kutip daripada angka tersebut untuk melaksanakan program-program yang boleh memanfaatkan rakyat?

Datuk Seri Yang di-Pertua, justeru sejajar dengan pindaan seksyen Akta 731 ini, aktiviti perniagaan pengirim wang tanpa lesen memerlukan pembanterasannya menyeluruh oleh Bank Negara Malaysia memandangkan ia boleh menjadi jambatan kepada jenayah penggubal wang haram yang antaranya melibatkan pembelian aset di luar negara.

Seperti kata pepatah Melayu, '*Jika tiada angin masakan pokok bergoyang*'. Pewujudan perniagaan perkhidmatan pengirim wang tidak berlesen sebahagiannya melibatkan pihak tertentu yang bersubahat atau menghalalkan perbuatan jenayah tersebut. Oleh sebab itu, saya berpendirian bahawa peruntukan baru seksyen 86(3) adalah wajar kerana peruntukan tersebut mewujudkan ruang perundangan untuk mendakwa mana-mana pihak yg selama ini bersekongkol dengan penyedia perkhidmatan wang tidak berlesen.

Berhubung dengan perkara-perkara yang sama yang dibangkitkan tadi, saya minta penjelasan daripada YB Menteri.

Pertama, berapakah jumlah syarikat yang telah berdaftar secara sah dengan Bank Negara Malaysia untuk menjalankan perniagaan pertukaran wang dan pemindahan wang untuk 10 tahun kebelakangan ini?

Kedua, berapakah jumlah kes pengedaran wang palsu yang membabitkan syarikat yang menjalankan perkhidmatan pertukaran wang dan pengiriman wang berlesen dan tidak

berlesen untuk 10 tahun kebelakangan ini? Daripada jumlah tersebut, berapakah jumlah kes yang telah didakwa di mahkamah menurut klausa Akta 713 ini?

Ketiga, apakah status indeks pemalsuan wang bagi tahun 2023?

■1330

Minta YB Menteri menyatakan perbandingan Malaysia dengan negara-negara Asia dalam indeks pemalsuan wang bagi tahun tersebut.

Keempat, apakah tatacara atau prosedur pemantauan yang dilaksanakan oleh Bank Negara selama ini dalam memantau kesahan- *legality* serta ketulenan- *genuine* sesuatu aktiviti pengiriman wang yang dibuat menerusi penyediaan perkhidmatan kiriman wang di negara ini?

Datuk Seri Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024. Saya mohon menyokong.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

1.30 tgh.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Salam sejahtera. Salam Malaysia Madani. Yang di-Pertua Dewan Negara dan Ahli Dewan Negara yang saya hormati sekalian. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk berbahas Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024.

Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong penuh tindakan kerajaan untuk mengetatkan undang-undang perniagaan perkhidmatan kewangan demi membasmi aktiviti perniagaan yang haram. Perubahan undang-undang ini penting untuk menghentikan peredaran wang Hawalah yang merosakkan serta memburukkan imej negara, dan juga keadaan kewangan negara.

Sistem hawalah merujuk kepada penghantaran wang melalui kaedah bawah tanah tanpa melibatkan sistem perbankan atau sistem kewangan rasmi, dengan izin, *money transfer without money movement*. Sistem Hawalah mendorong kepada aktiviti rasuah seperti yang dinyatakan oleh Tan Sri Azam Baki, Ketua SPRM, baru-baru ini. Menurut beliau, wujudnya sistem Hawalah berhubung kes rasuah berkaitan kelulusan Visa Luar Negara (VLN) warga Bangladesh yang memasuki Malaysia. *Sinar Harian* pada 10 Mei 2023 juga melaporkan, Malaysia telah mengalami kerugian yang dahsyat sehingga RM4.5 trilion dalam tempoh 26 tahun akibat rasuah. Oleh itu, tindakan segera dan tegas perlu diambil untuk menangani masalah ini demi kemajuan negara kita.

Datuk Yang di-Pertua, fasal 5 yang termaktub dalam subseksyen 4(4) Akta 731 yang mensyaratkan hukuman wajib seperti denda minimum RM50,000 dan maksimum RM5 juta atau hukuman penjara sehingga 10 tahun bagi kesalahan menjalankan perniagaan

perkhidmatan wang tanpa lesen adalah satu langkah yang positif. Aktiviti kewangan tanpa lesen yang sering berlaku- yang dilakukan oleh pelbagai organisasi atau premis telah menyebabkan kerugian sumber pendapatan negara sebanyak 2.3 peratus daripada KDNK pada tahun 2022. Saya ingin menanyakan kepada kementerian, berapa banyak premis tanpa lesen yang telah dikenakan tindakan atau ditutup dari tahun 2020 hingga 2023.

Datuk Yang di-Pertua, baru-baru ini, Bank Negara Malaysia mengumumkan peraturan bahawa individu yang menukar wang asing di bawah RM3,000 perlu memberikan bukti peribadi dan apakah butiran tersebut selamat apabila diserahkan kepada premis tersebut. Kini, dengan peningkatan kes penipuan, keselamatan data peribadi menjadi keutamaan, terdapat kebimbangan mengenai pekerja warga asing di premis pertukaran wang. Adakah terdapat alternatif lain selain memberikan butiran kepada premis berlesen? Keutamaan kita adalah untuk melindungi privasi rakyat Malaysia.

Datuk Yang di-Pertua, aktiviti awal turut menjadi faktor yang menyebabkan penurunan nilai mata wang kita. Aliran duit kita tidak mempunyai *print* atau *track record*, *track money trail*. Jadi, ia akan memberi *impact* yang buruk. Kita tidak tahu berapa bilion yang keluar dari negara ini tanpa sebarang pemantauan daripada Bank Negara, rekod dan sebagainya. Jadi, ini akan memberi *impact* kepada nilai mata wang kita. Maka, amalan ini juga boleh menyebabkan kerugian pendapatan negara- pendapatan kepada kerajaan dan seterusnya, merosakkan kepercayaan pelabur terhadap mata wang negara.

Datuk Yang di-Pertua, saya mencadangkan peningkatan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti hawalah. Kementerian perlu melaksanakan kempen kesedaran yang berkesan untuk mengedarkan maklumat kepada masyarakat tentang risiko yang terlibat dalam perkhidmatan hawalah. Selain itu, kerjasama antarabangsa perlu ditingkatkan bagi membanteras jaringan hawalah secara holistik. Langkah ini penting untuk memulihkan kepercayaan pelabur terhadap mata wang negara serta meningkatkan kestabilan ekonomi kita.

Dengan ini, Datuk Yang di-Pertua, dengan ini saya yakin bahawa pindaan Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang akan memberi kesan yang positif kepada negara kita dan saya menyokong sepenuhnya pindaan tersebut.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Sebelum tamat, ada nak minta- Datuk Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat berhenti, saya minta penjelasan sedikit boleh ya?

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Yang Berhormat, boleh?

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Boleh. Jiran saya.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya. Kita ada mendengar ceritalah bahawa wang ini, pemindahan wang ini dibuat secara *blatantly* dengan menggunakan kedudukan individu itu di dalam

masyarakat dan keupayaan menggunakan jet peribadi contohnya. Apakah Yang Berhormat pernah mendengar dan apakah ini benar-benar berlaku ataupun sekadar cerita sahaja? Terima kasih.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Seperti Yang Berhormat, saya juga pernah mendengar ura-ura mengatakan bahawa duit dikeluarkan melalui jet-jet peribadi dan sebagainya tetapi saya tidak pasti kesahihan berita itu. Jadi, saya harap kementerian dapat memberi penerangan atau memberi cerita yang sahih tentang isu sebegini. Ya, itu saja. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Perbahasan telah tamat. Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Dipersilakan.

1.48 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih, Puan Yang di-Pertua. Terima kasih diucapkan kepada empat Ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan. Jadi, okey- satu.

Yang pertama, menjawab kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Fatmi tentang terma "bank berlesen". Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, potongan takrif tersebut tiada impak kepada peniaga perkhidmatan wang bukan bank. Selaras dengan taksiran perniagaan perkhidmatan wang seksyen 2 APPW, takrif tersebut adalah bertujuan untuk menggantikan terma "peniaga yang diberi kuasa" dengan izin, *authorize dealer* dengan terma baharu iaitu "bank berlesen" sejajar dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Terima kasih.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid. Banyak yang itu. Banyak ya. Nanti ya. Satu demi satu. Tentang- secara amnya, perbezaan dalam anggaran aliran keluar yang dinyatakan dalam laporan antarabangsa adalah disebabkan oleh metodologi pengumpulan statistik dan cara pengiraan perangkaan perdagangan yang berbeza.

Berkenaan dengan langkah yang diambil untuk menangani masalah ini, usaha yang berterusan telah diambil oleh Bank Negara untuk membanteras aktiviti tidak berlesen, termasuk pelaksanaan aktiviti pemantauan dan pengawal selia bagi mengenal pasti pengendali PPW yang tidak berlesen supaya tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya boleh diambil ke atas mereka. Ini termasuk cadangan untuk menambah baik APPW.

Lagi berkenaan dengan- Bank Negara juga menjalankan inisiatif untuk mempertingkatkan tahap kesedaran orang ramai mengenai penggunaan saluran PPW yang sah, termasuk melalui paparan video, cara-cara mengenali PPW berlesen dan risiko berurusan dengan pengendali PPW tidak berlesen dalam pelbagai bahasa. Selain itu, daripada peruntukan di bawah APPW, individu yang ingin membawa masuk dari luar, keluar

wang kertas ringgit perlu membuat deklarasi bagi mata wang melebihi jumlah setara 10,000 Dolar Amerika Syarikat atau USD10,000 selaras dengan peruntukan di bawah kawalan pertukaran mata wang oleh Bank Negara dan Jabatan Kastam Diraja.

Juga, tentang *crypto currency*. Okey. Objektif utama RUU ini adalah untuk mengukuhkan lagi rangka kerja undang-undang sedia ada bagi menghasilkan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan dalam membanteras perniagaan perkhidmatan yang tidak berlesen ini. Saya sudah beritahu tadi.

■1340

APPW ini telah memberi kuasa pada Bank Negara untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas PPW tidak berlesen. Namun, ia perlu di perkasa bagi meningkatkan keberkesanan dengan mengambil kira modus operandi Hawalah itu sendiri. Jadi, hukuman tentang pendakwaan dengan tentang hukuman itu. Di bawah undang-undang yang sedia ada, sebab tadi ini saya sudah pun jelaskan.

Jadi, yang utamanya bagaimana- okey, penggunaan mata wang kripto. Okey, tentang ini ya. Penggunaan mata wang kripto bukan di bawah bidang kuasa APPW seperti Datuk Seri pun sudah beritahu. Oleh itu, RUU APPW ini tidak mengambil kira perkembangan dalam pasaran dan aktiviti tersebut. Untuk makluman, *Digital Asset Exchanges* berada di bawah bidang kuasa Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Juga, tentang Datuk Seri juga- Yang Berhormat Senator Datuk Seri juga tanya tentang kekurangan daripada segi undang-undang, sama ada keberkesanan penguat kuasa. Seperti yang dijelaskan, pindaan ke atas takrifan pengiriman wang dan juga memudahkan pemindahan dana akan menjadikan kesalahan liabiliti tegas- *strict liability* dan memudahkan pendakwaan.

Kemapanan pihak pendakwaan tidak menjadi isu dan ini boleh dilihat daripada sabitan yang diperoleh. Hukuman dikuatkuasakan adalah bidang mahkamah berdasarkan keterangan dan fakta yang dikemukakan. Pindaan ini akan membantu mahkamah dalam mengenakan hukuman yang lebih setimpal. Juga tentang nanti- okey.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran, setakat 31 Disember 2023, terdapat 259 buah syarikat PPW berlesen yang menawarkan perkhidmatan pengurusan wang, pengiriman wang dan mata wang borong melalui lebih 2,900 buah premis memegang lesen dan ejen di seluruh negara. Manakala jumlah transaksi yang dikendalikan oleh PPW pada tahun 2023 adalah sebanyak RM74 bilion.

Berkenaan dengan wang- okey. Berkenaan dengan prosedur atau tatacara. Bank Negara mengambil beberapa langkah pendekatan dalam memantau kesahan aktiviti pengiriman wang termasuk pengawasan dan siasatan ke atas *tipoff* yang diterima daripada peserta industri dan orang awam. Juga, kita memperuntukkan usaha memperkukuhkan usaha

pemantauan dan penyeliaan termasuk pemantauan secara dengan kita membuat penyeliaan dengan menggunakan analisis data- *data analytic* terhadap aktiviti pengendali pengurusan wang berlesen bagi mengesan transaksi-transaksi pengurusan wang yang mencurigakan dan mengenal pasti risiko dalam industri. Kuasa yang diperuntukkan ke bawah APPW juga membolehkan Bank Negara mengambil pelbagai tindakan termasuk pengenaan penalti kewangan dan pembatalan lesen perniagaan terhadap ketidakpatuhan dan pemegang lesen.

Kita dari 2017 hingga 2022, lima entiti yang telah ditarik balik. Lima entiti yang telah ditarik balik lesen atas sebab pelbagai pelanggaran peraturan di bawah APPW. Juga, tentang Yang Berhormat Senator Sivaraj. Bagaimanakah pihak Bank Negara mendapatkan bukti? Jadi, Malaysia akan- kita akan menggunakan Akta Bantuan Timbal Balas- Timbal Balas Jenayah Bersama 2022- *Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2022*, dengan izin, yang membolehkan pihak penguat kuasa Malaysia mendapat bantuan daripada negara lain dalam perkara jenayah.

Ia juga membolehkan bukti yang diterima dikemukakan sebagai penerangan di mahkamah Malaysia. Juga, berapa premis tanpa lesen telah dikenakan tindakan. Untuk makluman, kesalahan di bawah Akta 731 semenjak tarikh dikuatkuasakan ialah sebanyak 155 kes termasuk kesalahan pengiriman wang haram yang telah dipertuduhkan di mahkamah.

Terakhir dari segi- Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta tentang jet-jet peribadi... *[Ketawa] Right?* Ringgit dalam bentuk *physical cash*, dengan izin, adalah satu mata wang yang tidak diperdagangkan di luar negara, dengan izin, *non-internationalize currency*. Jadi, pengeluaran mata wang asing melebihi jumlah setara USD10,000 memerlukan kelulusan di bawah kawalan pertukaran wang oleh Bank Negara dan diklasifikasikan sebagai- kepada- ini adalah di bawah Jabatan Kastam Diraja.

Ada lagi satu tentang mengapakah meningkatkan keperluan, okey. Mengapa Bank Negara, kita meningkatkan keperluan saringan sekatan kepada perubahan wang baru-baru ini. Penambah baik yang dibuat kepada keperluan saringan senarai sekatan pelanggan dalam dokumen Polisi Perubahan Wang Haram- *Anti-Money Laundering*, pencegahan pembiayaan keganasan- *Countering Financing of Terrorism* dan pencegahan pembiayaan percambahan- *Countering Proliferation Financing* adalah untuk memberi pencerahan bahawa keperluan sekatan kewangan bersasar adalah terpakai ke atas semua pelanggan tanpa mengira amaun transaksi.

Data minimum yang diperlukan bagi saringan senarai sekatan adalah nama penuh, nombor kad pengenalan, dokumen rasmi dan tarikh akhir. Itu adalah kepada Yang Berhormat Sivaraj yang berkenaan dengan 3,000 itu. Keperluan sekatan kewangan bersasar yang digariskan dalam dokumen tersebut bertujuan untuk menyelaraskan dengan keperluan resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta mengelakkan institusi pelapor daripada berurusan dengan entiti yang ditentukan oleh Majlis Keselamatan

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau jawatankuasa sekatan yang berkaitan menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Langkah ini diambil oleh Bank Negara adalah selari dengan keperluan AML dan CFT atau CFT antarabangsa. Bank Negara menegaskan bahawa pelanggan tidak perlu bimbang mengenai kemungkinan penyalahgunaan data pelanggan untuk penipuan atau pelanggaran privasi kerana pengurup wang tertakluk kepada kewajipan kerahsiaan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011.

Tambahan lagi, Bank Negara juga sentiasa menjalankan pengawalseliaan terhadap pengurup wang untuk memastikan maklumat pelanggan tidak terdedah kepada kecurian data. Sekian terima kasih. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat Senator. Terima kasih Puan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 14** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Digital (Datuk Ugak anak Kumbong) dan diluluskan]

■1350

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

1.52 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali kedua sekarang.

Puan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2024 yang dicadangkan adalah bagi melaksanakan pindaan bersifat penambahbaikan terhadap dasar, pentadbiran cukai dan pindaan berbangkit ke atas cukai Akta Cukai Pendapatan 1967. Akta Kewangan (No. 2) 2023 telah diwartakan pada 29 Disember 2023 bertujuan meminda akta-akta cukai langsung dan cukai tidak langsung, antaranya Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi memperuntukkan pengenaan cukai keuntungan modal ke atas pelupusan saham tidak tersenarai syarikat tempatan dan meliputi cukai keuntungan modal sebagai pendapatan bercukai daripada sumber luar negara, dengan izin, *foreign source income*, e-Invois dan pelbagai isu percukaian lain.

Hasil penelitian lanjut, isu-isu berkaitan pelaksanaan dasar didapati beberapa penambahbaikan ke atas Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Kewangan (No. 2) 2023 perlu dilaksanakan segera yang melibatkan pindaan ke atas Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut;

- (i) pindaan berkaitan pelaksanaan cukai keuntungan modal dan cukai keuntungan modal dari sumber luar negara- *foreign source income*, dengan izin;
- (ii) pindaan berkaitan pelaksanaan e-Invois; dan
- (iii) pindaan berkaitan pentadbiran cukai.

Hasrat pelaksanaan cukai keuntungan modal adalah untuk memperluas asas cukai serta selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Selain itu, pelaksanaan cukai keuntungan modal juga penting untuk menyokong satu reformasi percukaian secara adil dan saksama selaras dengan aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung prinsip keadilan sosial yang menjadi tonggak Kerajaan Madani.

Manakala pelaksanaan *e-Invoice* adalah bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran cukai dalam menangani cabaran ekonomi bayangan serta mengekang ketirisan hasil cukai negara secara berterusan.

Puan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi sembilan fasal yang meminda Akta Cukai Pendapatan 1967. Saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta iaitu dikenali sebagai Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2024.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda takrif '*capital asset*' dengan izin, iaitu aset modal di bawah subseksyen 2(1) untuk menerangkan perbezaan skop berkenaan pengenaan cukai keuntungan modal di antara aset tak alih, contohnya harta tanah dan aset alih, contohnya saham, kenderaan dan harta intelek yang terletak di luar Malaysia dengan saham tidak tersenarai syarikat tempatan yang terletak di Malaysia.

Fasal 3 bertujuan membuat pindaan yang bersifat editorial ke atas seksyen 15C seperti berikut:

- (i) menggantikan perkataan '*a person*' dengan izin, dengan '*a company, limited liability partnership trust body or co-operative society*' dengan izin, untuk menjelaskan bahawa pelupusan syer syarikat terkawal di bawah subseksyen 15C(1) merujuk kepada pelupusan yang dibuat oleh syarikat, badan amanah, perkongsian, liabiliti terhad atau koperasi; dan
- (ii) menggantikan perkataan 'subseksyen (2)' dengan 'subseksyen (4)' dalam takrifan *defined value*, dengan izin, di bawah subseksyen 15C(5) untuk menjelaskan bahawa nilai tertentu adalah nilai pasaran harta tanah atau harga perolehan syer syarikat terkawal lain sebagaimana yang ditentukan di bawah subseksyen 15C(4).

Fasal 4 bertujuan untuk memotong takrif "*shares*" dalam seksyen 65(c). Ini bagi menjelaskan bahawa saham tidak tersenarai yang tertakluk kepada cukai keuntungan modal adalah yang bersifat ekuiti sahaja. Oleh itu, takrifan "*shares*" dalam merujuk kepada takrifan sedia ada di bawah subseksyen 2(1).

Fasal 5 bertujuan meminda subseksyen 82(2B) dengan memotong perkataan "*printed*" bagi memperuntukkan bahawa resit perniagaan boleh dikeluarkan dengan apa-apa cara dan tidak terhad kepada resit yang dicetak sahaja.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda subseksyen 82C(6) bagi memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang menyediakan platform perdagangan elektronik atau *e-commerce platform*, dengan izin, perlu mengeluarkan invois bil sendiri mengikut syarat dan spesifikasi sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Invois bil sendiri yang dikeluarkan oleh penyelia platform perdagangan elektronik akan membantu pelaksanaan e-Invois di mana transaksi melibatkan penjual- *merchant*, dengan izin, dan penghantar- *rider*, dengan izin, dapat direkodkan.

Fasal 7 bertujuan meminda subseksyen 107C(12) untuk menggantikan takrif "*revised estimate*" dengan takrif baharu bagi memperjelaskan bahawa peruntukan *revised estimate*, dengan izin, juga merujuk kepada pindaan yang dibuat dalam bulan ke-11.

Susulan pewartaan Akta Kewangan (No. 2) 2023, pembayar cukai dibenarkan membuat pindaan anggaran cukai yang dilaporkan pada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada bulan keenam, kesembilan dan ke-11. Sebelum ini pindaan kepada anggaran cukai hanya boleh dibuat pada bulan keenam dan bulan kesembilan. Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2024 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 8 bertujuan meminda bahagian XXI Jadual 1 untuk menjelaskan bahawa hanya saham tidak tersenarai yang terletak di Malaysia dan syer yang dirujuk dalam seksyen 15(C) tertakluk di bawah kadar cukai keuntungan modal yang ditetapkan.

Fasal 9 bertujuan memotong perenggan 38 Jadual 6 kerana tiada keperluan untuk mengekalkan peruntukan ini memandangkan skop aset modal yang tertakluk kepada cukai keuntungan modal telah diperjelaskan dalam takrif *capital asset* di bawah seksyen 2 akta ini. Puan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Digital [Datuk Ugak Anak Kumbong]: Puan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai dua orang ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah sama juga, lima minit seorang. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina Wan Yusoff.

1.59 ptg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

■1400

Terima kasih Datuk Seri Yang di-Pertua. Saya terus kepada Fasal 3 perenggan 3(a) yang menjelaskan pelupusan syer dalam syarikat terkawal di bawah seksyen 15C merujuk kepada pelupusan yang dibuat oleh satu buah syarikat perkongsian liabiliti terhad, badan amanah ataupun koperasi.

Sejak 1 Januari 2024, syarikat perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang menerima laba ataupun keuntungan daripada pelupusan aset modal adalah tertakluk kepada CGT. Termasuk saham syarikat tidak tersenarai yang diperbadankan di Malaysia atau syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia yang memiliki harta tanah di Malaysia di bawah seksyen 15C.

Datuk Seri Yang di-Pertua, kerajaan mengunjurkan tambahan hasil sekitar RM800 juta setahun berdasarkan trend pindah milik saham semenjak beberapa tahun terkini dengan pelaksanaan CGT mulai 1 Mac 2024. Saya mohon penjelasan dan perincian anggaran perolehan hasil mengikut kategori syarikat.

Bagaimanakah pula kesannya kepada pelabur-pelabur asing? Tidakkah dengan pelaksanaan akta ini akan mempengaruhi para pelabur asing untuk menimbang kembali pelaburan mereka ke negara kita kerana dengan pengenaan cukai-cukai ini akan mempengaruhi keuntungan mereka. Kita bimbang pelabur-pelabur asing tidak berminat untuk melabur atau mengeluarkan pelaburan mereka dari negara kita.

Datuk Seri Yang di-Pertua manakala kerajaan pula meletakkan pengecualian CGT ke atas unit amanah untuk memastikan pasaran modal terus berkembang. Persoalan saya sejauh mana kesan pengecualian ini terhadap unjuran hasil pendapatan negara dan adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk melanjutkan tempoh selepas tarikh akhir pengecualian pada 31 Disember 2028. Memandangkan ketika ini terdapat empat pengecualian bagi pelupusan saham tidak tersenarai bagi aktiviti-aktiviti perniagaan termasuk unit amanah, tawaran awam permulaan, penstrukturan dalam syarikat dalam kumpulan serta syarikat modal teroka.

Saya ingin bertanya, apakah status kajian berhubung cadangan untuk memperluaskan skop pengecualian CGT kepada syarikat yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia. Saya juga ingin tahu setakat ini berapakah syarikat yang telah melaporkan pendapatan pelupusan aset modal melalui borang nyata CGT e-filing dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pelupusan. Apakah tindakan yang diambil terhadap syarikat yang gagal berbuat demikian?

Datuk Seri Yang di-Pertua, mengambil kira pengenaan CGT ke atas keuntungan pendapatan daripada pelupusan aset modal yang terbit dari luar negara dan dibawa masuk ke Malaysia, apakah langkah yang diambil dalam menangani situasi *double non taxation* ini secara berkesan. Apakah syarat substantif ekonomi bagi pengecualian cukai yang akan diberikan kepada syarikat residen Malaysia termasuk daripada segi penggajian bilangan pekerja yang mencukupi serta perbelanjaan operasi syarikat?

Ini mengambil kira perjanjian pengelakan percukaian dua kali yang sedia ada di mana pelupusan yang telah dikenakan cukai di luar negara berkaitan laba ataupun keuntungan pelupusan CGT. Saham syarikat di bawah seksyen 15C boleh menuntut kredit cukai dua belah pihak di bawah peruntukan seksyen 132 Akta Cukai Pendapatan.

Akhirnya persoalan saya, apakah galakan atau pun insentif yang bakal dilaksanakan oleh kerajaan untuk memberi galakan kepada syarikat-syarikat ataupun pembayar-pembayar cukai ini untuk mengemukakan penyata-penyata pendapatan. Dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai, lima minit Senator.

2.05 ptg.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Dua minit atau lima minit?... *[Ketawa]* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberikan masa untuk berbahas Rang Undang-undang Cukai Pendapatan. Terlebih dahulu saya ingin ambil kesempatan ini merujuk petikan akhbar; *“LHDN jangka sasaran kutipan cukai RM185 bilion dapat dicapai...”*

Memang tugas LHDN memenuhi sasaran tahunan mengutip hasil negara sedangkan persekitaran ekonomi negara kita berada dalam landasan yang tegang. Ini memanglah satu cabaran yang sangat besar.

Rang undang-undang ini merupakan langkah kerajaan memperluaskan pendapatan hasil cukai agar memenuhi sasaran pengutipan tahun ini melalui pelbagai langkah seperti pengenalan sistem cukai baru, sistem e-Invois yang akan saya menuturkan sebentar lagi. Secara ringkasnya, pindaan ini boleh dikatakan memperkayakan kerajaan, membebaskan rakyat.

Datuk Yang di-Pertua, pengenalan cukai keuntungan modal iaitu *Capital Gain Tax* (CGT) yang seperti Timbalan Menteri telah menerangkan bertujuan mengenakan keuntungan daripada pelupusan aset modal sebagai langkah memperluaskan asas percukaian dan pendapatan hasil kerajaan. Melalui pindaan Fasal 8, CGT ini merangkumi pelupusan syer syarikat tempatan yang tidak tersenarai di Bursa Saham Malaysia dan keuntungan yang dibawa balik Malaysia akibat pelupusan aset modal di luar Malaysia.

Di sini saya mempunyai beberapa kebimbangan akibat pelaksanaan CGT terutamanya kerumitan pentadbiran dalam proses penilaian kos asas saham *unlisted* yang akan menambah kos kepada pemegang saham tidak tersenarai serta kesan kepada pelabur rakyat Malaysia yang menjanakan pendapatan melalui pelaburan asing.

Mengenai kesan kepada aktiviti pelaburan akibat CGT, saya berpendapat bahawa sistem cukai ini akan memberikan implikasi *capital flight* ketika pelabur kita yang melabur di negara asing berkemungkinan enggan membawa keuntungan saham dari luar negara balik ke Malaysia. *Whatever is earned outside Malaysia will not flow back into Malaysia in bit to avoid CGT*, dengan izin. Akibatnya kita terlepas aliran masuk modal yang bakal meningkatkan nilai ringgit kita yang kini makin merosot.

Datuk Yang di-Pertua, selain daripada pengenalan sistem cukai baru, lebih baik untuk kerajaan meneliti kepada isu ketirisan cukai. Salah satu cara kita mengurangkan ketirisan ini adalah melalui dasar menangani ekonomi bayangan. Saiz ekonomi bayangan-bayangan Malaysia... *[Dicelah]* Mengapa? Oh. Saiz ekonomi bayangan Malaysia masih besar menurut mantan Timbalan Menteri Kewangan iaitu Yang Berhormat Pontian pada tahun ini. Dia kata,

“Saiz ekonomi bayangan Malaysia dijangka sebesar 21.2 peratus kepada jumlah KDNK iaitu Keluaran Dalam Negara Kasar Negara pada tempoh tahun 2010 sampai 2019”.

Telah menjelang hampir 500 hari dari 24 November 2022, kerajaan mentadbir negara kita dengan tepat 497 hari, setakat 3 April 2024. Persoalan saya adalah sejauh manakah Jawatankuasa Pemandu *Shadow Economy* berjaya mengesan, memantau penguatkuasaan berkaitan ekonomi bayangan. Apakah usaha penguat kuasa kerajaan dalam tempoh masa pentadbiran ini dalam mengurangkan ketirisan ekonomi bayangan? Kerajaan sudi naik kadar SST tanpa masa penamparan, namun usaha mengimpak dalam membasmi kegiatan ekonomi bayangan serta kegiatan haram masih kurang ternampak.

Datuk Yang di-Pertua, juga difahamkan bahawa projek perintis e-Invois dijangka berjalan pada Mei 2024. Saya tidak menafikan bahawa pengenalan sistem e-Invois yang bertujuan meningkatkan pematuhan cukai ini juga dapat meningkatkan kecekapan perniagaan, membasmi ekonomi bayangan serta mengekang ketirisan hasil cukai negara.

■1410

Namun, saya dapati bahawa masih banyak persoalan e-Invois mengenai kos pelaksanaan sistem invois dan proses peralihan kepada sistem e-Invois tersebut.

Bagi tambah satu minit? Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Satu minit. Saya tambahkan satu minit.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih. Sedia faham bahawa terdapat perusahaan terutamanya perusahaan mikro, kecil dan sederhana kini masih *struggle*, dengan izin, dengan persediaan beralih ke sistem e-Invois disebabkan oleh program latihan kerajaan yang kurang konsisten daripada segi keberkesanan dan liputan. Persekitaran ekonomi yang tegang ini juga menyebabkan ketidakmampuan beberapa perusahaan dalam menaiktarafkan sistem invois ataupun menyertai program latihan e-Invois yang dianjurkan oleh pihak swasta.

Walaupun kerjasama badan-badan industri adalah dialu-alukan, kejayaan *rollout system* e-Invois ini tertakluk banyak kepada usaha pendekatan kementerian ataupun agensi yang berkenaan perlu menyalurkan sokongan yang mencukupi kepada para pengusaha-pengusaha kita.

Persoalan saya adalah sejauh manakah Kementerian Kewangan, terutamanya LHDN, bekerjasama rapat dengan agensi-agensi lain dalam memahami keperluan pengusaha di pelbagai sektor dalam proses peralihan ke sistem e-Invois?

Datuk Yang di-Pertua, akhirnya, pengenalan sistem cukai dan sistem invois baru perlu dilaksanakan secara lestari dan bukanlah secara tergesa-gesa. Kegagalan untuk membuat demikian hanya akan memperkembangkan ekonomi bayangan negara kita yang seterusnya menyebabkan ketirisan cukai yang lebih besar. Dengan ini, saya harap kerajaan sentiasa bekerja demi kepentingan rakyat dalam setiap proses penggubalan undang-undang dan

elakkan daripada memperkenalkan dasar-dasar yang tidak bermanfaat tetapi sebaliknya membebankan rakyat kita. Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Dari pagi Timbalan Menteri berada di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

2.12 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih diucapkan kepada Puan Yang di-Pertua. Saya merakamkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang berbahas dalam RUU ini.

Jadi, kepada Yang Berhormat Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan pelaksanaan cukai keuntungan modal (CGT) mulai 1 Mac 2024, kerajaan mengunjurkan tambahan hasil sekitar RM800 juta setahun. Unjuran ini adalah berdasarkan trend pindah milik saham bagi semua kategori syarikat sejak beberapa tahun terkini. Sehubungan ini, perincian hasil kutipan CGT berdasarkan kategori syarikat belum dapat diberikan sehingga analisa ke atas kutipan sebenar dapat dibuat kelak.

Pengecualian ke atas unit amanah ini dijangka akan memberi kesan pengurangan kepada unjuran hasil yang bakal diperoleh daripada pelaksanaan CGT. Namun demikian, kerajaan berpandangan bahawa kesan hasil adalah tidak ketara, malah pengecualian CGT ke atas unit amanah akan membantu melonjakkan lagi prestasi pasaran modal di samping memberi manfaat sepenuhnya kepada lebih 90 peratus pelabur individu yang membuat pelaburan dalam industri tersebut.

Kerajaan mengambil maklum pertanyaan Ahli Yang Berhormat sama ada akan diperkenalkan cukai keuntungan modal ke atas pelupusan saham tersenarai. Namun begitu, kerajaan berpandangan pengenaan cukai keuntungan modal masih belum sesuai dikenakan ke atas saham tersenarai pada masa ini. Pendekatan ini diambil bagi memastikan bursa saham tempatan dapat terus kompetitif dan berdaya saing dengan negara serantau.

Kerajaan mengambil maklum atas keprihatinan Yang Berhormat Senator berkenaan pelaksanaan cukai keuntungan modal ke atas *foreign source income*, dengan izin, di mana ia adalah dalam bentuk peluasan skop kepada *foreign source income* sedia ada yang selama ini meliputi pendapatan dividen, faedah, sewa dan royalti oleh syarikat dan tidak melibatkan individu.

Malaysia mengambil pendekatan yang sama seperti Singapura dan Hong Kong dalam melaksanakan CGT *Foreign Source Income* (FSI) seperti mana ditetapkan dan dipersetujui oleh pihak EUCOCG di mana pengecualian cukai akan diberi kepada mana-mana syarikat residen Malaysia termasuk unit amanah yang memenuhi syarat substantif ekonomi iaitu

menggaji bilangan pekerja yang mencukupi dan mempunyai perbelanjaan operasi yang mencukupi.

Syarat ekonomi substantif ini mudah dipatuhi oleh mana-mana syarikat dan dikenakan semata-mata bagi memastikan syarikat residen Malaysia yang menerima FSI-CGT bagi memastikan entiti yang menikmati pengecualian mempunyai *physical presence*, dengan izin, dan bukan *shell company*, dengan izin, seterusnya menyumbang semula kepada ekonomi Malaysia. Pada masa yang sama, syarikat masih lagi boleh mengguna pakai peruntukan kredit cukai di bawah perjanjian bilateral percukaian atau kredit cukai unilateral.

Adalah penting bagi kerajaan melaksanakan cukai keuntungan modal ke atas pendapatan sumber luar negara kerana pematuhan kepada amalan terbaik percukaian di peringkat antarabangsa termasuk komitmen di bawah EU akan terus menjadi rujukan Malaysia dalam menangani isu pelarian cukai dan *double non-taxation*, dengan izin.

Penglibatan Malaysia dalam amalan terbaik percukaian akan memberikan impak dan imej positif kepada negara. Malaysia perlu keluar daripada *Grey List EU's Code of Conduct Group* di mana Malaysia dianggap *harmful* sekiranya memberi pengecualian cukai ke atas FSI tanpa mengenakan sebarang syarat substantif.

Implikasi sekiranya Malaysia kekal atau, lebih buruk, dimasukkan ke dalam senarai *blacklist* Kesatuan Eropah ialah Malaysia boleh dikenakan *preventive measures* oleh Kesatuan Eropah yang boleh dilaksanakan oleh negara ahli Kesatuan Eropah, sama ada melalui tindakan percukaian, pengenaan cukai lebih tinggi kepada syarikat yang berdagang dengan Malaysia atau bukan percukaian iaitu halangan perdagangan melalui pengenaan syarat ketat ke atas perdagangan antara negara ahli Kesatuan Eropah dan Malaysia.

Berkenaan pelaporan CGT yang baru dilaksanakan mulai 1 Mac 2024, dimaklumkan belum ada pelupusan CGT yang dilaporkan setakat ini.

Then, berkenaan dengan jawapan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau. Kerajaan turut memahami keperluan untuk meminimumkan kesan cukai ke atas sektor sensitif seperti pasaran saham dan mata wang. Justeru, bagi fasa pertama ini, pengenaan cukai keuntungan modal hanya ke atas saham tidak tersenarai dalam syarikat tempatan. Walau bagaimanapun, pengecualian cukai keuntungan modal akan diberikan kepada pelupusan saham tidak tersenarai bagi aktiviti-aktiviti perniagaan seperti tawaran awam permulaan atau *initial public offering* (IPO), dengan izin, penstrukturan syarikat dalam kumpulan yang sama, *internal restructuring*, dengan izin, syarikat modal teroka dan unit amanah.

Berkenaan dengan *shadow economy*, dengan izin, atau ekonomi bayangan. Ekonomi bayangan wujud di setiap negara, sama ada maju ataupun membangun, termasuk Malaysia. Laporan daripada *Economic Outlook* bagi tahun 2021 menunjukkan bahawa saiz *shadow economy* di Malaysia telah menunjukkan kadar penurunan. Secara puratanya bagi tempoh

tahun 2010 hingga 2019, saiz *shadow economy* adalah dianggarkan 21.2 peratus berbanding tempoh tahun 2000 hingga 2009 di mana saiz ekonomi bayangan adalah 30.2 peratus berbanding KDNK negara.

Kerajaan sentiasa proaktif dalam menangani isu *shadow economy*, dengan izin, melalui kaedah meningkatkan kadar pematuhan cukai, mengekang ketirisan hasil dan seterusnya meningkatkan kepercayaan orang awam terhadap sistem percukaian negara.

Menyedari kepentingan data dan maklumat bagi memerangi *shadow economy*, kerajaan melalui LHDN sedang melaksanakan dua inisiatif utama iaitu Nombor Pengenalan Cukai atau *Tax Identification Number* (TIN), dengan izin, dan pelaksanaan e-Invois.

■1420

Pelaksanaan TIN yang telah bermula pada 1 Januari 2022 mewajibkan pelbagai dokumen atau borang percukaian seperti dokumen rasmi yang di-*stamp*-kan mempunyai TIN. Ini akan membantu aktiviti pengesanan oleh LHDN meluaskan asas percukaian negara dan seterusnya berupaya menangani isu ekonomi bayangan dan ketirisan hasil negara. Kerajaan juga akan melaksanakan e-Invois secara berperingkat pada tahun 2024 berdasarkan nilai ambang hasil jualan perniagaan.

Pelaksanaan e-Invois ini merupakan satu mekanisme untuk meningkatkan pematuhan cukai. Langkah ini akan memberikan pelbagai manfaat kepada kerajaan, pentadbir cukai dan perniagaan iaitu daripada segi meningkatkan kecekapan perniagaan menangani ekonomi bayangan dan mengekang ketirisan hasil cukai negara. Selaras dengan pelaksanaan TIN, e-Invois yang menyalurkan data invois secara *real time* dapat meningkatkan kecekapan pengesanan, melihat trend aktiviti perniagaan...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Mohon mencelah Datuk.

Puan Lim Hui Ying: Menjalankan analisa risiko. Sebentar. Membolehkan fokus audit atau siasatan secara lebih tepat dengan keberhasilan yang tinggi. Sila Yang Berhormat.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih. Saya merujuk tadi Timbalan Menteri mengatakan saiz ekonomi bayangan pada masa dahulu itu 30.2 peratus dan diturunkan. Apakah pandangan Timbalan Menteri bahawa ini adalah kerana faktor kelebihan GST semasa kerajaan di bawah Barisan Nasional? Kerana pada masa itu 30.2 adalah pada masa 2000 sampai 2009 tetapi dikurangkan kepada 21.2 itu adalah pada masa 2015 tahun *until 2018? That's mean is during Najib's time*-lah. *Thank you.*

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih. Saya di sini tidak seperti di Dewan Rakyat. Jadi, kita *go by facts* lah okey. *Alright.* Saya akan teruskan. Nanti saya akan jawab ini. Jadi, kerajaan mengambil maklum bahawa proses untuk syarikat mengadaptasi e-Invois memerlukan tempoh masa yang panjang terutamanya industri yang mempunyai persekitaran perniagaan yang mencabar seperti telekomunikasi, perbankan dan beberapa lagi. Kerajaan juga faham perniagaan memerlukan tempoh masa yang mencukupi untuk mengkaji keperluan,

mengumpul maklumat yang berkaitan daripada rantai bekalan, membuat proses yang diperlukan dan pengubahsuaian sistem.

Bagi memastikan pelaksanaan e-Invois berjalan dengan lebih lancar, Kementerian Kewangan bersama-sama LHDN sedang merencanakan lagi sesi libat urus dengan industri bagi menjelaskan proses dan mekanisme e-Invois dengan lebih lanjut. Spesifikasi dan butiran keperluan sistem e-Invois dalam tempoh peralihan. LHDN telah dan sedang dalam proses untuk mengeluarkan soalan lazim atau kita panggil AFAQ dengan izin, spesifik kepada beberapa buah industri mengikut kesesuaian dengan keperluan industri seperti penjagaan kesihatan, pembinaan, telekomunikasi, e-dagang dan operasi petroleum.

Seperti mana amalan terbaik negara-negara yang telah melaksanakan, kerajaan akan melihat semuka dan meneliti tempoh peralihan yang mencukupi bagi memastikan perniagaan dapat membuat pengujian kepada sistem dan seterusnya dapat melaksanakan e-Invois sepenuhnya mulai 1 Julai 2025. Bagi memastikan pelaksanaan e-Invois berjalan lancar mengikut garis masa yang ditetapkan bagi golongan PMKS, Lembaga Hasil Dalam Negeri sedang meneliti beberapa cadangan penyelesaian. Antaranya menggalakkan aktiviti kesedaran dan pendidikan pelaksanaan e-Invois, menyediakan aplikasi mudah alih e-Invois yang mesra dan mudah pengguna untuk melaksanakan transaksi dan meringankan proses pengeluaran invois bagi perniagaan kecil.

Untuk membangunkan aplikasi mudah alih ini, LHDN sedang dalam perbincangan dengan beberapa *solutions providers* yang sedia ada untuk meneliti konsep yang optimum bagi para pengguna. LHDN juga menaik taraf ciri-ciri platform MyTax dan MyInvoice Jugaortal bagi memastikan pelaksanaan e-Invoice lebih mudah dilaksanakan oleh PMKS dengan izin, dan dalam mengemukakan maklumat melalui *QR Code*. Juga kita menggalakkan PMKS untuk menggunakan platform pembayaran digital bagi memudahkan pelaksanaan e-Invois. Akhirnya bagi mengatasi isu *internet*, sesi libat urus dengan kementerian akan digiatkan dalam memastikan isu *internet* dan akses dapat diatasi.

Jadi, berikut tentang tadi pencilan daripada Yang Berhormat Senator Dominic penurunan kadar ekonomi bayangan adalah berdasarkan pendekatan peningkatan aktiviti pematuhan seperti aktiviti audit dan siasatan terutama apabila kerjasama perkongsian maklumat kian meningkat di kalangan pentadbir cukai di peringkat antarabangsa.

Selain itu, pihak agensi kerajaan iaitu LHDN juga berterusan melaksanakan inisiatif lain untuk menangani *shadow economy* seperti menjalin kerjasama strategik dan pintar bersama agensi-agensi penguat kuasa serta badan-badan profesional, tempatan dan antarabangsa di mana jalinan kerjasama di antara LHDN dengan agensi penguat kuasa lain dan badan-badan profesional ini telah terbukti dapat memberikan pendedahan yang luas serta memantapkan pengetahuan dan tindakan penguatkuasaan dalam menangani isu jenayah gelap.

Juga kita mewujudkan platform pertukaran maklumat dalaman dan antarabangsa secara efektif sebagai langkah jangka masa panjang untuk menangani *shadow economy* seperti aplikasi *Automatic Exchange of Information*, dengan izin, *Country-by-Country reporting* dan *Common Reporting Standard*, dengan izin. Sekian, terima kasih. Sekali lagi saya menunjukkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam pembahasan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Digital (Datuk Ugak Anak Kumbong) dan diluluskan]

■1430

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

2.30 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Puan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2024 yang dicadangkan adalah bertujuan melaksanakan pindaan berbangkit

berkaitan pelaksanaan e-Invois di bawah akta ini seperti mana pindaan yang telah dibuat di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967. Rang undang-undang ini mempunyai dua fasal yang meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai “Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2024” yang disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 22DA(6) bagi memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang menyediakan platform perdagangan elektronik- *eCommerce platform*, dengan izin, perlu mengeluarkan invois bil sendiri mengikut syarat dan spesifikasi sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Invois bil sendiri yang dikeluarkan oleh penyelia platform perdagangan elektronik akan membantu pelaksanaan e-Invois dengan lebih menyeluruh di mana transaksi melibatkan penjual-*merchant*, dengan izin dan penghantar- *rider*, dengan izin dapat direkodkan.

Pindaan kepada subseksyen 22DA(6) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 ini adalah berdasarkan semakan semula ke atas peruntukan undang-undang mengenai invois bil sendiri. Walaupun pindaan kepada subseksyen 22DA(6) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan 1990 telah dibuat melalui Akta Kewangan (No.2) 2023 bagi memperuntukkan pengisuan invois bil sendiri sebagai invois elektronik berdasarkan syarat dan ketetapan KPHDN. Namun, peruntukan sedia ada tidak menjelaskan secara khusus kepada penyelia platform perdagangan elektronik untuk mengeluarkan e-Invois bagi mana-mana transaksi yang melibatkan *good sold or services perform*, dengan izin, melalui transaksi perdagangan elektronik.

Sehubungan itu, pindaan kali ini bertujuan memperjelaskan keperluan untuk penyelia platform perdagangan elektronik mengeluarkan invois bil sendiri mengikut syarat-syarat dan spesifikasi yang ditetapkan.

Puan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Digital [Datuk Ugak anak Kumbong]: Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat di hadapan saya ada seramai dua orang Ahli yang hendak membahaskan. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah lima minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahya.

2.33 ptg.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Datuk Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Kewangan dalam usaha untuk menambah baik dasar dan pentadbiran sistem percukaian di Malaysia.

Pada hari ini, saya ingin membincangkan rang undang-undang RUU Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2024 yang bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*] yang melibatkan dua fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan. Manakala, fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 22DA(6) Akta 445 untuk menghendaki penyediaan platform perdagangan elektronik untuk mengeluarkan invoice bil sendiri mengikut syarat dan spesifikasi sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah. Pindaan kali ini telah menjelaskan secara khusus mengenai penyediaan platform perdagangan elektronik untuk menyediakan invoice yang tidak dinyahkan di dalam Akta Kewangan (No.2) 2023.

Saya menyokong usaha baik ini untuk membawa Labuan ke dimensi perniagaan digital yang lebih ke hadapan dan menyeluruh. Saya pasti hasrat murni ini akan disahut dan disambut oleh seluruh warga Labuan.

Datuk Yang di-Pertua, untuk makluman semua, Labuan telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan sejak 16 April 1984. Jauh lebih lama jika dibandingkan dengan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan, tetapi jika kita hendak membandingkan demografi ekonomi penduduk di antara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan tersangat jauh bezanya. Menurut Jabatan Statistik Malaysia, median gaji tahun 2022 bagi warga Kuala Lumpur adalah sebanyak RM10,324. Bagi warga Putrajaya pula adalah RM10,056. Manakala, bagi warga Labuan pula hanya RM6,904. Perbezaan di antara 30 hingga 40 peratus.

Dengan pengisytiharan Labuan sebagai Pulau Bebas Cukai pada 1 September 1956 dan Pusat Kewangan Antarabangsa pada tahun 1990, namun menurut Statistik Tahunan Tenaga Buruh Malaysia 2022 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Labuan mencatatkan 7.2 peratus kadar pengangguran.

Jauh lebih tinggi daripada paras pengangguran nasional yang berada pada kadar tiga peratus sahaja. Ini belum lagi mengambil kira ribuan peluang pekerjaan yang tersedia di Labuan adalah daripada syarikat minyak dan gas. *Asian Supply Base* merupakan anak syarikat Sabah Energy Corporation Berhad sebuah inisiatif Kerajaan Negeri Sabah. Sekiranya, Kerajaan Negeri Sabah mengeluarkan *Asian Supply Base* ini dari Labuan kadar pengangguran dijangka akan meningkat jauh lebih tinggi.

Saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan sedar akan masalah dan risiko ini? Apakah langkah-langkah proaktif pihak kerajaan dalam menangani isu pengangguran di Labuan yang tinggi ini?

Datuk Yang di-Pertua, Menurut Ketua Pengarah pihak berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan atau dikenali sebagai *Labuan Financial Services Authority* (Labuan FSA) kini Labuan IBFC menjadi hos kepada hampir 900 buah institusi kewangan yang merangkumi pelbagai aktiviti perbankan, insurans, insurans semula atau *reinsurance*, perdagangan komoditi, pajakan dan perkhidmatan kewangan digital.

Maka, jika saya hendak memperincikan menurut Timbalan Menteri Kewangan sendiri Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) telah menyumbangkan lebih RM1 bilion kepada pendapatan negara pada tahun 2022 yang merupakan kutipan hasil tertinggi semenjak tahun 1990. Labuan IBFC menyumbangkan lebih 50 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Labuan yang mencecah hampir RM5 bilion dari tahun 2019 hingga 2020.

Labuan IBFC merupakan majikan kolar putih yang terbesar di Labuan dengan jumlah pekerjaan melebihi 9,000 orang. Ia merangkumi 20 peratus daripada jumlah pekerjaan di seluruh Labuan. Labuan memiliki 70 buah bank perbankan luaran dengan jumlah aset hampir USD50 bilion, berbanding *Singapore* 99 buah dan Hong Kong 61 buah. Labuan memiliki 237 buah syarikat insurans dan berkaitan dengan insurans dengan jumlah premium insurans berjumlah USD1.7 bilion berbanding dengan *Singapore* 180 buah dan Hong Kong 163 buah, tetapi kenapa Labuan masih lagi daif?

Daripada segi aspek ia termasuk isu air, elektrik, darjah ketersampaian dan sebagainya. Sebagai contohnya, paip lama, paip pecah, tekanan air tidak cukup kuat malah sumber air di Labuan sendiri pun dari Sabah yang disalurkan melalui 47 kilometer paip bawah tanah yang usang sudah tiba masanya untuk Labuan mempunyai sumber dan loji airnya sendiri...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Lama lagi kah Yang Berhormat?

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Dua minit, dua orang sahaja. Kita mahu lebih...

[Ketawa]

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Berapa minit lagi?

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Itu belum lagi...

■1440

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Berapa minit yang diperlukan?

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Satu minit setengah lagi. Itu belum lagi...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Saya bagi satu minit lah.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Dua minit. Itu belum lagi kita nak mengira kos hidup seharian yang tinggi di Labuan. Makanan, minuman dan barangan keperluan seharian

seperti sabun, ubat gigi, syampu adalah sangat tinggi jika hendak dibandingkan dengan sesetengah kawasan di Sabah. Bayangkanlah harga telur Gred B sepapan sahaja di Labuan adalah RM22. Di Kuala Lumpur Gred A baru RM18. Ini kerana barangan harian akan dihantar dari pelabuhan di Semenanjung ke Pelabuhan Kota Kinabalu kemudian baru dihantar ke Labuan. Penghantaran berlapis inilah yang menyebabkan harga barangan mahal. Saya ingin bertanya apakah rancangan jangka masa panjang kerajaan dalam menangani masalah kenaikan harga barang dan kos sara hidup rakyat di Labuan?

Datuk Yang di-Pertua, saya ingin menggesa pihak kerajaan mempertingkatkan kualiti persekitaran hidup di Labuan. Ini kerana kita perlu memaksimumkan potensi dan peluang Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir dan juga hab kewangan Islam Malaysia. Jika keadaan tidak kondusif pelabur tidak akan melabur dan mungkin akan menggunakan Labuan sebagai cara untuk lari daripada cukai. Sebagai contoh, ada sahaja syarikat yang mendaftarkan syarikat yang beralamat di Labuan untuk mendapatkan kelebihan insentif cukai. Namun, segala operasi dan pengurusannya berada di Kuala Lumpur.

Akhirnya, segala usaha penambahbaikan yang dilakukan oleh kerajaan seperti pemindaan RUU Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan tidak akan berjaya secara optimum. Kesannya rakyat dan penduduk Labuan tidak akan menikmati hasil daripada usaha dan inisiatif kerajaan. Oleh itu, saya berharap di samping pemindaan RUU ini kerajaan juga perlu ada usaha-usaha yang seiringan untuk menaik taraf pelabuhan supaya setaraf dengan Wilayah Persekutuan yang lain. Sekian, saya mohon untuk menyokong.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman, dipersilakan.

2.42 ptg.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Terima kasih Puan Seri Pengerusi. *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terutama saya mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (Pindaan) 2024.

Saya ucapkan ribuan terima kasih pada sahabat Yang Berhormat Hisamuddin Yahaya yang begitu peka penderitaan rakyat Labuan dan inilah satu-satunya pemimpin yang mahu yang berjiwa rakyat... [*Tepuk*]

Walau bagaimanapun, saya tidak mempunyai halangan dengan pemindaan ini. Namun apa yang saya tanya, namun apakah manfaat yang rakyat Labuan dapat daripada pindaan ini? Jika kita serius hendak membangunkan Labuan yang sudah lama tidak berkembang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, apa kiranya kalau akta ini dipinda

lagi untuk memperluaskan faedah percukaian sebanyak tiga peratus kepada semua jenis perniagaan Labuan... [Tepuk]

Sekarang ini hanya terdapat 12 kategori entiti Labuan mengikut takrifan akta ini yang menikmati faedah percukaian sebanyak tiga peratus. Ini termasuklah perbankan, insurans, perdagangan, pengurusan, pelesenan dan operasi perkapalan. Ini adalah selaras dengan dasar untuk membuat Labuan sebagai *international business and financial centre* dengan izin. Namun, sekiranya faedah percukaian tersebut diberi ramai peniaga tempatan dan luar dari pelbagai sektor termasuk pelancongan dan pembuatan akan datang ke Labuan *to set up shop*, dengan izin.

Datuk Yang di-Pertua untuk makluman YB Menteri keadaan ekonomi Labuan sangat meruncingkan. Penduduk-penduduk di Labuan banyak yang berjumpa dengan saya dan mengeluh tentang keadaan sekarang. Perbandingan yang telah pun diucapkan oleh sahabat saya tadi, Datuk Hisamuddin kalau dibandingkan dengan Kuala Lumpur dan Putrajaya memang jauh ketinggalan. Ia hampir-hampir apa yang dikatakan pada perbahasan Titah Diraja yang Timbalan Speaker juga mengatakan bahawa Labuan sudah dianaktirikan. *Now it is a reality* Yang Berhormat. Tapi kita *collect* RM1 bilion lebih daripada *financial activities* dan juga PETRONAS hampir satu *over billion*.

So, saya telah pun mengutarakan apa kiranya *from two over billion* kalau kita campur dengan kedua-duanya apa kiranya kalau 40 peratus daripada pendapatan dari Labuan itu dikembalikan pada Labuan supaya kita boleh membangunkan Labuan, tapi kalau peruntukan-peruntukan kita cuma berdasarkan pada gaji-gaji, pungut sampah, membersihkan parit-parit ya Yang Berhormat, sampai hari kiamat pun kita tidak akan dapat mengembangkan Labuan. Jadi, ini yang saya memang akui bahawa insentif percukaian kepada entiti Labuan sudah ada *justified*, dengan izin, dan untuk menjadikan Labuan sebagai hab kewangan.

Walau bagaimanapun, alangkah baiknya jika ekosistem keseluruhan Labuan juga adalah *investor friendly* dengan izin. *Now just imagine the spill over and the multiply effect*, dengan izin. Sekarang ini, ramai di antara anak-anak Labuan yang disebutkan oleh juga sahabat saya tadi *unemployed*. *Such a small island*.

Jadi, *very- I think* di antara yang terendah yang mendapat pekerjaan di Labuan. Jadi, kita minta bahawa peluasan kadar percukaian ini dapatlah kita sekiranya apa yang saya katakan tadi *killing many birds with one stone*, dengan izin. Saya Yang Berhormat, saya tidak mahu cakap panjang oleh sebab masa hampir. Tapi *it is very simple term and simple language*. *Something has to be done to Labuan*. *With that which Labuan will remain as an island*. *Soon there will not be many people reciding there, leave alone visiting there*, dengan izin. Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Menjawablah dengan ihsan terutama kepada rakyat Labuan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

2.47 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih kepada Puan Yang di-Pertua. Juga terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan RUU Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2024 ini pada hari ini. Saya amat menghargai cadangan, teguran serta pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Labuan terutamanya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamuddin bin Yahaya, rejim percukaian Labuan telah ditubuhkan pada tahun 1990 dengan tujuan untuk membangunkan hab kewangan antarabangsa bagi sektor perkhidmatan kewangan di Malaysia. Pada tahun 2019, rejim percukaian Labuan telah ditambah baik bagi memastikan hanya aktiviti yang layak bagi pusat kewangan antarabangsa diberikan kadar cukai *preferential* iaitu pada kadar tiga peratus ke atas keuntungan audit bersih bagi aktiviti perdagangan Labuan dengan kosong peratus bagi aktiviti bukan perdagangan Labuan.

Selain itu, bagi memastikan entiti Labuan mempunyai ekonomi *presence* di Labuan, dengan izin syarat substantif telah dikenakan seperti pekerja sepenuh masa dan perbelanjaan operasi tahunan di Labuan. Penempatan syarat substantif ini adalah di kadar minimum yang bertujuan untuk membuka peluang pekerjaan di Labuan dan seterusnya meningkatkan pembangunan Labuan.

Berdasarkan data *Labuan Financial Services Authority* dengan izin LFSA bilangan pekerja di Labuan telah meningkat daripada 2,658 pada tahun 2019 kepada 3,047 pada tahun 2023. Adalah diharapkan dengan penawaran insentif yang ditawarkan di bawah rejim percukaian Labuan yang berasaskan kepada syarat substantif ini dapat membantu meningkatkan taraf ekonomi dan peluang pekerjaan di Labuan. Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai jenis...

■1450

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Yang Berhormat, ini tentang pekerjaan *employment* yang telah pun kita peroleh daripada 2,058 sehingga 3,047 kalau saya tak silap. Bukan semua orang Labuan Yang Berhormat mempunyai kepakaran *financial aspect* ini. Kalau itu lah yang banyakkkan daripada yang *you provide employment for these people*, dengan izin, adalah orang-orang daripada luar.

Because kepakaran orang-orang Labuan tidak semua akauntan, tidak semuanya *lawyer*, tidak semuanya *chemical engineer*. Jadi, kesannya apa yang kita katakan bahawa tidak ada kesan daripada apa yang Yang Berhormat utarakan. Sampai hari ini, saya dan rakan-rakan tidak mengucapkan bahawa Labuan tidak maju kalau Labuan itu maju. So, itulah yang saya bertanya, apakah manfaat yang telah pun diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Labuan.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri. Mungkin Yang Berhormat Tan Sri mesti berjumpa dengan Menteri kita untuk Menteri Wilayah Persekutuan Labuan untuk mengadakan lebih libat urus dengan Menteri bagaimana nak memajukan Labuan dan memberikan lebih kerja-kesempatan kerja kepada semua rakyat di Labuan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: *Can you make an appointment for me please?* Boleh?

Puan Lim Hui Ying: *Sure, I will make an appointment.*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Saya dan- Yang Berhormat Hisamudin bin Yahya akan pergi sana, boleh?

Puan Lim Hui Ying: Boleh, boleh. Saya akan uruskan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Okey. *After this?*
[Dewan ketawa]

Puan Lim Hui Ying: Tak tahu boleh sebab Menteri tak ada sini. [Ketawa]

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Okey. Okey.

Puan Lim Hui Ying: Tapi boleh. Saya akan- saya akan *follow up*. Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai jenis galakkan cukai khusus untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan antarabangsa. Program *Global Incentives for Trading* atau GIFT dengan izin telah dilancarkan pada tahun 2012 dengan menyediakan galakkan cukai iaitu cukai pendapatan dikenakan pada kadar 3.0 peratus sahaja.

Program GIFT telah ditambah baik dengan pemberian pengecualian cukai pendapatan 100 peratus ke atas pendapatan berkanun untuk tempoh tiga tahun pertama operasi kepada syarikat yang menjalankan aktiviti dagangan yang layak di Labuan melibatkan produk seperti berikut, petroleum dan produk berkaitan petroleum termasuk gas asli cecair, galian dan arang batu, produk pertanian dan bahan kimia dan bahan mentah yang ditapis.

Bagi menyokong pembangunan Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan, sebagai hab kewangan Islam dan patuh syariah kerajaan dalam Belanjawan 2024 telah mengumumkan pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya selama lima tahun kepada entiti yang diperbadankan di Labuan dan menjalankan aktiviti dagangan berkaitan kewangan Islam seperti perbankan digital Islam, bursa digital Islam, syarikat berkaitan umah-umah dan pengeluar token digital Islam mulai tahun taksiran 2024.

Kementerian Kewangan juga yakin bahawa pelaksanaan Pelan Pembangunan Labuan 2030 yang memberi tumpuan kepada pembangunan sektor perkhidmatan kewangan, minyak dan gas, pelancongan, pendidikan serta perkhidmatan awam berupaya memperkukuh dan mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi di Labuan sekali gus memberi limpahan manfaat kepada penduduk setempat terutamanya dengan mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan meningkatkan pendapatan isi rumah. Bagi memastikan matlamat pelan pembangunan tersebut tercapai, sumbangan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk pihak berkuasa tempatan dalam meningkatkan usaha mempromosikan potensi pelaburan di Labuan adalah amat penting bagi menjamin keamanan ekonomi Labuan dalam jangka masa panjang.

Seterusnya untuk- seterusnya untuk menjawab kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman, untuk maklumat ahli Yang Berhormat Senator Tan Sri, pelaksanaan e-Invoice akan meningkatkan kecekapan dan melancarkan operasi perniagaan pembayar cukai termasuk di Labuan serta meningkatkan tahap pematuhan cukai. Selain itu, manfaat lain adalah seperti:

- (i) mengurangkan proses manual dan kesilapan;
- (i) pemprosesan invois bersepadu melalui penyediaan dan pengemukaan dokumen transaksi dan data secara elektronik;
- (ii) memudahkan pengemukaan borang nyata;
- (iii) pelaporan pencukaian yang cekap dan tepat melalui integrasi sistem yang lancar;
- (iv) meningkatkan kecekapan operasi daripada segi penglibatan masa dan kos; dan
- (v) mendigitalkan pelaporan pencukaian dan kewangan.

Pelaksanaan e-Invoice dapat memperkemaskan operasi perniagaan yang bersaiz besar, meningkatkan kecekapan dan menjimatkan masa serta kos melalui proses automasi integrasi data yang lancar dan pengurusan invois yang lebih efisien. Secara umum, hasil cukai akan disalurkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dan akan diagihkan mengikut perancangan perbelanjaan bagi operasi dan pembangunan setiap negeri.

Berhubung cadangan Yang Berhormat supaya kerajaan memberikan faedah pencukaian kepada semua jenis perniagaan di Labuan mengikut peratusan yang bersesuaian secara umumnya ini adalah tidak berbangkit. Ini kerana di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967, kerajaan telah menyediakan pelbagai jenis insentif cukai yang ditawarkan kepada industri yang layak termasuk bagi aktiviti perkilangan dan perkhidmatan yang dijalankan di seluruh negara termasuk Labuan. Malah, terdapat

aktiviti yang digalakkan layak menikmati pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya berbanding kadar cukai *preferential*, dengan izin, di bawah rejim percukaian Labuan.

Ini merupakan jawapan yang saya boleh berikan di sini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada Puan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat Senator. Tidak lupa juga kepada semua umat Islam yang akan menyambut tidak lama lagi, Selamat Hari Raya dan maaf zahir dan batin.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Boleh sedikit?

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Boleh, boleh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Yang Berhormat, terima kasih, tapi apa yang saya lihat Yang Berhormat baca daripada apa yang telah pun dikemukakan, tapi *that is not the truth. Okay. That is not the truth.* Ini macam cukai-cukai yang diberi tidak ada di antaranya yang memberi manfaat kepada rakyat Labuan. *Employment* yang Yang Berhormat katakan tidak ada di antaranya yang boleh kita katakan, "*Oh kita dapat employment as a result of oil and gas*" apa semua ini. Cuma saya katakan, *if you want to extend* tiga peratus cukai pada syarikat-syarikat ini, *product of PETRONAS* kah dengan apa ini kewangan, *but does not benefit the people in Labuan*, Yang Berhormat.

Kita mahu tengok *the real benefit to the people of Labuan* yang mereka boleh merasai bahawa sekian lama sudah pun menjadi Wilayah Persekutuan, tapi sampai hari ini perubahan tidak banyak. *Now, if you say this one* yang apa ini *introduction of the* cukai-cukai itu, ada membawa manfaat kepada- kepada Yang Berhormat katakan tadi kepada rakyat Labuan, *then I am telling you it is not true. So, something has to be done because* lambat laun kalau ia telah dibiarkan, itu seolah-olah kita dipinggirkan, dianaktirikan, *how long more do we have to wait to see Labuan become an entity comparable to Langkawi, comparable to—* bukan Putrajaya lah. *But you know Bali*, ini Phuket dan lain-lainnya.

Now without which, maybe Yang Berhormat *will still be here. 10 years later you'll standing here and asking* jawab soalan itu, Labuan *will still be the same. You know, so please. Make the change. Thank you.*

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Yang Berhormat Senator, kerana amat prihatin amat *I can feel the passion for* yang Yang Berhormat Senator. Yes, memang isu pembangunan Labuan tidak bergantung semata-mata melalui sistem cukai atau insentif percukaian yang saya sebutkan tadi. Kita ambil maklum tentang hujahan dan pandangan Yang Berhormat dan kita akan terus komited dan membantu dan akan membantu pembangunan Labuan melalui pelbagai agensi termasuk melalui fungsi Perbadanan Labuan. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa ini adalah perbincangan mungkin di luar Dewan juga perlu disambung. *insya-Allah.*

Saya mengalu-alukan kehadiran dua Menteri ya di Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Tuan Gobind dan Yang Berhormat Datuk Armizan. Ini kena datang selalu. Bila datang selalu Menteri ke Dewan mulia kita ini, kita pun rasa seronok, betul ya? *Alright.*

■1500

Ahli-ahli Yang terhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Digital (Datuk Ugak anak Kumbong) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SIBER 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

3.03 ptg.

Menteri Digital [Tuan Gobind Singh Deo]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang undang-undang Keselamatan Siber Tahun 2024 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Digital [Datuk Ugak Anak Kumbong]: Saya mohon...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Belum lagi? Minta maaf. Huraian. Dipersilakan. Minta maaf, diganggu tadi... *[Ketawa]*

Tuan Gobind Singh Deo: Tidak ada masalah. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal mendepani cabaran era teknologi dan pendigitalan pada masa ini dan bagi kami merealisasikan aspirasi Malaysia untuk bersaing dengan lebih efisien di pasaran global, semua pihak perlu memanfaatkan teknologi dan pendigitalan khususnya dalam semua sektor yang memberi impak yang signifikan kepada kemajuan negara yang lebih pesat.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dan pelbagai pihak telah melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi memperluas penggunaan teknologi dan aplikasi yang berteraskan digital dalam usaha menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan.

Selaras dengan itu, kerajaan telah pun meletakkan komitmen yang tinggi dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ataupun disebut sebagai ICT bagi menyokong inisiatif negara ke arah ekonomi digital dan industri 4.0 melalui teknologi memunculkan ataupun kita sebut sebagai *emerging technologies*, seperti teknologi generasi kelima (5G), *Internet of Things* (IoT) dan *Artificial Intelligence* (AI).

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, MyDIGITAL merupakan satu lagi inisiatif kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi yang berpacuan pendigitalan dan sebagai peneraju serantau di dalam bidang ekonomi digital.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengunjurkan ekonomi digital negara yang menyumbang sebanyak 25.5 peratus menjelang 2025 kepada KDNK ataupun keluaran dalam negara kasar berbanding dengan 23.2 peratus pada masa ini. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa ekonomi digital negara adalah antara tonggak utama ekonomi Malaysia.

Peningkatan, Tuan Yang di-Pertua prasarana teknologi dan digital ini akan membuka ruang yang lebih besar kepada ancaman siber yang mana rangkaian infrastruktur digital tersambung kepada semua pengguna sama ada kerajaan, entiti infrastruktur maklumat kritikal negara, organisasi swasta, industri dan orang ramai. Persekitaran rangkaian bekalan ataupun yang kita sebut sebagai *supply chain* ini melibatkan keselamatan data, keselamatan sistem dan juga infrastruktur.

Salah satu yang akan memberikan keyakinan kepada pelabur untuk memilih sesebuah negara sebagai destinasi pilihan mereka adalah pewujudan ekosistem digital dan keselamatan siber yang selamat dan juga lestari. Tambahan pula, ancaman keselamatan siber kini semakin kompleks, melalui penggunaan teknologi terkini dan canggih. Hal ini menuntut kesiapsiagaan terbaik seluruh jentera kerajaan untuk menangani ancaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, perihal ini menjadi keutamaan bukan sahaja di dalam negara tetapi turut mencakupi ruang lingkup yang lebih besar di peringkat serantau dan global kerana alam siber dan komunikasi digital meresapi pelbagai aspek dalam kehidupan.

Menurut Forum Ekonomi Dunia dalam Laporan Prospek Keselamatan Siber Global Tahun 2024, menggariskan bahawa 54 peratus Tuan Yang di-Pertua organisasi mempunyai keupayaan keselamatan siber yang terhad bagi mengesan dan mengenal pasti kerentanan atau kelemahan siber dalam rangkaian bekalan mereka. Selain daripada itu, sebanyak 41 peratus organisasi yang mengalami insiden keselamatan siber dalam tahun lepas, 2023 adalah disebabkan oleh pihak-pihak ketiga.

Laporan daripada *Forbes* pula menyaksikan peningkatan ketara dalam perihal serangan siber di peringkat global mengakibatkan lebih 343 juta orang mangsa. Di antara tahun 2021 dan 2023 Tuan Yang di-Pertua, pelanggaran data meningkat sebanyak 72 peratus, mengatasi rekod sebelumnya. Manakala IBM dalam laporan berhubung kos ketirisan data menggariskan bahawa purata sebanyak USD4.45 juta ditanggung organisasi akibat ketirisan data pada tahun yang lalu menyaksikan peningkatan sebanyak 15 peratus dalam tempoh tiga tahun.

Statistik daripada Agensi Keselamatan Siber Negara ataupun NACSA Tuan Yang di-Pertua, iaitu agensi di bawah Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri menunjukkan trend serangan siber seperti penafian perkhidmatan tersebar ataupun *distributed denial-of-service* (DDoS), pencerobohan jangkitan perisian hasad- *intrusion malware infection*, penghosan perisian hasad- *malware hosting* dan *advance persistent threats* yang meningkat dari tahun 2016 hingga tahun 2022.

Pada tahun 2022, sejumlah 7,192 insiden keselamatan siber dilaporkan kepada NACSA dan ini berbanding daripada jumlah 5,575 yang dilaporkan pada tahun 2021 dan 4,194 pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, terdapat perkembangan yang positif kerana insiden keselamatan siber pada tahun lalu, 2023 telah pun menurun dengan ketara kepada laporan sebanyak 3,232 kes. Penurunan ini mencerminkan keberkesanan langkah proaktif yang dilaksanakan untuk melindungi ruang siber kita.

■ 1510

Justeru itu, langkah proaktif yang dilaksanakan perlu diperluaskan secara terselaras bagi memastikan tempoh pengesanan dan tindak balas terhadap insiden-insiden keselamatan siber dapat disingkatkan melalui proses yang sistematik, penggunaan teknologi yang bersesuaian dan modal insan berkepakaran tinggi.

Serangan siber Tuan Yang di-Pertua, yang semakin berleluasa pada masa kini bukan sahaja mampu melumpuhkan perkhidmatan sesebuah organisasi dan menggugat ekonomi negara, malah ia turut mengancam keselamatan dan kedaulatan negara jika langkah pencegahan yang sewajarnya tidak dilaksanakan. Justeru adalah menjadi suatu keperluan Tuan Yang di-Pertua, untuk merangka Rang Undang-undang Keselamatan Siber Tahun 2024 secara formal melalui perundangan bagi memperkukuhkan keselamatan siber negara, kerajaan telah memutuskan supaya mekanisme-mekanisme dan sistem pengurusan

keselamatan siber negara perlu diberikan anjakan paradigma atau ditransformasikan supaya mampu menghadapi sebarang bentuk ancaman siber bukan sahaja pada masa kini tetapi juga masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan keselamatan siber negara yang proaktif, terselaras dan berkesan memerlukan sebuah institusi yang mempunyai mandat, keupayaan dan juga kuasa yang jelas. NACSA yang merupakan agensi peneraju dalam bidang keselamatan siber perlu diperkukuhkan untuk melaksanakan fungsinya, terutamanya dalam aspek kawal selia serta penguatkuasaan dasar dan juga strategi pengurusan keselamatan siber negara.

Penguatkuasaan kuasa serta fungsi yang jelas amat diperlukan oleh NACSA secara undang-undang dalam menjalankan peranannya secara lebih berkesan dan juga holistik bagi menangani masalah ancaman keselamatan siber negara. Penggubalan Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 memberi tumpuan kepada perlindungan keselamatan siber Infrastruktur Maklumat Kritikal. Ini kerana apa-apa pencerobohan atau serangan ke atas infrastruktur kritikal ini boleh memberi impak yang besar kepada negara dan rakyatnya, khususnya dalam aspek-aspek keselamatan ekonomi, kesihatan dan juga sosial.

Melalui Rang Undang-undang Keselamatan 2024 ini, aspek keselamatan siber bagi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara akan dapat dipertingkatkan melalui rangka kerja yang telah diwujudkan dalam rang undang-undang ini termasuk:

- (i) penetapan dasar-dasar dan strategi berkaitan keselamatan siber serta pemantauan perlaksanaannya oleh Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara dalam kata singkat JKSN, yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada pelbagai agensi awam dan juga swasta;
- (ii) pelaksanaan dan pematuhan kehendak yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini dan tata amalan yang berkaitan dengan keselamatan siber oleh ketua-ketua sektor dan pemilik ataupun pengendali komputer dan sistem komputer yang merupakan Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara;
- (iii) Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan tindakan berkaitan keselamatan siber dan penguatkuasaan peruntukan rang undang-undang ini oleh NACSA;
- (iv) perlesenan pemberi perkhidmatan keselamatan siber.

Penubuhan JKSN Tuan Yang di-Pertua, di bawah rang undang-undang ini adalah perlu walaupun ia telah pun ditubuhkan di bawah Arahan MKN 26. Pengurusan keselamatan negara kerana rang undang-undang ini merupakan rang undang-undang khusus bagi menangani isu-

isu keselamatan siber. Apabila rang undang-undang ini dikuatkuasakan kelak, Arahan MKN 26 akan disemak semula untuk tujuan penyelarasan.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, apa-apa ketetapan yang dibuat oleh JKSN di bawah Arahan MKN 26 berhubung dengan langkah-langkah standard dan proses berhubung dengan keselamatan siber Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara akan terus terpakai selagi mana ia tidak bertentangan dengan rang undang-undang ini.

Kerajaan juga telah menjalankan kajian dan mengenal pasti perundangan sedia ada yang relevan seperti Akta Majlis Keselamatan Negara Tahun 2016 [*Akta 776*], Akta Komunikasi dan Multimedia Tahun 1998 [*Akta 588*], Akta Jenayah Komputer Tahun 1997 [*Akta 563*], Akta Perlindungan Data Peribadi Tahun 2010 [*Akta 709*] dan Akta Bekalan Elektrik Tahun 1990 [*Akta 447*] untuk memastikan supaya tidak ada sebarang kelompangan, percanggahan atau pertindihan antara undang-undang sedia ada dengan rang undang-undang ini.

Bagi maksud menggubal rang undang-undang ini, NACSA telah mengadakan sebanyak 13 sesi perbincangan kumpulan fokus bersama 11 Ketua Sektor Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara, 11 sesi libat urus bersama agensi keselamatan siber negara luar negara seperti negara Australia, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Rusia dan Singapura serta 30 mesyuarat bersama semua kementerian, agensi, pejabat setiausaha, Setiausaha Kerajaan Negeri dan pemegang taruh yang berkaitan.

Rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, akan mengikat Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri. Ini dapat kita lihat apabila entiti kerajaan yang ditakrifkan di bawah rang undang-undang ini termasuklah kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri yang boleh dilantik sebagai Ketua Sektor Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara atau ditetapkan sebagai entiti Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara dan mempunyai kewajipan-kewajipan tertentu yang dihuraikan di bawah rang undang-undang ini.

Di antara kewajipan tersebut Tuan Yang di-Pertua, termasuklah untuk memberi maklumat mengenai Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara yang dimiliki dan dikendalikannya. Kewajipan untuk melaksanakan tata amalan atau *code of practice*, dengan izin, kewajipan untuk melaksanakan penilaian risiko keselamatan siber dan audit, kewajipan melaporkan insiden keselamatan siber dan juga latihan keselamatan siber atau *cyber security exercises*.

Kegagalan mematuhi kewajipan yang dinyatakan di atas merupakan kesalahan di bawah rang undang-undang ini. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, tiada tindakan pendakwaan boleh dibawa terhadap Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri bagi apa-apa kegagalan untuk mematuhi peruntukan rang undang-undang ini.

Daripada segi pentadbiran kerajaan, pematuhan mana-mana peruntukan undang-undang bertulis akan sentiasa dipantau dan dititikberatkan. Kerajaan akan mengambil segala langkah yang perlu untuk memastikan bahawa peruntukan rang undang-undang ini dipatuhi

sepenuhnya oleh agensi-agensi di bawah Kerajaan Persekutuan dan juga agensi-agensi di bawah kerajaan negeri.

Oleh itu, walaupun rang undang-undang ini memperuntukkan pengecualian kepada Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri daripada didakwa bagi mana-mana kesalahan di bawah rang undang-undang ini, ini tidak bermakna Tuan Yang di-Pertua, kelonggaran diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam hal melaksanakan peruntukan rang undang-undang ini. Peruntukan yang serupa juga terdapat dalam undang-undang berkaitan dengan keselamatan siber di Australia iaitu *Security of Critical Infrastructure Act 2018* dan Singapura iaitu *Cybersecurity Act* Tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 mengandungi sejumlah 64 fasal dan satu Jadual seperti yang diperincikan dalam salinan Rang Undang-undang ataupun dengan izin, *blue bill* yang telah pun diedarkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Peruntukan Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 meliputi elemen-elemen utama seperti berikut;

Pertama, bahagian I, fasal 1 sehingga 4 memperkatakan tentang perkara-perkara permulaan.

Kedua, fasal 5 sehingga 9 Tuan Yang di-Pertua, yang membuat peruntukan mengenai penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara, fungsi-fungsi Jawatankuasa tersebut, mesyuarat dan sebagainya. Bahagian ini juga menyatakan bahawa Ketua Eksekutif NACSA hendaklah menjadi setiausaha kepada jawatankuasa tersebut.

Kemudian ketiga, bahagian III, fasal 10 sehingga 14 Tuan Yang di-Pertua, membawa peruntukan berkaitan dengan kewajipan dan kuasa Ketua Eksekutif NACSA termasuk hal peruntukan bagi penubuhan dan penyenggaraan sistem pusat penyelarasan dan kawalan siber negara serta kuasa untuk melantik mana-mana pakar yang berkelayakan dalam aspek keselamatan siber.

Bahagian IV Tuan Yang di-Pertua, merangkumi fasal 15 sehingga 24 yang membuat peruntukan antara lain tentang pelantikan dan juga fungsi Ketua-ketua Sektor Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara dan penetapan serta pembatalan dan kewajipan entiti infrastruktur maklumat kritikal negara.

■1520

Ketua Eksekutif NACSA Tuan Yang di-Pertua juga akan diberikan kuasa untuk menjalankan latihan-latihan berkaitan dengan keselamatan siber.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V yang berkaitan dengan fasal 25 dan 26 yang memperuntukkan tentang penyediaan dan juga pengendorsan tata-amalan serta penjelasan berhubung dengan tata-amalan-tata-amalan tersebut.

Kemudian Bahagian VI, yang merangkumi fasal 27 sehingga 34 yang memperuntukkan berhubung aspek pelesenan Tuan Yang di-Pertua, kelayakan, kelulusan,

pembaharuan, syarat, kewajipan serta pembatalan dan juga pergantungan lesen pemberi perkhidmatan keselamatan siber. Ia juga membuat peruntukan larangan pemindahmilikan atau penyerahhakan lesen melainkan jika diberi kuasa oleh Ketua Eksekutif.

Bahagian VII pula Tuan Yang di-Pertua, merangkumi fasal 35 yang membawa memperuntukkan berhubung dengan penyiasatan insiden keselamatan siber dan juga kuasa Ketua Eksekutif untuk mengeluarkan arahan tentang langkah-langkah yang perlu diambil untuk bertindak balas terhadap atau baik pulih serta mencegah daripada insiden-insiden keselamatan siber.

Kemudian Bahagian VIII, fasal 36 sehingga 52 memperuntukkan berkenaan dengan aspek penguatkuasaan termasuk Tuan Yang di-Pertua, pemberian kuasa oleh Menteri kepada mana-mana pegawai awam untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan serta kuasa penyiasatan kepada pegawai yang diberi kuasa.

Kemudian yang terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IX yang merangkumi fasal 53 sehingga 64 berkenaan perkara-perkara am.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya maklumkan bahawa terdapat pindaan jawatankuasa kepada Rang Undang-undang di Dewan Rakyat pada 27 Mac 2024 dan ini berkaitan dengan sub perenggan 58(b)(i) Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024. Sub perenggan 58(b)(i) telah dipinda dengan menggantikan perkataan “dan” di hujung sub perenggan itu dengan perkataan “atau”.

Fasal 58 rang undang-undang dipinda dalam subseksyen 58(b)(i) untuk menjelaskan lagi peruntukan yang berhubung dengan fakta bahawa- yang perlu dibuktikan oleh seorang pengarah, pegawai pematuhan, pekongsi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain seumpamanya bagi sebuah syarikat perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain dalam hal keadaan apabila syarikat perkongsian liabiliti terhad, firma pertubuhan atau kumpulan orang yang lain didapati bersalah di atas satu kesalahan di bawah rang undang-undang ini. Oleh yang demikian, pindaan yang dibuat seperti yang telah pun didapatkan dalam pindaan jawatankuasa perlu dibaca bersama-sama dengan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 ini dapat membantu kerajaan untuk memastikan kebolehlaksanaan dan kecekapan fungsi infrastruktur maklumat kritikal negara dalam menangani insiden keselamatan siber. Hal ini dapat memastikan tahap keselamatan negara tidak dikomprom selain menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara yang lebih kukuh dan mampan terutamanya dengan menyediakan persekitaran yang kondusif, yang boleh memupuk keyakinan dan juga menarik pelabur asing untuk melabur dalam ekonomi digital negara.

Oleh itu, mekanisme kawalan yang diperuntukkan dalam undang-undang ini perlu dilaksanakan dengan seberapa segera kerana ancaman siber Tuan Yang di-Pertua, boleh

berlaku pada bila-bila masa dan tanpa dijangka. Kerajaan berharap agar rang undang-undang ini akan mendapat sokongan *bipartisan* daripada semua Ahli Dewan ini tanpa mengira parti dan dengan meletakkan keselamatan negara sebagai pertimbangan yang utama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Digital [Datuk Ugak anak Kumbong]: Datuk Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meningkatkan keselamatan siber negara dengan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara, kewajipan dan kuasa Ketua Eksekutif Agensi Keselamatan Siber Negara, fungsi dan kewajipan Ketua Sektor Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara dan entiti infrastruktur maklumat kritikal negara dan pengurusan ancaman keselamatan siber dan insiden keselamatan siber terhadap infrastruktur maklumat kritikal negara untuk mengawal selia pemberi perkhidmatan keselamatan siber melalui pelesenan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 14 orang yang hendak berbahas, maka saya berikan lima minit seorang. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

3.26 ptg.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024.

Rang Undang-undang Keselamatan Siber yang dibentangkan pada hari ini adalah bagi menyelaraskan dan memperkukuhkan pengurusan keselamatan siber di Malaysia. Ia antara lain akan memberi punca kuasa perundangan yang jelas kepada agensi keselamatan siber negara untuk mengurus, menyelia dan menyelaraskan keselamatan dan menangani ancaman serangan serta jenayah siber di Malaysia. Dewan ini memuji usaha kerajaan dalam membina rangkaian digital yang dipercayai selamat dan lebih teratur. Di mana semua pihak diberi beban tanggungjawab yang jelas dan khusus di bawah RUU ini adalah bertepatan dengan situasi perkembangan teknologi pada masa kini.

Sekiranya kita melihat kepada statistik, Malaysia mencatat lebih 20,000 kes jenayah siber yang menyebabkan kerugian sebanyak RM560 juta pada negara. Antara kes yang direkodkan antara lain melibatkan buli siber, pemalsuan pencerobohan, memancing data dan

penipuan e-mel yang dilihat semakin meningkat saban tahun. Walau bagaimanapun, kita juga tidak dapat nafikan bahawa kebaikan kepada ekonomi negara kerana ada kajian yang menyebut bahawa menjelang 2025, ekonomi digital dijangka menyumbang kira-kira 22.6 peratus kepada keluaran KDNK negara.

Datuk Yang di-Pertua, saya ingin terus kepada Rang Undang-undang ini antaranya mengenai fasal 32 iaitu mengenai pemegang lesen diwajibkan menyimpan dan menyenggara rekod berkaitan perkhidmatan keselamatan siber yang diberikannya. Perkara (a) subseksyen (2) fasal ini juga menuntut agar rekod tersebut disimpan dan disenggarakan mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Eksekutif. Seiring dengan perkembangan teknologi semasa, soalan saya, sejauh mana cadangan agar *National Cyber Security Baseline* turut merangkumi juga penyimpanan rekod mengguna teknologi *block change*. Ciri *block change* dengan izin, ini akan meninggalkan jejak audit yang mampu membantu analisis forensik dan pengenalpastian insiden keselamatan siber.

Seterusnya mengenai fasal 12 yang bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Eksekutif untuk melantik mana-mana pakar yang berkelayakan dan keselamatan siber sebagai pakar keselamatan siber. Walaupun diakui masih banyak yang perlu kita belajar daripada segi kepakaran teknologi, saya ingin menekankan bahawa penggubalan undang-undang ini mestilah menyasarkan kedaulatan digital negara kita.

Oleh yang demikian, kuasa melantik pakar keselamatan siber seharusnya turut memperincikan kriteria yang lebih ketat dan tidak boleh dibuat secara sembarangan. Mohon kementerian nyatakan selain kelayakan daripada segi kepakaran pakar yang ingin dilantik, adakah akan dilantik pakar luar negara atau kementerian akan fokus kepada pakar di dalam negara sahaja. Pada pandangan saya, kita harus fokus kepada pakar tempatan kerana saya yakin universiti-universiti tempatan berjaya melahirkan pakar bertaraf antarabangsa.

Datuk Yang di-Pertua, mengenai isu kedaulatan dan keselamatan negara, saya ingin merujuk kepada satu pepatah yang masyhur iaitu harapkan pegar, pegar makan padi.

■1530

Ini kerana serangan-serangan siber yang dilancarkan tidak semestinya daripada pihak luar negara, malah boleh berasal dari negara kita sendiri. Serangan-serangan siber boleh dilaksanakan oleh kumpulan penggodam ataupun *hacktivist* yang sehingga hari ini belum dapat dijejak dan sukar dijejaki. Lebih memburukkan keadaan, ada laporan yang mengatakan bahawa penggodam ini adalah terdiri daripada bekas-bekas kakitangan dan pakar-pakar yang pernah bekerja dalam institusi digital dalam negara. Ini kerana bekas-bekas kakitangan ini lebih mengetahui selok-belok dan mampu mengenal pasti kelompangan atau *loophole*, dengan izin, dalam sistem kita sendiri.

Soalan saya. Apakah tindakan kementerian mengenai isu ini? Adakah kementerian akan menjalankan tapisan keselamatan yang lebih ketat kepada kakitangan yang mengurus sistem teknologi digital di negara kita?

Datuk Yang di-Pertua, dalam kita membahaskan RUU ini, saya ingin menarik perhatian Dewan mengenai usaha-usaha yang pernah dilakukan oleh jasa dan sumbangan mantan Perdana Menteri kita yang dahulu iaitu Yang Berhormat Ahli Parlimen Bera, Dato' Sri Ismail Sabri. Beliau pernah membawa isu mengenai ancaman keganasan ekstrem jenayah siber semasa Mesyuarat ASEAN-Rusia yang dihadiri oleh Presiden Putin pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-38 dan ke-39 yang lalu.

Satu minit boleh, Tuan?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Matlamat mesyuarat tersebut adalah untuk mengukuhkan keupayaan keselamatan siber untuk mengurangkan ancaman siber di rantau ini. Melalui mesyuarat tersebut juga, Malaysia komited untuk menyumbang usaha dalam aspek ini melalui *Southeast Asia Regional Centre for Counter Terrorism*. Pada ketika itu juga, *CyberSecurity Malaysia* juga merancang untuk menganjurkan inisiatif pembangunan profesional keselamatan digital dan pembelajaran sepanjang hayat ASEAN.

Soalan saya. Apakah hasil mesyuarat tersebut telah mengorak langkah dalam penghasilan RUU ini? Apakah perkembangan inisiatif-inisiatif yang dicadangkan dalam mesyuarat tersebut telah diimplementasi dalam kerangka sistem digital negara?

Datuk Yang di-Pertua, baru-baru ini juga kita baru sahaja meluluskan RUU Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing yang secara zahirnya meliputi serangan atau ancaman yang berbentuk perundangan, tetapi bagaimana pula dengan serangan siber? Serangan siber atau serangan yang tidak boleh dilihat merupakan musuh yang paling bahaya pada zaman ini. Maka dengan itu, Kerajaan Madani harus membina ekonomi digital yang lebih selamat, yang lebih lestari dan yang boleh memanfaatkan semua rakyat Malaysia.

Saya dengan ini menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Susan Chemerai Anding.

3.33 ptg.

Puan Susan Chemerai Anding: Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahaskan RUU ini.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian dan kerajaan kerana menggubal RUU yang sangat diperlukan oleh negara untuk menangani peningkatan

ancaman siber dan melindungi privasi dan keselamatan pengguna dalam dunia digital masa kini.

Syarikat keselamatan siber dipetik sebagai berkata bahawa Malaysia disenaraikan sebagai negara kelapan paling banyak kebocoran data pada 2023 dengan hampir setengah juga akaun pengguna Malaysia dibocorkan. Sistem pertahanan kita pula dilaporkan menerima kira-kira 3,000 serangan siber serta percubaan untuk menggodam setiap hari kebelakangan ini. Ini untuk tujuan termasuk untuk mengintip. Jadi, maksudnya, keselamatan negara kita juga terancam.

Maka dengan adanya undang-undang ini nanti, keselamatan siber kita lebih terjaga. Sebab, antara lain, peruntukan di dalam RUU ini mewajibkan entiti yang tertentu melaporkan insiden keselamatan siber. Dalam RUU ini juga ada diperkenalkan sebuah entiti yang dinamakan entiti infrastruktur maklumat kritikal negara. Dalam bahasa Inggeris, disebut sebagai *national critical information infrastructure entity*, singkatannya NCII.

RUU ini memerlukan entiti-entiti dalam sektor infrastruktur maklumat kritikal NCII ini untuk mematuhi kepada standard-standard dan langkah-langkah khusus dan juga proses-proses tertentu semasa mengendalikan insiden keselamatan siber. Maka, sudah tentu banyak persoalan akan timbul nanti semasa pelaksanaan akta ini.

Saya berharap kerajaan akan memberi garis panduan yang jelas dan konsisten untuk maksud standard dan amalan dan prosedur-prosedur untuk tindak balas insiden ini. Sebab, jika standard dan amalan dan prosedur-prosedur tidak jelas dan konsisten, ini akan menyebabkan kekeliruan dan sudah pasti akan melemahkan keselamatan siber kita.

Peruntukan juga wujud dalam RUU ini yang mewajibkan entiti NCII ini untuk memberitahu pihak berkuasa jika ada insiden keselamatan siber yang berlaku seperti yang dinyatakan tadi. Namun, jika entiti-entiti NCII gagal melaporkan insiden keselamatan siber tersebut, maka entiti tersebut berkemungkinan berdepan dengan bayaran denda yang agak besar.

Peruntukan seperti ini juga perlu dilaksanakan dengan berhati-hati. Yang kita patut cuba hindari adalah perkara yang berpotensi membantutkan perkembangan landskap digital dan merencatkan inovasi digital negara jika tidak dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Maka, sudah pasti juga entiti-entiti NCII ini bakal bergelut dengan pelbagai keperluan di bawah akta ini nanti dan mereka hendaklah memastikan yang mereka sentiasa terkini, *up to date*, dengan izin, dalam mematuhi semua kod amalan di bawah RUU ini nanti.

RUU ini juga mempunyai keperluan untuk sesetengah entiti mendapatkan lesen untuk memberikan perkhidmatan keselamatan siber tertentu. Saya berharap kerajaan akan memberi garis panduan yang jelas supaya pemain industri tidak terkesan disebabkan peraturan yang kurang jelas atau peraturan yang sukar dipatuhi.

Saya juga berharap dalam pelaksanaan akta ini nanti, kerajaan akan sentiasa peka kepada perkembangan teknologi seperti kecerdasan buatan- *artificial intelligence*, dengan izin, dan juga ancaman memuncul- *emerging threa* dengan izin, dan tidak hanya menekankan *prescription* atau ketinggalan zaman dalam pelaksanaan.

Sebagai contoh, sistem PADU juga dikatakan dibina dengan kaedah lapuk. Jika ini benar, bermakna data peribadi rakyat Malaysia di dalam PADU terdedah dan berisiko. Sesuatu yang sangat bahaya. Dengan itu, saya ingin bertanya, sama ada benar atau tidak sistem PADU adalah lapuk seperti dilaporkan?

Dengan itu, sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya jemput Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

3.38 ptg.

Dato' Sivaraj a/l Chandarn: Selamat sejahtera dan salam madani. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang untuk membahaskan tentang RUU Keselamatan Siber 2024 dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Dewan Rakyat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk menyuarakan kebimbangan yang mendalam berkenaan dengan ancaman keselamatan siber yang semakin meruncing di negara kita. Baru-baru ini, kenyataan Cisco pada 29 Mac yang lalu mengatakan hanya dua peratus syarikat sahaja di Malaysia yang sedia menghadapi serangan siber. Itu mengejutkan.

Fenomena serangan siber yang semakin kerap dan canggih telah menyebabkan rakyat berasa kurang yakin untuk berkongsi data peribadi mereka terutamanya dalam program-program seperti PADU yang diumumkan oleh kerajaan. Ini bukanlah hanya isu kekurangan kepercayaan terhadap kerajaan tetapi lebih kepada kekurangan kepercayaan kepada sistem keselamatan siber itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah pertama, kita harus menegakkan keselamatan negara. Ini melibatkan perlindungan yang teliti terhadap infrastruktur maklumat penting negara seperti sektor tenaga, kewangan dan kesihatan daripada serangan siber. Tanpa keselamatan yang kukuh dalam dunia siber, kita berisiko terdedah dengan ancaman besar.

Kedua, pendekatan yang berdasarkan risiko perlu diambil kira. Ini bermakna bahawa tindakan keselamatan siber yang diambil haruslah seimbang dengan risiko yang dihadapi. Sebagai contoh, sektor-sektor yang dianggap lebih sensitif seperti kewangan dan kesihatan mungkin memerlukan perlindungan tambahan berbanding dengan sektor-sektor yang kurang kritikal.

■1540

Ketiga, ketelusan dan akauntabiliti adalah penting. Sebarang polisi atau peraturan yang dibuat perlu melibatkan proses yang telus melibatkan semua pemegang taruh yang berkepentingan. Ini termasuklah menyediakan garis panduan yang jelas tentang pelaporan insiden keselamatan siber dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.

Datuk Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk melontarkan buah fikiran untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian berkenaan dalam beberapa perkara. Pertamanya, saya ingin bertanya berkenaan dengan tafsiran infrastruktur maklumat kritikal negara. Apakah ia hanya melingkungi kerajaan dan agensi-agensinya? Saya lihat dari Jadual seksyen 4, muka surat 50. Memang ada tersenarai di sini sektor infrastruktur maklumat kritikal negara ada 11 sektor kerajaan termasuk pembangkang, perbankan [*Ketawa*] pembangkang pula. Saya berpuasa.

Kewangan, maaf. Kewangan, pengangkutan, pertahanan, keselamatan negara, maklumat komunikasi dan digital serta perkhidmatan jagaan kesihatan air, pembedahan, pengurusan sisa, tenaga pertanian dan perladangan dan lain-lain dan juga saiz teknologi dan inovasi. Maksudnya, ada huraian amat jelas namun boleh lagi ditekankan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu peranan Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan dan Komunikasi perlu dipertimbangkan untuk menjalankan semak dan imbang dalam melaksanakan undang-undang keselamatan siber. Ini akan memastikan pelbagai sudut pandangan dipertimbangkan sebelum membuat keputusan yang penting dalam bidang keselamatan siber.

Kementerian Digital juga perlu terlibat dalam memperkukuhkan ekosistem keselamatan siber dengan melibatkan agensi sedia ada, pemegang taruh dalam kerajaan, sektor swasta, pakar-pakar dalam industri. Ini termasuklah kerjasama dengan pusat kecemerlangan keselamatan siber dan pengembang kemahiran sumber manusia dalam bidang keselamatan siber.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah kedudukan peranan Siber Sekuriti Malaysia ingin *this context*, dengan izin? Dalam konteks RUU ini di mana kedudukan Siber Sekuriti Malaysia? Bolehkah *CyberSecurity Malaysia* dilantik sebagai agensi teknologi utama dalam membantu NACSA? Kerana seingat saya pada suatu ketika dahulu mungkin sebelum rang undang-undang ini kita ada NACSA melakukan dasar dan peringkat operasinya itu. Kalau tak semua itu sebahagian besar daripadanya dilakukan oleh Siber Sekuriti Malaysia.

Pelantikan Pakar Keselamatan Siber juga harus dilakukan dengan teliti untuk mengelakkan konflik kepentingan dan kelemahan dalam pelaksanaan undang-undang keselamatan siber. Siber Sekuriti Malaysia juga perlu dilibatkan sebagai agensi utama dalam membantu NACSA dalam usaha menguatkan keselamatan siber negara. Keselamatan siber bukanlah isu yang boleh diabaikan.

Dengan jumlah kes jenayah siber yang semakin meningkat setiap tahun, adalah penting untuk kita mengambil langkah-langkah proaktif untuk melindungi negara, rakyat daripada ancaman siber yang semakin kompleks. Melalui Undang-undang Keselamatan Siber yang kukuh dan pendekatan yang holistik, kita dapat memastikan bahawa Malaysia terus maju ke arah transformasi digital yang selamat dan berdaya tahan.

Dengan ini Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato'. Sekarang saya jemput YB Senator Tuan Michael Mujah Lihan.

3.43 ptg.

Tuan Michael Mujah Lihan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024.

Tuan Yang di-Pertua, kita- semua pengguna secara langsung terdedah dengan ancaman siber ini yang mana jenis-jenis ancaman ialah penipuan dalam talian melibatkan penjenayah siber pengguna *email*, laman web dan sebagainya. Seterusnya ialah penipuan e-Dagang melibatkan transaksi yang berkaitan dengan industri penerbangan, peruncitan, elektronik, perbankan. Begitu juga dengan virus *Trojan Host* dan juga perisian tebusan ataupun *ransomware* yang boleh diubah atau menyekat data dalam komputer dan peralatan komunikasi kita.

Tuan Yang di-Pertua, jenayah siber sangat merugikan mangsa yang terdiri daripada individu, perniagaan, kerajaan dan negara. Bukan sahaja daripada segi kerugian kewangan yang banyak malah ia juga melibatkan kehilangan serta manipulasi data peribadi dan data-data yang kritikal. Jadi, sudah sampailah masanya kerajaan mengambil tindakan bermula dengan membawa rang undang-undang ini ke Dewan pada hari ini. Namun, terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Bahagian 2 Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara, Fasal 5 menyatakan jawatankuasa yang ditubuhkan ini akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan anggota oleh Menteri Kewangan, Luar Negeri, Pertahanan, Dalam Negeri, Komunikasi Digital, Ketua Setiausaha, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis, Ketua Pengarah Keselamatan Negara, dan tidak lebih dua orang lain yang hendak dilantik oleh jawatankuasa dalam kalangan orang yang mempunyai kedudukan dan pengalaman dalam keselamatan siber.

Memandangkan terdapat dua kekosongan dalam jawatankuasa ini, saya mohon bertanya sama ada perlu dilantik wakil dari Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang merupakan pakar dalam bidang siber.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 2 ada dinyatakan tiada apa-apa pun dalam akta ini boleh menyebabkan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri didakwa bagi mana-mana kesalahan di bawah akta ini. Kegagalan mematuhi kewajipan yang dinyatakan di atas merupakan kesalahan di bawah rang undang-undang ini. Namun begitu, tidak ada tindakan pendakwaan yang boleh diambil ke atas Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi apa-apa kegagalan untuk mematuhi peruntukan dalam undang-undang ini.

Ini kerana berlakunya insiden kebocoran, digodam dan sebagainya ia akan mengurangkan keyakinan orang ramai terhadap keselamatan maklumat peribadi yang disimpan di pangkalan data terutamanya yang melibatkan infrastruktur dan sistem IT. Adakah mekanisme yang sedia ada sudah cukup untuk menangani masalah kebocoran data daripada orang dalaman akibat kecuaiannya kerana kita tahu data merupakan satu komoditi yang amat berharga dan mempunyai nilai jualan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon pencerahan tentang apakah mekanisme penguatkuasaan undang-undang ini terutamanya fasal 36 dan 40. Di mana Menteri boleh secara bertulis memberikan kuasa mana-mana pegawai awam untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan dan juga khususnya yang berkaitan dengan penggeledahan dan penyertaan waran. Terdapat kebimbangan kepada penyalahgunaan. Justeru, perkara ini perlu ada jaminan daripada pihak Yang Berhormat Menteri untuk tidak berlakunya salah guna terutamanya jika melibatkan isu-isu berkaitan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru agar kerajaan turut menjalankan kempen kesedaran tentang keselamatan siber secara meluas. Ia bagi mendidik masyarakat dengan menggunakan peranti dan melayari sistem atas talian dengan selamat terutamanya bagi masyarakat luar bandar khususnya dengan program komuniti yang disertakan dengan literasi digital. Satu minit boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Michael Mujah Lihan: Kita- semua tahu bahawa modus operandi dan teknik-teknik yang digunakan penjenayah siber ini berevolusi dengan pantas dan licik serta sering mendahului selangkah daripada pihak penguat kuasa. Oleh itu, demi memastikan kita tidak sentiasa ketinggalan, Jawatankuasa ini perlu memastikan segala penyatuan ilmu dan latihan yang diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat adalah yang terkini dan juga ilmu-ilmu kesedaran untuk mendidik masyarakat juga adalah yang terkini dan disebar dengan meluas dengan cepat supaya ramai yang tidak menjadi mangsa.

Akhir sekali, besarlah harapan rakyat agar dengan Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 ini dapat menyelesaikan dan membendung isu jenayah siber seperti penipuan dalam talian jenayah atas talian sebelum ia menjadi barah yang merencatkan ekonomi negara. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB. Sekarang saya jemput Senator Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan.

3.50 ptg.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua atas kesempatan yang diberikan untuk ikut serta dalam perbahasan tentang Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024.

Pada dasarnya, seperti yang juga telah diungkapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam konteks kemajuan negara dan juga dunia, memang perkembangan dalam alam atau bidang siber ini suatu yang sangat positif dan tak mungkin terelakkan bahkan sangat perlu didukung bagi pengembangan dalam soal-soal kehidupan keseluruhan, soal ekonomi, kebudayaan, pendidikan, sosiobudaya dan sebagainya.

Namun di balik itu, memang terdapat masalah yang timbul daripada perkembangan dalam bidang siber itu iaitu masalah yang dikaitkan dengan soal serangan melalui alam siber. Kalau tadi yang terhormat Datin Ros menggunakan peribahasa, “Harapkan pagar, pagar makan padi”, serangan melalui alam siber ini jauh lebih berbahaya kerana ini dapat dianggap sebagai kata peribahasa “Bagaikan api dalam sekam”. Mungkin tak dapat kita lihat tetapi kesannya sangat mendalam berbanding dengan serangan dalam bentuk fizikal kerana ini berkaitan soal serangan pemikiran, soal ideologi, soal serangan sikap, falsafah dan akhirnya soal berkaitan dengan agama dan sebagainya.

Dalam konteks ini, saya ingin memberikan perhatian kepada beberapa perkara yang mungkin dapat ditambah baik ataupun dapat kita fikirkan bersama. Yang ingin saya sentuh pertamanya soal pemakaian luar wilayah walaupun ini sesuatu yang sangat unggul, sangat ideal. Baru semalam juga kita berpanjang lebar berbincang tentang soal bagaimana mekanismenya, kaedahnya untuk memastikan bahawa akta ini nanti dapat dimanfaatkan atau dapat diterapkan dalam konteks luar wilayah kerana sangat banyak kekangan yang perlu kita beri perhatian dalam konteks negara-negara yang berlainan sistem dan juga barangkali juga pendirian dan sikap. Maka, saya rasa perkara ini perlu dirincikan, khususnya dalam kaedah dan mekanisme.

Yang kedua, berkaitan dengan Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara, saya kira kita tidak ada masalah tentang struktur yang melibatkan anggota-anggota jawatankuasa, daripada Perdana Menteri sebagai Pengerusi dan Menteri-menteri yang berkaitan dengan tanggungjawab-tanggungjawab tertentu yang relevan dengan fungsi itu. Namun, tentang (l) itu barangkali pada khidmat saya barangkali lebih tepat kalau kita guna istilah yang profesional kerana soal kedudukan barangkali seorang ketua agensi atau pengarah atau ketua pengarah sebagainya mungkin dalam konteks birokrasi tapi belum tentu profesional dan ada pengetahuan dan ilmu yang mendalam tentang soal-soal berkaitan soal sivil ini.

Maka, pada hemat saya lebih baik kita katakan tidak lebih dua orang yang profesional dalam bidang berkaitan dengan alam siber ini. Saya ingin bertanya soal operasionalnya tentang soal mesyuarat jawatankuasa. Agak kabur pada saya, boleh dikatakan perlu mengadakan “*mesyuarat seberapa kerap*” sebab “*kerap*” ini agak kabur. Barangkali lebih baik dikatakan mungkin sekurang-kurangnya kalau Mesyuarat Jawatankuasa Jemaah Menteri mingguan, adakan sekurang-kurangnya setiap minggu, dua minggu sekali atau bagaimana? Ataupun kekerapan itu didasarkan kepada keperluan yang mendesak pada sesuatu ketika.

Datuk Yang di-Pertua, seterusnya ingin saya sentuh ialah soal yang berkaitan dengan yang tadi disentuh oleh Yang Berhormat Senator sebelum ini iaitu publisiti itu perlu. Ertinya, penyebaran maklumat tentang akta atau undang-undang ini dan juga keperluan untuk masyarakat mempunyai kesedaran yang tinggi tentang kaedah-kaedah bagi mengelakkan serangan siber ini.

Maka itu, institusi pendidikan terutamanya institusi pendidikan di peringkat persekolahan dan IPT juga harus dilibatkan dengan mendalam dalam soal promosi dan publisiti bagi membendung serangan siber ini. Yang akhirnya, saya menutup bahawa kita banyak selama ini undang-undang yang digubal tapi kadangkala berlaku kekangan tertentu dalam pelaksanaan. Jadi saya harap undang-undang ini tidak akan menjadi satu lagi undang-undang tetapi tidak terlaksana dengan baik apabila timbul masalah birokrasi dalam pelaksanaan.

Ya Datuk Yang di-Pertua, demikianlah ucapan perbahasan saya dan saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih dan *assalamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB. Sekarang saya jemput YB Senator Seruandi Saad.

3.55 ptg.

Tuan Seruandi bin Saad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas pada hari ini berkaitan Rang Undang-undang Keselamatan Siber.

Sama ada kita sedari atau tidak, keselamatan siber menjadi satu keutamaan kita sekarang. Kerana kita telah melihat bagaimana musuh-musuh siber ini telah mengancam negara. Dulu kita telah menjadikan dadah musuh utama negara, sekarang saya melihat keselamatan siber juga adalah satu musuh utama dan seterusnya iaitu apa ni? Kita merasakan, memerlukan suatu pemikiran dan kecanggihan, bagaimana kita nak menangani isu ini.

Saya mengambil maklum akan keperluan penggubalan rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk menangani pencerobohan atau serangan ke atas infrastruktur siber

negara. Seterusnya pencerobohan kritikal ini boleh membawa dan memberikan impak yang cukup besar kepada negara dan rakyat Malaysia dan dalam pada masa yang sama turut mengancam keselamatan ekonomi, kesihatan dan juga pembangunan sosial. Tahniah atas inisiatif kementerian bagi menguatkuasakan undang-undang ini. Namun yang demikian, terdapat beberapa persoalan berbangkit melibatkan RUU ini yang saya ingin dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Pertama sekali berkaitan penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara. Saya difahamkan jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada tahun 2000 di bawah Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) 26 Pengurusan Keselamatan Negara. Justeru, apakah tindakan yang telah diambil atau sedang dikenal pasti dalam memastikan tidak akan berlaku pertindihan arahan dan kuasa serta bagaimanakah pepadanan kuasa bagi memastikan jawatankuasa ini akan bertindak sewajarnya? Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan isu ini.

Berdasarkan laporan daripada *CyberSecurity Malaysia* untuk separuh pertama tahun 2023, sektor kerajaan paling banyak mengalami kebocoran data. Diikuti dengan sektor telekomunikasi, bahkan pada hari ini juga kita sentiasa menggalakkan pengisian data peribadi seperti PADU dan sebagainya. Justeru, bagaimana kerjasama antara agensi yang turut melibatkan sektor komunikasi juga dalam memastikan agenda memelihara dan memberi perlindungan terhadap data ini agar lebih berkesan pada masa hadapan. Sejauh manakah kita mempunyai kepakaran bagi membendung pencerobohan ini terutamanya dalam sistem kerajaan? Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri dalam isu ini.

Bahkan fasal 12 bertujuan memberi kuasa eksekutif, kuasa untuk melantik mana-mana pakar yang berkelayakan dalam keselamatan siber sebagai pakar keselamatan siber ini. Adakah kita *outsource*, dengan izin, kepakaran luar atau pakar anak tempatan kita sudah bersedia dan telah menerima latihan yang sewajarnya. Malahan, apakah perancangan yang jangka masa panjang dalam melahirkan pakar-pakar teknologi ini agar kita tidak lagi bergantung pada tenaga luar yang wujud kebimbangan akan kedaulatan negara? Mohon penjelasan YB Menteri.

Kerana kita- saya mempunyai sedikit masa, saya juga ingin menceritakan sedikit mangsa *scammer*. Pada Jumaat yang lepas beliau telah menelefon 997, *National Scam Response Centre* (NSRC) pada petang tersebut. Malangnya, apabila beliau membuat panggilan tidak ada jawapan. Mesin yang menjawab dan seterusnya mesin itu memaklumkan akan dibuka semula pada hari Ahad. Bayangkan Jumaat, Sabtu dan Ahad, berapa ribu dah pemanggil tersebut telah memanggil mereka yang *WhatsApp* yang dia dah *scam*.

■1600

Saya mendapat maklum ada yang dah terkena. *Scammer* itu menggunakan YB Senator 'Isaiah', dia tak ada di sini. Saya pun dah terkena. Jadi, saya merasakan benda ini

perluah dikuatkuasakan semula bagi ada 24 jam- sebab tiga hari bercuti itu dah merugikan lebih berpuluh-puluh bilion dah mangsa-mangsa *scammer* tersebut dan sehingga sekarang YB 'Isaiah' tak dapat menggunakan *WhatsApp* beliau... [Tepuk] Saya telah dilepaskan pada pukul jam 6 pagi. Maksudnya 12 jam, semua YB Senator menerima mesej *WhatsApp* daripada saya. Saya pun terkejut. Saya tak minta duit pun daripada YB-YB Senator... [Ketawa]

Saya amat mengharap, kebetulan Menteri berada di sini. *Do it something* YB Menteri dan kita amat mengharapkan. *Insyallah* kita akan meluluskan bajet ini dan kita amat melihat satu impak yang baik kepada YB Menteri yang menjaga kementerian ini... [Tepuk] Jadi saya dengan itu menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Baru kita nak dengar cerita lagi, YB dah berhenti berucap.

Tuan Seruandi bin Saad: [Ketawa] Okeylah. Cukup-cukuplah lima minit. Asalkan YB fahamlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah.

4.01 ptg.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Terima kasih atas ruang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat lain, saya turut merasakan pengubalan Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 ini dan penguatkuasaannya tidak perlu dilengahkan seperti mana yang dibicarakan oleh sahabat saya tadi, *handphone* dia kena godam minggu lepas. Seperti mana kita hidup dalam zaman era digital, kita tidak boleh nafikan bahawa penggunaan Internet, platform digital merupakan sebahagian daripada keperluan wajib dalam kehidupan kita. Selari dengan kebergantungan kita dengan kemudahan platform digital untuk memudahkan urusan seharian, kita tidak harus leka dan lupa bahawa terdapat banyak risiko dan ancaman yang berleluasa dalam keselamatan dan siber di luar sana.

Datuk Yang di-Pertua, seiring dengan inisiatif kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi yang berpacukan pendigitalan dan peneraju serantau dalam bidang ekonomi digital, penguatkuasaan rang undang-undang ini harus digubal dengan secara holistik, merangkumi segala sektor agar tidak ada kelompangan yang boleh dibolosi oleh mereka yang licik dan berniat jahat.

Saya juga menerima banyak aduan sepertimana isu *scammer* yang telah dimaklumkan oleh sahabat saya tadi, mengenai melesapkan wang simpanan pengadu. Duit yang disimpan dengan penat lelah kerja harian hilang sekelip mata sememangnya amat

memberi kesan yang mendalam, mendukacitakan kepada mangsa-mangsa terlibat. Isu ini rakyat semakin hilang keyakinan dengan sistem keselamatan siber negara kita akibat situasi-situasi yang pernah mereka lalu, ditambah lagi dengan lambakan berita mengenai isu penggodaman dan kebocoran data.

Perkara sebegini merupakan satu tamparan yang cukup hebat kepada institusi keselamatan negara yang dilihat tidak layak ataupun tidak mampu membentengi sistem keselamatan data rakyat. Kita hebat memperkatakan tentang sistem transformasi, anjakan pendigitalan negara kita. Isu yang sangat asas seperti keselamatan siber masih lagi tidak dapat diatasi dengan cekap dan efisien.

Datuk Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini dinyatakan bahawa setiap pemberi khidmat keselamatan siber perlu mendapat lesen sebelum dilantik sebagai pembekal. Saya amat berharap agar proses pemberian lesen ini dijalankan dengan prosedur yang amat ketat. Ini kerana ia melibatkan keselamatan data rakyat yang berjumlah lebih 30 juta orang rakyat. Amanah dan tanggungjawab ini, untuk memikul beban ini amat berat berbanding dengan nilai pulangan keuntungan yang diperoleh.

Penerimaan teknologi AI atau kecerdasan buatan semakin diterima pakai oleh kebanyakan negara dalam dunia masa kini. Saya ingin tahu, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengaplikasikan penggunaan AI dalam masa terdekat dalam agensi-agensi dan jabatan-jabatan yang terpilih? Pada hemat saya, penggunaan AI akan memerlukan data yang amat besar, berfungsi dengan lancar dan efisien. Bagaimanakah pihak kementerian melihat senario ini? Adakah mekanisme yang sesuai untuk diaplikasikan penggunaan ataupun penggunaan seperti ini? Tiap yang baik sepertinya ada yang *negativity*-nya khusus penggunaan AI.

Datuk Yang di-Pertua, dari sisi lain terdapat juga takrifan dalam rang undang-undang ini menyatakan bahawa pegawai yang diberi kuasa, membawa erti mana-mana Pegawai Polis dan apa jua pangkatnya atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa di bawah seksyen 36, saya ingin memberi pandangan bahawa adalah lebih wajar pegawai yang diberi kuasa ini adalah Pegawai Polis mempunyai pangkat Inspektor ke atas yang sebagai menghormati penyertaan kelayakan mereka daripada segi akademik dan intelek untuk menguruskan kes-kes jenayah siber yang melibatkan data-data yang kritikal.

Sejajar dengan penggunaan rang undang-undang ini, saya juga tertarik mencadangkan agar pihak kementerian turun padang ke sekolah-sekolah dan ke universiti bagi program penerangan, kesedaran mengenai jenayah siber yang mungkin memerangkap anak-anak muda kita yang sering teruja menggunakan aplikasi permainan siber. Saya percaya sebahagian besar daripada mereka tidak sedar akan bahaya yang menanti mereka di sebalik skrin permainan digital mereka. Nasihat ibu bapa tidak sama seperti yang dilibatkan dengan program dan aktiviti memberi input dan jawapan dan kemusykilan.

Saya harap rang undang-undang ini dapat diluluskan kerana ini melibatkan keselamatan. Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, dua-dua ada sini. Jadi, kepada Yang Berhormat Menteri, ini salah seorang daripada mangsa *scammer* kita. Saya terkejut dapat *WhatsApp* daripada beliau nak pinjam duit... *[Ketawa]* Saya bukan tak nak bagi, saya tahu dia duit banyak. Jadi, saya tak bagi.

Jadi, ini sebahagian daripada yang perlu kita ambil peduli kerana hari ini, ini perkara yang perlu ambil peduli. Ini yang kita tahu, yang mendapat maklumat yang tidak tahu yang tetap beri. Saya juga dimaklumkan oleh YB Sivaraj sebentar tadi, dia pernah mendapat satu *WhatsApp* yang sama tapi beliau cukup baik menderma RM15,000... *[Ketawa]*

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Bukan saya lah, RM2,000 lah...

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: RM2,000, kurang. Saya nak cek betul tak betul... *[Ketawa]* Jadi, ini sebahagian daripada kes-kes yang perlu diambil peduli. Saya yakin Yang Berhormat Sivaraj, kita ada dua barisan Menteri di sini yang mengambil serius tentang isu *scammer* ini. Jadi, saya segala hormatnya ingin menyokong rang undang-undang ini untuk diluluskan. Sekian saja perbahasan saya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Kita anti-*scammer*... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Nyaris-nyaris berita palsu tadi. Bukan RM15,000 ya. RM2,000 saja YB Sivaraj... *[Ketawa]*

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual.

4.07 ptg.

Puan Noorita binti Sual: Salam sayang, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Yang dihormati Datuk Speaker, Yang Berhormat Menteri dan barisan Ahli Yang Berhormat Senator sekalian.

Datuk Speaker, saya bersetuju dengan Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 ini dan saya menyokong langkah untuk mewujudkan akta ini sebagai langkah pantas Kerajaan Madani untuk menangani masalah siber yang kian membimbangkan. Namun begitu, saya cuma ada beberapa perkara yang saya kira perlu dijelaskan lanjut dan diperbaiki. Pada zaman teknologi digital yang serba canggih ini, saya percaya tidak ada satu orang pun di antara kita yang tidak pernah menerima mesej sama ada melalui *WhatsApp*, Telegram, media sosial, e-mel dan sebagainya.

Kita- semua terdedah kepada jenayah siber ini seperti mana yang telah dinyatakan oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran baru-baru ini, sebanyak 107,716 kes jenayah *scammer* telah direkodkan antara 2020 hingga 2023 dengan nilai kerugian keseluruhan RM3.2 bilion. Saya ingin tahu apakah pecahan kes-kes ini mengikut negeri-negeri?

Datuk Speaker, apa yang membimbangkan saya ialah mengenai satu laporan oleh *CyberSecurity Malaysia* yang menyatakan bahawa sektor kerajaan termasuk kementerian dan agensi-agensi kerajaan mengalami jumlah tertinggi *data breaches*, dengan izin, manakala sektor telekomunikasi membocorkan volum data tertinggi pada separuh tahun pertama bagi tahun 2023. Saya berpendapat kebocoran data-data inilah antara punca yang menyebabkan kita terdedah kepada jenayah-jenayah siber.

Jadi persoalan saya, apakah dasar dan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan ke atas perkara seperti *data breach* dan jenayah siber ini berlaku di dalam agensi-agensi kerajaan dan penjawat awam. Saya mohon pencerahan kerana saya tidak melihat sebarang fasal dalam rang undang-undang ini yang menyentuh tentang hal ini melainkan dikecualikan di bawah fasal 2 akta ini.

Saya sangat menyokong dasar ketulusan kerajaan melalui laman web data terbuka agensi-agensi kerajaan untuk memudahkan orang awam dan syarikat-syarikat untuk mendapatkan maklumat. Tidak sukar untuk sesiapa sahaja untuk mengakses dan mengetahui maklumat peribadi kita hanya dengan nombor IC sahaja. Saya mengambil contoh melalui *website mysprsemak.spr.gov.my* hanya dengan nombor IC, sesiapa sahaja boleh mendapat maklumat tentang alamat atau lokasi kita, jantina dan nama penuh kita.

■1610

Atas perkara ini, saya ingin tahu apakah pendirian Kerajaan Madani untuk mengimbangi kewujudan akta ini kelak dengan dasar ketulusan Kerajaan Madani hak kerahsiaan dan dasar perlindungan data peribadi di dalam menangani isu seperti penipuan atas talian.

Seterusnya Datuk Speaker, saya ingin membawa fasal 61 yang menyentuh tentang kuasa untuk mengecualikan. Di bawah fasal ini Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkannya perlu atau sesuai manfaat untuk dikenakan mengecualikan mana-mana orang atau mana-mana golongan orang daripada mana-mana atas semua peruntukan akta ini.

Saya berpendapat kuasa untuk mengecualikan ini haruslah dikongsi untuk mengelakkan sebarang salah guna kuasa atau bagi melindungi pihak-pihak yang berkepentingan atau tidak mustahil juga boleh mengundang isu rasuah. Untuk itu, saya ingin mencadangkan agar kuasa untuk mengecualikan ini diberikan setelah Menteri mendapat nasihat daripada Jawatankuasa atau Ketua Eksekutif yang pakar dalam bidang berkaitan. Yang penting kuasa mutlak untuk mengecualikan mana-mana pihak atau orang daripada dikenakan sebarang tindakan di bawah akta ini sangat berbahaya.

Saya juga bersetuju dan menyokong penuh usaha dan kesungguhan Kerajaan Madani untuk membanteras jenayah siber yang kian meningkat. Saya juga percaya selain daripada akta ini, usaha untuk meningkatkan kesedaran kepada setiap lapisan masyarakat merentas

umur, geografi, bangsa, tahap pendidikan dan sebagainya turut dipergiatkan. Sebagai tambahan, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian dengan sistem komunikasi yang semakin bertambah baik termasuk capaian internet yang kian meluas di kawasan-kawasan luar bandar. Adakah langkah-langkah atau program-program lain untuk menyekat kes-kes penipuan atas talian di kalangan rakyat kita termasuk para petani, nelayan, ibu bapa, orang kurang upaya yang menetap di luar bandar setakat ini?

Dengan itu, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB. Sekarang yang jemput YB Senator Datuk Seri Zurainah Musa.

4.12 ptg.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia MADANI.

Datuk Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya menyertai perbahasan terhadap Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan sebelum tahniah saya nak ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang baru dilantik menjadi Menteri Digital yang kami tunggutkan. *Alhamdulillah* syukur, *you came back*. *Alright*, tahniah kepada Menteri Digital yang telah berjaya juga membawa rang undang-undang ini walaupun hanya beberapa bulan sahaja menjawat jawatan sebagai Menteri Digital setelah kementerian ini diwujudkan. Syabas.

Kadar penetrasi digital dan penggunaan internet yang tinggi telah mengubah setiap aspek kehidupan pada alaf moden ini termasuklah pendigitalisasi- *oh, it's a very hard word*. Dari sudut komunikasi, dari sudut perdagangan, hiburan dan pendidikan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa risiko yang agak signifikan terhadap revolusi digital seperti isu penggodaman dan ancaman siber.

Keselamatan siber telah menjadi elemen yang sangat penting dalam melindungi kerahsiaan data daripada dieksploitasikan oleh pihak tidak bertanggungjawab. Ini termasuk maklumat peribadi, infrastruktur, serta peranti digital. Seperti sedia maklum, Malaysia giat merencanakan agenda ekonomi digital di pelbagai sektor dan platform.

Justeru, terdapat suatu keperluan untuk meningkatkan perlindungan terhadap infrastruktur yang penting seperti sistem kerajaan, serta data peribadi daripada ancaman siber. Ini sangat penting demi meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap perkhidmatan digital dan juga memastikan ekonomi negara kita berfungsi dengan lancar. Saya mempunyai beberapa soalan Yang Berhormat Menteri ya.

Datuk Yang di-Pertua, bagaimanakah RUU ini akan memperkukuhkan keselamatan siber bagi peranti-peranti teknologi *Internet of Things* (IoT)? Teknologi *Internet of Things* ini merupakan evolusi teknologi internet di mana objek yang berupaya menghantar data

menggunakan peranti melalui internet dalam menjanakan maklumat serta pengetahuan baharu, seterusnya memberi nilai tambah dalam meningkatkan produktiviti dan standard hidup di Malaysia.

Pada saat kerajaan mengejar visi IR4.0 yang akan memperluaskan penggunaan IoT saya kira kita perlu memastikan terdapat piawaian dan standard bagi ciri-ciri keselamatan siber yang wajib buat peranti-peranti IoT misalnya apabila kita beralih kepada *smart farming* produksi makanan kita masih boleh diancam dengan penggodaman sistem pembajaan IoT. Musnahnya produksi makanan dengan hanya satu tekan di butang papan kekunci si penggodam.

Kedua, saya ingin bertanya kepada YB Menteri berkaitan infrastruktur keselamatan siber yang sedang beli oleh *CyberSecurity Malaysia* (CSM) yang di bawah Kementerian Digital dan *National Cyber Security Agency* (NACSA). Saya telah menerima beberapa laporan terhadap perolehan untuk *digital forensic lab* bagi NACSA sedangkan makmal tersebut telah dibeli oleh *CyberSecurity Malaysia* pada tahun sebelum ini. Perolehan bertindih didakwa memakan berpuluh juta ringgit. Oleh itu saya ingin memohon kementerian memberi sedikit penjelasan berkaitan bilangan infrastruktur keselamatan siber di bawah kedua-dua agensi ini dan sejauh manakah kapasiti infrastruktur ini diperlukan mengikut unjuran kes-kes keselamatan siber yang dihadapi.

Datuk Yang di-Pertua, sampai di sini saja perbahasan saya, saya tahu masa masih ada tetapi *I'm on time this time*, dengan izin. Berkenaan RUU Keselamatan Siber 2024, justeru itu saya menyokong RUU Keselamatan Siber 2024. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB Datuk Zurainah kerana memahami. Baru saja beliau duduk di kerusi saya ini. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri ada lagi lima orang yang belum berbahas.

Sekarang ini saya jemput YB Senator Datuk Wira Mohd Hatta bin Md Ramli.

4.17 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullah*. Terima kasih Menteri atas pembentangan satu rang undang-undang baharu yang agak lengkap, tetapi belum boleh katakan sempurna dalam isu-isu yang berkaitan dengan *cyber security* ini. Saya mengalu-alukan kembalinya Menteri sama ada yang dalam ini betul-betul *physical figure* ke ataupun hologram ke- Menteri Digital kan. Kita pun tak berapa *sure until I touch his forehead afterwards*.

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Datuk Yang di-Pertua, *cyber security* kita ini selalu diancam mana-mana juga. Yang mengancam ini *terror*. Jadi, orang yang nak melawan ancaman ini mesti dua tiga langkah lebih *terror* daripada pengancam ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Apakah *terror* itu?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: *Terror* ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Menakutkan ke ataupun lebih pada...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ya lah menakutkan musuh, tapi dia hebatlah, yang hebat. Jadi, dalam kita nak membentuk jawatankuasa di peringkat nasional dan juga mendapatkan konsultan pakar rujuk membantu kita yang dua orang ini kita mesti memilih dengan *strengthen* dengan mengetahui kehebatan beliau dan saya ingin tahu sama ada lantikan mereka ini *on the project basis* ataupun berterusan untuk satu tempoh. Kerana kadang-kadang ancumannya berbeza-beza dan pakar-pakar kita ini mempunyai latar belakang kehebatan yang juga berbeza-beza. Itu satu.

Keduanya, mengenai terpakai rang undang-undang kita ini- undang-undang kita ni nanti di luar wilayah seperti dibangkitkan oleh profesor tadi. Adakah kita perlu mengadakan hubungan dua hala dan pelbagai hala dengan berbagai-bagai negara untuk memastikan kita dapat membantu apabila kita nak membanteras *cyber attack* ini? Sudah adakah di peringkat antarabangsa suatu konvensyen yang kita juga sama-sama mengiktirafnya supaya dapat kita memaklumkan negara-negara yang berkenaan kerana musuh ataupun penyerang-penyerang ini yang berada di negara-negara tersebut? Itu soalan yang kedua.

Ketiganya, senarai dalam jadual diberikan itu 11 jenis sektor ini adakah ini muktamad ataupun boleh lagi dibincangkan ataupun dipecah-pecahkan, bergantung kepada suasana pada masa akan datang.

■1620

Adakah bidang pendidikan tinggi yang merupakan sumber maklumat yang banyak juga merupakan salah satu sektor yang harus diberikan perhatian kerana *research* kita banyak terkumpul di sana? Itu sebagai pertanyaan yang selanjutnya.

Kemudian, bila negeri-negeri tidak *liable* apabila mereka melanggar akta ini, apakah jaminan bahawa ia tidak digunakan oleh mana-mana negeri untuk melakukan tindakan-tindakan yang di luar daripada yang dibenarkan? Adakah ini telah difikirkan mendalam atau kita tak mahu *renegade states* dalam negara kita ini mengambil langkah-langkah yang boleh menjejaskan keselamatan siber kita.

Pertanyaan seterusnya, adakah kita benar-benar berupaya untuk mempertahankan kedaulatan undang-undang negara kita, keselamatan tentera-tentera kita, kapal-kapal kita, kapal terbang pejuang kita, daripada diserang oleh musuh-musuh siber kita ini? Kalau dalam masa yang sama kita masih mendengar rungutan rakyat bahawa nombor telefon mereka di-*hack* seperti yang telah dibawa tadi ini. Ertinya, kalau ada di sana terkurang keyakinan terhadap kemampuan negara, mesti ditutup segera dengan mengambil langkah-langkah yang serius terhadap godaman-godaman yang berlaku, yang ringan-ringan ini. Yang hanya melibatkan dua tiga ribu, hanya ya dua tiga ribu.

Seorang Ahli: Besar tu.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Besar itu, ya, tapi kalau ini kita tidak dapat berikan sebagai suatu yang serius, maka kalau ditanya kepada orang awam, *what else this Bill got to do with us*, apakah yang nak dibantu? Jadi, saya harap perhatian juga diberikan oleh pihak kerajaan terhadap perkara-perkara yang mungkin kecil di peringkat nasional tetapi sangat dekat di hati rakyat. Apa pun, saya menyokong penuh rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Habis Datuk Dr. Hatta? Saya menjangkakan Dr. Hatta nak sambung lagi... [Ketawa]

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ya, boleh juga nak sambung sikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh. Silakan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Boleh ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita masih ada masa lagi ini hari. Baru pukul 4... [Ketawa]

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Dalam jadual itu pihak Menteri menggunakan perkataan “pembentungan” sedangkan kita ada satu lagi perkataan “pembetulan”. Jadi, yang manakah sebenarnya yang sepatutnya? Saya sudah *check* juga dalam *dictionary* dan sebelah kiri saya ini merupakan pakar bahasa, ya.

Mula-mula kami bersepakat. Belah kanan saya pun pakar bahasa. “Pembetulan”, tetapi disebut “pembentungan.” So, *please*. Mungkin dua-duanya betul, saya tidak menafikan. Cuma, *please make up your mind*. Terima kasih Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Pembetulan... [Ketawa] Terima kasih.

Sekarang ini saya jemput Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

4.23 ptg.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas Rang Undang-undang (RUU) Keselamatan Siber 2024 di Dewan yang mulia ini. Datuk Yang di-Pertua, pembentangan RUU ini memang tepat pada masanya dalam keadaan di mana negara dan ancaman keselamatan siber semakin berleluasa. Saya ingin menyentuh tiga perkara berikut.

Pertama, saya sokong bahawa agensi seperti NACSA iaitu *National Cyber Security Agency* perlu diperkukuhkan fungsinya terutamanya dalam aspek penguatkuasaan dasar pengurusan keselamatan siber. Maka, adalah penting bahawa NACSA ditakrifkan dalam seksyen khusus di RUU ini iaitu memperincikan fungsi utama dan bidang kuasa agensi bagi meningkatkan peranan dan kuasa ketua eksekutif.

Kedua, saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan subseksyen 2(2), dengan izin, *no one should be above the law*. Saya mohon cadang bahawa pihak kerajaan mempertimbangkan untuk mengeluarkan subseksyen 2(2) yang menyatakan

bahawa Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri tidak akan didakwa bagi mana-mana kesalahan di bawah akta.

Ketiga, subseksyen 22(2) memberi provisi untuk suatu penilaian risiko keselamatan siber atau audit di bawah subseksyen 22(1) yang telah dijalankan. Kedua-dua laporan penilaian risiko keselamatan dan audit dikemukakan kepada ketua eksekutif. Saya mohon mencadangkan bahawa kedua-dua laporan tersebut juga dibentangkan di Parlimen.

Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong RUU ini. Namun begitu, saya memohon agar pihak kerajaan akan mempertimbangkan isu-isu yang dikemukakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Cepat Tan Sri? Tiga minit sahaja... *[Ketawa]*

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Cepat... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Senator Tuan Abun Sui Anyit.

4.26 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Lima *plus* dua.

Timbalan Yang di-Pertua: 15 minit tak boleh.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Tujuh minit boleh... *[Ketawa]*

Tuan Abun Sui Anyit: Ya. Tambah ya. Okey. Terima kasih. Terima kasih sekali lagi saya diberi peluang dan masa untuk membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan Siber. Saya percaya...

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Abun Sui Anyit: Datuk Yang di-Pertua duduk baru boleh cakap ya.

Jadi, saya percaya dengan adanya undang-undang siber ini nanti sedikit sebanyak akan memberi satu kelegaan kepada rakyat Malaysia terutamanya di dalam kita menghadapi dunia yang tanpa sempadan sekarang di mana semua kehidupan kita diatur menggunakan Internet. Bahkan, kita sampai ke peringkat *paperless* kerana kita menggunakan siber ini.

Walau bagaimanapun, saya membaca rang undang-undang ini di mana keselamatan siber itu diterjemahkan atau ditafsirkan di muka surat tujuh iaitu keselamatan siber. Jadi, bagi saya ingin menanyakan, apakah jaminan kerajaan jika ada pihak tertentu yang mendapatkan perkhidmatan siber ini daripada syarikat asing? Sebab ada pihak berkuasa yang mengambil perkhidmatan dan memberi kontrak kepada syarikat asing untuk memberi perkhidmatan terutamanya kewangan untuk rakyat di negara ini.

Sebagai kementerian yang baharu di dalam negara ini, saya ingin pencerahan dan mohon supaya memberi supaya Menteri memberikan senarai jabatan-jabatan yang ada di

bawah kementerian ini kerana kita pun belum tahu. Ini penting supaya rakyat mengetahui jabatan-jabatan yang ada di bawah kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, pencerobohan akaun bank sangat selalu dibahaskan di dalam media sosial. Saya sendiri pada 29 hari bulan Mac 2024 yang lepas, semasa saya hendak membayar menggunakan QR, tiba-tiba akaun saya baki dia kosong dan anak saya sendiri yang menyaksikan itu. Dua kali, saya cuba dua kali, kosong. Jadi, saya- hati saya sudah berdebar.

Jadi, saya cuba pergi ke akaun- pergi ke ATM, saya cuba *check, out of service*. Oh, ini bahaya ni. Jadi, inilah antara yang memberi satu kekusaran kepada rakyat dan pada bulan yang lepas, semasa bulan Februari yang lepas, saya sendiri juga macam sahabat tadi kena *hacked* oleh *scammer* di mana seminggu saya tidak ada di dalam grup Dewan Negara ini.

■1630

Jadi inilah perkara-perkara yang sangat merisaukan kita. Jadi dengan adanya perkara begini, saya berharap supaya kerajaan lebih tegas lagi menangani mereka yang terlibat dalam kegiatan *scammer* ini terutamanya daripada rakyat di negara ini, tapi persoalan saya juga, bagaimana kita nak meng-*handle*, dengan izin, *scammers* yang dari luar negara kerana sekarang ini pun AI ataupun *translation* sangat- semakin sangat canggih. Seolah-olah kita bercakap dengan orang Melayu sedangkan yang di sebelah sana itu sebenarnya orang Negro. Ini antara persoalan-persoalan yang perlu dijawab oleh kerajaan.

Jadi, saya ingin bertanya juga dalam perkara ini, berapakah mereka yang kena tipu oleh *scammers* di dalam negara ini? Menurut laporan polislah ya.

Jadi saya mencadangkan seperti dalam seksyen 14 dalam rang undang-undang ini, saya berharap Ketua Eksekutif akan memeriksa nombor telefon. Kalau bolehlah ya sebab ada pihak-pihak tertentu ini menggunakan IC orang lain untuk mendaftar telefon. Kalau bukan kerana perkara jenayah, perkara ini pasti digunakan untuk buat perbuatan jenayah.

Justeru itu, adalah penting untuk memastikan setiap nombor telefon yang ada ada lah milik individu itu sendiri atau keluarga terdekatnya, bukan orang lain yang jauh dari negeri lain ataupun mungkin negara lain. Jadi perbuatan begini kalau dia tak dapat membuktikan bahawa nombor telefon itu adalah milik- nombor telefon itu tidak bersama selari dengan IC nya, ada sesuatu yang tidak kena di situ.

Jadi, pertanyaan saya lagi, adakah dengan adanya Keselamatan Siber 2024 ini nanti, dapat menjejaki dengan kadar segera *scammer* yang menipu kita, menipu rakyat? Ini kerana semasa libat urus, saya bertanya perkara yang- keadaan ini. Di mana rupanya ada satu teknologi lagi. Nombor telefon yang ada di dalam *scammer* yang mengenakan kita itulah bukan nombor telefon sebenar. Jadi saya haraplah, itulah sebab saya setuju dengan saudara, dengan sahabat Senator saya tadi. Kita mesti dua kali lebih hebat daripada *scammer* ini.

Jadi, saya ambil kesempatan ini, kepada rakyat di luar sana supaya berhati-hatilah jika ada kerugian kehilangan kewangan ataupun ada tawaran-tawaran yang pihak polis juga selalu menasihatkan, seolah-olah sangat baiklah kalau kita melabur RM1,000 dapat RM10,000. Ini semua adalah *scammer*.

Jadi justeru itu, saya berharap supaya seseorang yang menggunakan identiti orang lain, ini juga untuk mengelak perbuatan-perbuatan yang di luar undang-undang supaya diambil tindakan.

Justeru itu, saya dengan ini, menyokong Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Tuan Manolan Mohamad.

4.33 ptg.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Akta Keselamatan Siber 2024. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani.

Terutama saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri, kementerian yang baru dan juga kerajaan kerana telah membawa satu undang-undang yang baru untuk menjaga keselamatan data-data dalam negara kita.

Kalau kita tengok baru-baru ini, Menteri Pertahanan telah umumkan bahawa serangan siber berlaku di dalam negara kita sebanyak 3,000 kali sehari. Jadi ini satu angka yang besar dan kita mesti selamatkan segala data yang kita ada dan serangan siber ini menyebabkan satu kerugian kepada negara kita.

Dengan itu saya juga ingin bertanya kepada Menteri berkenaan dengan tafsiran dalam fasal 4 iaitu tafsiran ancaman keselamatan siber. Saya tengok di sini, dia tidak disebut tentang- dia hanya disebut sistem komputer dan komputer sahaja. Jadi, adakah *handphone* ataupun *tab* itu tidak termasuk dalam ini? Apakah sekiranya penyerang siber itu menggunakan peranti lain selain komputer boleh didakwa dalam akta ini?

Seterusnya saya juga ingin bertanya kepada Menteri, adakah akta ini digubal hanya untuk menjaga data-data daripada kerajaan, tetapi bukan data individu? Sekiranya individu itu kena *scam*, adakah akta ini termaktub dalam serangan tersebut?

Seterusnya saya juga ingin bertanya berkenaan dengan fasal 13 iaitu berkenaan dengan Ketua Eksekutif. Di mana saya tengok di sini, dalam fasal 13, Ketua Eksekutif ini sangat berkuasa kerana dia boleh, sekejap ya, dia boleh membatalkan, mengubah, menyemak semula keseluruhan mana-mana bahagian dalam akta ini... [Merujuk dokumen berkaitan]

Jadi, siapakah yang akan mengetuai Ketua Eksekutif ini sekiranya tidak dipegang ataupun tidak dilantik orang-orang yang betul-betul bertanggungjawab? Saya bimbang mungkin penyalahgunaan kuasa boleh berlaku kerana sekarang ini apa-apa pun boleh berlaku dengan duit. Jadi kita bimbang sekiranya orang yang dilantik itu ataupun *scammer* ataupun penyerang siber itu adalah orang yang mempunyai kedudukan kewangan yang tinggi, mungkin apa-apa boleh berlaku di situ. Jadi, saya minta penjelasan daripada Menteri.

Seterusnya berkenaan fasal 23(1), kewajipan memberikan- sekiranya insiden siber itu berlaku. Kita tahu syarikat itu telah menceroboh data kerajaan, tetapi dia berlaku di luar negara, bukan di dalam negara kita. Jadi, bagaimanakah untuk kita mendakwa ataupun mengambil segala dokumen tersebut untuk kita dakwa mereka? Sebab saya tengok sini, denda yang dikenakan adalah RM500,000 dan juga penjara sekurang-kurangnya 10 tahun ataupun kedua-duanya sekali.

Jadi sekiranya dia tidak bekerjasama, bagaimanakah untuk kita nak mendakwa dia? Saya fikir juga Menteri umumkan boleh mencadangkan supaya denda ini boleh ditingkatkan, mungkin RM1 juta atau RM2 juta. RM500,000 itu Menteri sangat rendah bagi saya.

Seterusnya fasal 28 iaitu saya tengok sini, kita- pihak jawatankuasa tersebut boleh mengeluarkan lesen kepada syarikat yang ada kelayakan, ada kriteria dia tadi. Sekiranya kita beri lesen kepada satu buah syarikat ini untuk mengurus *cyber security* ini dan kita bimbang, kita beri ke *third-party* ini, data-data kita sebagai contoh yang ada, tapi nasib baiklah PADU ini kita tak serah kepada pihak ketiga, tetapi akan datang ini, apabila kita beri lesen kepada pihak ketiga ini dan mereka dapat *license* tersebut dan kerajaan mengenakan fi saya tengok di sini. Fi akan dikenakan kepada yang mendapat lesen tersebut. Jadi, berapa fi yang akan dikenakan?

Jadi itulah saya Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Menteri. Banyak lagi tapi tak apalah. Maka itu saya macam mana pun, saya tetap menyokong Rang Undang-undang Akta Keselamatan Siber 2024. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat yang terakhir ya, Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Suan. Pembahas yang terakhir.

4.38 ptg.

Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua atas peluang berbahas dan dikatakan yang terakhir.

Saya bersetuju bahawa penggubalan Rang Undang-undang Keselamatan Siber ini amat bertepatan dengan situasi perkembangan teknologi digital semasa, lebih-lebih lagi bagi menampung kelompangan akta berkaitan yang sedia ada. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri atas pembentangan rang undang-undang ini.

Dalam kita menghadapi cabaran teknologi yang berkembang pesat dan pantas, ketahanan siber bukan lagi sekadar isu teknikal, tetapi telah menjadi isu keselamatan nasional yang memerlukan tindakan segera. Aspek keselamatan dan jenayah siber bukan sahaja berkait dengan aktiviti penggodaman, kebocoran data dan penipuan siber, tetapi turut merentasi penggunaan platform media sosial dan soal integriti.

■1640

Justeru, setelah meneliti cadangan akta, saya ingin menyentuh beberapa yang perlu penjelasan iaitu pertama merujuk kepada Bahagian II, fasal 5 iaitu berhubung penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara. Kita cadangkan supaya jawatankuasa ini terdiri daripada Menteri yang diamanahkan dengan perkara yang berkaitan. Seterusnya terkait dengan fasal 5 juga, kita mohon mencadangkan supaya ditambah wakil dari Sabah dan Sarawak untuk dilantik pada jawatankuasa ini memandangkan di Sabah juga kerajaannya telah menubuhkan Pelan Tindakan Kerajaan Digital Wilayah Sabah 2020 hingga 2024 yang kini dalam fasa ketiga.

Manakala fasal 22 subfasal 3 dicadangkan supaya entiti infrastruktur maklumat kritikal negara mengambil langkah korektif berdasarkan Laporan Penilaian Risiko Keselamatan Siber sebelum mengarah entiti untuk menilai semua risiko keselamatan siber.

Fasal 22 subfasal 7 dan subfasal 8, wujudnya denda minimum kerana ia memberikan panduan dan penjelasan kepada hakim, peguam dan orang awam mengenai akibat pelanggaran undang-undang.

Fasal 24 berkaitan latihan keselamatan siber, perlu juga ada empati dalam undang-undang. Saya merujuk kepada subfasal 2, 3 dan 4. Walaupun Ketua Eksekutif memberi kuasa sedemikian, entiti perlu diberi ruang untuk mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Ketua Eksekutif sekiranya pada waktu dan masa yang dihasratkan, tidak dapat dipenuhi oleh entiti infrastruktur maklumat kritikal negara, namun tertakluk kepada persetujuan Ketua Eksekutif setelah meneliti dan mempertimbangkan rayuan tersebut.

Kesimpulannya, kerajaan perlu sesuatu kuasa yang bersifat legislatif supaya tindakan dan arahan berhubung keselamatan siber mengikat semua agensi kerajaan dan syarikat swasta khususnya yang dikategorikan sebagai Infrastruktur Maklumat Nasional Kritikal (NCII) di mana NCII ini adalah aset nyata dan maya, sistem serta fungsi penting kepada negara ini. Di mana kelumpuhan dan kemusnahan berisiko menggugat ekonomi, pertahanan, imej negara, kesihatan serta keselamatan awam dan keupayaan kerajaan untuk berfungsi.

Datuk Yang di-Pertua, itu sahaja daripada saya. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat semua, terima kasih. Dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

4.44 ptg.

Menteri Digital [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua dan saya nak ucapkan juga terima kasih kepada seramai 14 Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keselamatan Siber Tahun 2024 yang dibentangkan di Dewan Negara pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan menerima bahawa perlu untuk kami mewujudkan rang undang-undang ini kerana cukup penting soal keselamatan siber kepada negara kita khususnya bergerak ke depan bila kita lihat apa yang boleh disebut sebagai perubahan yang dibawa melalui dunia digital.

Seperti mana saya sebut Tuan Yang di-Pertua dalam ucapan awal saya, kita lihat bagaimana ekonomi digital berkeupayaan untuk menyumbang sebanyak 25 peratus per KDNK dalam tahun 2025. Ini menunjukkan impak apa yang disebut sebagai pendigitalan kepada semua negara di seluruh dunia.

Saya rasa sekarang kita dapat lihat semua negara sedang membuat kesiapsiagaan baik daripada segi sudut perundangan, struktur-struktur yang perlu supaya kita dapat menerima dan mengambil bahagian penuh dalam aspek pendigitalan. Juga, soal berkaitan dengan memberi maklumat kepada rakyat jelata supaya bukan sahaja kerajaan tetapi seluruh negara dapat mengambil bahagian dan bersedia untuk cabaran-cabaran yang kita akan hadapi dalam dunia digital yang akan datang.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, dapat kita lihat akta ataupun rang undang-undang ini membawa rujukan yang spesifik kepada aspek entiti infrastruktur maklumat kritikal negara. Ini bermaksud Tuan Yang di-Pertua- Tuan Yang di-Pertua, saya buat rujukan kepada tafsiran di muka surat tujuh... *[Merujuk dokumen berkaitan]*

Tuan Yang di-Pertua dapat lihat tafsiran diberikan dengan cukup jelas di Bahagian II, Entiti Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara. Ia menunjukkan bahawa fokus dalam rang undang-undang ini adalah kepada entiti-entiti yang mana sekiranya diganggu, ia akan membawa kesan yang sangat memudaratkan kepada bukan sahaja ekonomi tetapi sosial dan juga perkara-perkara berkaitan di dalam negara kita.

Jadi, di situ disebut Tuan Yang di-Pertua, Entiti Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara ertinya, ertinya entiti kerajaan ataupun Tuan Yang di-Pertua, orang yang ditetapkan sebagai entiti infrastruktur maklumat kritikal negara di bawah seksyen 17 dan 18. *So, its specific* kepada entiti. Kalau kita lihat kepada Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut sebagai Jadual.

Jadual, Tuan Yang di-Pertua dapat kita lihat di muka surat 50. Muka surat 50 dengan jelas menyenaraikan sektor infrastruktur maklumat kritikal negara iaitu kerajaan, perbankan dan kewangan, sektor pengangkutan, sektor pertahanan dan keselamatan negara, sektor maklumat, komunikasi dan digital, sektor perkhidmatan jagaan kesihatan, sektor air, sektor

pembetulan dan pengurusan sisa, sektor tenaga Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian dan perladangan, perdagangan, industri dan ekonomi, sains, teknologi dan inovasi.

Ini sektor-sektor yang kita lihat menjadi sektor-sektor yang sangat penting sekiranya terdapat serangan ataupun ancaman siber, ia boleh dan sekiranya berjaya, ia boleh mendatangkan kesan yang sangat memudaratkan kepada negara. Jadi, perlu untuk kami melihat bagaimana kita boleh mewujudkan satu undang-undang supaya kita boleh mengambil langkah-langkah untuk pastikan bahawa entiti-entiti ini bersiap-siaga. Entiti-entiti ini faham berkenaan dengan risiko yang wujud.

Bagaimanakah kita dapat melaksanakan? Jadi, dari situ Tuan Yang di-Pertua, kita lihat sekali lagi dalam apa yang kita sebut sebagai takrifan. Infrastruktur maklumat kritikal negara ertinya satu sistem komputer yang gangguan pada mana Tuan Yang di-Pertua. Saya baca daripada muka surat tujuh Tuan Yang di-Pertua. Yang gangguan kepada mana atau kemusnahan komputer atau sistem komputer itu boleh membawa kesan yang memudaratkan terhadap penyampaian apa-apa perkhidmatan yang perlu bagi keselamatan, pertahanan, hubungan luar negara, ekonomi, kesihatan awam, kesejahteraan awam atau ketenteraman awam di Malaysia atau terhadap keupayaan Kerajaan Persekutuan atau mana-mana kerajaan negeri untuk menjalankan fungsinya secara berkesan.

Jadi, kalau kita lihat daripada aspek dan sudut ini, maka faham kita pendekatan yang diambil oleh kerajaan supaya kita dapat memberikan fokus kepada entiti-entiti ini bukan sahaja di peringkat Kerajaan Persekutuan Tuan Yang di-Pertua, tetapi juga di peringkat kerajaan negeri kerana ini satu perkara yang merentasi seluruh negara. Jadi, soal bagaimana kita nak bawa bersama perkara ini diperbincangkan diambil pandangan, pendapat bagaimana kita boleh perkukuhkan lagi dalam bergerak ke depan. Maka, di situlah kita lihat struktur dia. Kita wujudkan jawatankuasa di dalam jawatankuasa tersebut sebagai Setiausaha, kita lantik Ketua Eksekutif yang sekarang ini mengetuai NACSA.

■1650

Ketua Eksekutif juga mempunyai apa yang disebut sebagai jawatankuasa beliau. Ini dapat kita lihat dalam fasal 11, Ketua Eksekutif hendaklah menubuhkan dan menyenggara satu sistem keselamatan negara yang dikenali sebagai Sistem Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara bagi maksud menguruskan ancaman keselamatan siber dan insiden keselamatan siber. Kita lihat juga takrifan diberikan, apa maksudnya ancaman serangan siber dan sebagainya. Ini semua ditakrifkan dan dihuraikan secara terperinci dalam seksyen 35 ataupun fasal 35 rang undang-undang ini.

So, di situ kita dapat lihat bahawa wujudnya struktur yang akan memainkan peranan yang penting supaya kita dapat menimbangkan apakah masalah-masalah yang kita akan hadapi dengan merujuk kepada masalah-masalah yang sudah berlaku, dengan merujuk

kepada pendekatan bahawa teknologi akan berubah, dan bergerak ke depan, kita kena wujudkan satu struktur yang boleh bertindak secara pantas.

Jadi, beberapa soalan dibangkitkan oleh Senator-senator tadi. Satu, sama ada ia hanya terpakai kepada sektor kerajaan. Tidak, kerana kita lihat kepada jadual, ia juga boleh terpakai kepada sektor-sektor yang lain.

Kedua, adakah ia hanya terpakai kepada Kerajaan Persekutuan? Jawapannya, tidak. Takrifan dia menunjukkan ini juga terpakai kepada kerajaan negeri.

Jadi, yang ketiga, soal berkenaan dengan kuasa Ketua Eksekutif. Disebut kuasa itu sangat luas, tapi jangan kita lupa, undang-undang ataupun rang undang-undang ini melihat kepada masalah yang boleh timbul akibat itu. Oleh yang sedemikian, Ketua Eksekutif itu menjadi setiausaha kepada jawatankuasa. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, juga dengan Menteri-Menteri tertentu, Ketua Polis Negara, ketua pertahanan dan sebagainya. Kerana, jawatankuasa itu menjadi tempat di mana perkara-perkara yang dilaksanakan oleh Ketua Eksekutif dapat diputuskan sama ada betul ataupun tidak, kalau ada masalah yang timbul. Kalau ada apa yang timbul sebagai persoalan, maka di situlah penjelasan diberikan dan keputusan dibuat.

Kemudian, kita lihat kepada aspek perlunya untuk kita pastikan bahawa kita ada sistem keselamatan siber yang kukuh. Tuan Yang di-Pertua, ini menjadi sebab di mana kita lihat keperluan undang-undang ataupun peruntukan dibuat secara spesifik supaya kita boleh melantik pakar.

Soal berbangkit tadi berkenaan dengan sama ada ataupun tidak kita akan menggunakan AI dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita- semua tahu teknologi itu tidak menunggu sesiapa. Hari ini kita baca berkenaan teknologi yang tertentu, esok teknologi lain yang dikemukakan pula.

Jadi, ia bergerak dengan cukup pantas. Kita sudah tentunya perlukan bantuan daripada pakar-pakar kita yang ada untuk memberikan kepada kita maklumat yang lebih relevan berkenaan dengan teknologi baharu ini. Juga, dalam soal kita menghadapi ancaman yang dibawa oleh teknologi baharu itu, saya rasa di situlah perlunya untuk kita mendapat nasihat daripada pakar-pakar yang kita sekarang sebut ataupun kita berikan kelonggaran dalam undang-undang ini.

Kemudian, kita lihat kepada aspek keselamatan, pelesenan. Saya setuju apa yang dibangkitkan tadi, kita kena memperketat. Kita kena pastikan bahawa kita ada apa yang disebut sebagai teras yang tertentu sebelum kita buat lantikan untuk pakar-pakar. Itu juga telah pun dibuat peruntukan, Tuan Yang di-Pertua, dalam perundangan ini. Jadi, di situ, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat bahawa sebenarnya undang-undang ataupun rang undang-undang ini sangat perlu pada masa sekarang.

Pada saya, apabila kita lihat kepada kenapa pentingnya untuk kita pastikan bahawa diwujudkan sekarang sebagai rang undang-undang- walaupun dulu kita ada MKN, sekarang kenapa perlu kita ada undang-undang?

Tuan Yang di-Pertua, saya nak bagi jaminan kepada semua di sini seperti mana saya sebut tadi dalam ucapan pembukaan saya. Walaupun kita ada undang-undang yang baharu pada hari ini, kita cukup jelas bahawa apa yang telah pun diputuskan sebelum daripada ini- apabila kita lihat kepada keputusan yang dibuat oleh NACSA misal kata, oleh MKN. Penubuhan jawatankuasa yang baharu, Tuan Yang di-Pertua, walaupun ia mewujudkan struktur yang baharu tetapi apa-apa langkah-langkah, standard-standard, proses, keputusan dan sebagainya yang telah pun diangkat sebelum daripada ini, ia tetap akan berkuasa selagi mana ia tidak bertentangan dengan apa yang digubal oleh undang-undang ini.

Di situ, Tuan Yang di-Pertua, sebelum undang-undang ini digubal dan dibentangkan, ada pemeriksaan dibuat. Akta-akta yang wujud, saya sebut tadi, saya senaraikan beberapa akta tertentu, *we have look at it*, untuk pastikan bahawa apa yang kita gubalkan di sini tidak ada apa-apa yang bertentangan.

So, dalam keadaan tersebut, saya rasa tidak ada masalah apabila kita lihat kepada pembentangan rang undang-undang ini. Sebenarnya, keperluannya pada masa ini supaya kita bersedia bergerak ke depan untuk menghadapi masalah yang kita dapat lihat yang sudah berlaku, sedang berlaku dan akan berlaku dalam masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat banyak soalan yang telah pun dibangkitkan. Saya akan cuba untuk jawab semua sekiranya boleh. Kalau tidak, saya akan berikan secara bertulis. Terdapat beberapa persoalan yang memerlukan angka-angka khusus. Dalam keadaan tersebut, saya telah memaklumkan kepada *team* saya supaya dapat maklumat tersebut dan salurkan kepada Yang Berhormat secara bertulis. Saya harap dapat dibuat sebelum sesi ini berakhir. Kalau tidak, kita akan usahakan supaya ia dikemukakan secepat yang boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, soalan-soalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang bertanyakan berkenaan dengan persoalan *national baseline*, soal berkenaan dengan, apakah cadangan *national baseline* turut dirangkumi dalam rekod menggunakan teknologi seperti *blockchain*?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung penggunaan teknologi *blockchain* di dalam *national baseline*, rang undang-undang ini menggunakan pendekatan berasaskan penilaian risiko dan menentukan secara meletakkan kawalan perlindungan terhadap sebarang teknologi yang digunakan termasuklah juga teknologi *blockchain*. Sememangnya *blockchain* merupakan satu-satunya teknologi yang memberi keupayaan untuk mengesahkan susur galur sesebuah rekod, data dan transaksi.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya juga nyatakan di sini, terdapat ancaman keselamatan siber kini yang telah wujud dalam teknologi itu juga. So, kita kena berhati-hati. Sehubungan dengan itu, adalah penting dalam rang undang-undang ini agar elemen penilaian risiko dilaksanakan sebagai asas sebelum kita menentukan apakah teknologi yang akan digunakan untuk kami melaksanakan peruntukan undang-undang ini, *as we go along*, Tuan Yang di-Pertua, dalam masa akan datang.

Keduanya, soalan berkenaan dengan menyatakan sama ada, Pakar Keselamatan Siber yang dilantik merupakan pakar-pakar dari luar negara ataupun pakar-pakar tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, syarat berkaitan dengan pelantikan pakar tidak kami nyatakan secara khusus dalam rang undang-undang ini.

Walau bagaimanapun, bagi maksud soal pelantikan pakar keselamatan siber tersebut, Ketua Eksekutif akan mempertimbangkan semua perkara yang perlu termasuklah kelayakan, pengalaman, kesesuaian untuk melantik warganegara ataupun bukan warganegara dalam hal perkara yang berkenaan dengan pelantikan pakar itu dibuat dalam soal pertimbangan pelantikan-pelantikan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Eksekutif akan sentiasa memberi pertimbangan yang tinggi kepada hal keselamatan dan kedaulatan negara dalam perkara pelantikan pakar ini. Perkara ini, saya tegaskan, tidak akan kami sekali-kali kompromi.

Berkaitan dengan penjelasan tapisan keselamatan yang lebih ketat akan dijalankan pada kakitangan yang menguruskan sistem digital di dalam negara kita memandangkan mungkin ada mereka yang tahu selok-belok dan *loophole* yang wujud dalam sistem yang sedia ada. Kerajaan akan mengambil semua langkah termasuk juga langkah-langkah menjalankan tapisan, Tuan Yang di-Pertua, tapisan keselamatan yang lebih ketat, sekiranya perlu, bagi memastikan keselamatan maklumat yang diuruskan oleh semua kakitangan kerajaan terpelihara dan dilindungi pada setiap masa.

Berkaitan dengan soal sama ada Mesyuarat ASEAN Ke-38 dan Ke-39 telah pun mengorak langkah ke arah penghasilan rang undang-undang ini dan apakah perkembangan inisiatif yang dicadangkan dalam mesyuarat tersebut telah dilaksanakan dalam kerangka sistem digital negara?

■1700

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bergerak secara kolektif bersama negara-negara di peringkat serantau dan antarabangsa berhubung keselamatan atau kerjasama keselamatan siber. *So, this is a collective effort* supaya kita dapat bergerak bersama kerana kita- semua tahu bahawa soal siber ini adalah soal yang tidak melihat kepada had sempadan sesebuah negara.

Di peringkat ASEAN Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bersama negara-negara ASEAN telah pun membangunkan pelbagai inisiatif, termasuk juga Tuan Yang di-Pertua apa yang

dikenali sebagai *The ASEAN Cyber Security Corporation Strategic* dari tahun 2021 sehingga 2025.

Pada masa yang sama, Malaysia dan negara-negara anggota ASEAN sentiasa bekerjasama dengan rakan dialog dalam memperkukuhkan keselamatan siber termasuk pembangunan kapasiti. Terkini, ASEAN telah bersetuju untuk menubuhkan *ASEAN Computer Emergency Response Team (CERT)* dan akan melaksanakan pengoperasiannya secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh juga menyatakan di sini bahawa hampir seluruh perjumpaan dengan Menteri-menteri di peringkat ASEAN ini, peringkat antarabangsa memang sudah tentunya soal berkenaan dengan keselamatan siber diperbincangkan kerana bergerak ke depan. Kita- semua nak lihat pada mewujudkan satu struktur untuk pastikan bahawa kita sedia untuk menghadapi masalah dengan pantas sekiranya berlaku dan ia satu perkara di dalam ataupun diberikan prioriti oleh pihak kita.

Kemudian, berkenaan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Susan Chemerai Anding, bertanyakan berkenaan dengan soalan-soalan keselamatan siber- *sorry. Yes.* Bertanyakan berkenaan dengan PADU, sama ada ataupun tidak sistem PADU adalah lapuk, seperti mana yang telah pun dilaporkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada beberapa kenyataan yang telah pun dikeluarkan, termasuk juga daripada *CyberSecurity Malaysia*, yang menjawab kepada apa yang disebut di situ.

Secara keseluruhan, Tuan Yang di-Pertua, PADU merupakan satu inisiatif kerajaan di mana satu- pangkalan data utama negara yang selamat disediakan. Ia satu- pangkalan data utama yang komprehensif dan hampir masa sebenar yang boleh atau membolehkan *analytic data* yang lebih tepat dihasilkan. Ia juga Tuan Yang di-Pertua, akan membantu kerajaan dalam menggubal dasar dan proses membuat keputusan berpacuan data. Ini akan membolehkan pelaksanaan dasar secara bersasar bagi mengimbangi kedudukan fiskal negara.

Berdasarkan objektif PADU, ia bukan merupakan sistem yang lapuk. Pembangunan adalah berdasarkan hasil daripada dapatan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Ekonomi secara kolektif dengan melihat kepada aspek pengurusan data dalam ekosistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Teknologi yang digunakan, Tuan Yang di-Pertua, adalah sesuai dengan keperluan semasa dan sentiasa akan dilihat bagaimana boleh ditambah baik seiring dengan perkembangan teknologi.

Soalan daripada Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran yang hadir. Soal berkenaan dengan tafsiran. Tafsiran infrastruktur maklumat kritikal negara iaitu sama ada ia hanya melingkungi kerajaan dan agensi-agensi. Saya telah jawab tadi. Tafsiran infrastruktur maklumat, Tuan Yang di-Pertua adalah bersifat umum dan dia boleh meliputi infrastruktur

maklumat kritikal negara yang dimiliki atau dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan atau juga agensi sektor swasta, seperti bank, syarikat telekomunikasi dan sebagainya.

Turut ditanya ataupun ini merupakan cadangan. Peranan Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan Komunikasi perlu dipertimbangkan untuk menjalankan semak dan imbang dalam pelaksanaan undang-undang keselamatan siber, Tuan Yang di-Pertua. Pendekatan kerajaan dalam hal ini adalah berpandukan kepada pendekatan yang telah diambil dalam pelaksanaan Strategi Keselamatan Siber Malaysia, *or otherwise known*, dengan izin, *The Malaysia Cyber Security and Strategy* yang dilaksanakan secara *whole of society and whole of government*, dengan izin.

Melalui pelaksanaan rang undang-undang ini, kerajaan akan terus bekerjasama dengan semua pemegang taruh daripada agensi kerajaan, swasta dan juga pihak akademia dan juga badan bukan kerajaan (NGO) termasuklah jawatankuasa pilihan khas, jika terdapat keperluan dan selaras dengan fungsi jawatankuasa pilihan khas tersebut.

Di sini, saya mengalu-alukan cadangan yang dibawa oleh Senator tadi. Sekiranya ada cadangan lain, sila berikan kepada kami dan kami akan lihat kepada cadangan itu dan sejauh mana boleh kita akan angkat supaya dipertimbangkan.

Soal berkenaan dengan peranan *CyberSecurity Malaysia*. Tuan Yang di-Pertua, *CyberSecurity Malaysia* adalah satu *company limited by guarantee* yang ditempatkan di bawah Kementerian Digital. Dengan penguatkuasaan RUU ini kelak, ketua eksekutif akan diberi kuasa perundangan yang jelas untuk melaksanakan penyelarasan tindakan berkaitan keselamatan siber dan penguatkuasaan peruntukan RUU ini. Dengan mengambil pendekatan pembangunan industri tempatan yang menyeluruh, NACSA akan bekerjasama dengan semua pemain industri tempatan, termasuk CSM dalam memperkukuhkan keselamatan siber, infrastruktur maklumat kritikal negara.

Tadi, ada dibawa soalan, kalau tak silap Tuan Yang di-Pertua, oleh sahabat saya, Senator Tuan Abun Sui Anyit berkenaan dengan agensi-agensi yang terletak di bawah Kementerian Digital. Soalan itu, ingin saya jawab. Kita ada tujuh buah agensi. Kita mula dengan Jabatan Digital Negara, Tuan Yang di-Pertua. Dahulunya, dikenali sebagai MAMPU. Kemudian, kita ada MDEC. Kemudian, kita ada DNB. Kita ada dikenali sebagai MYNIC, *CyberSecurity Malaysia*, Jabatan Perlindungan Data Malaysia dan akhirnya, kita ada MyDIGITAL Corporation. Jadi, itu tujuh buah agensi di bawah naungan Kementerian Digital.

Kemudian, kita ada soalan daripada Senator Michael Mujah Lihan yang memohon penjelasan, sama ada perlu dilantik wakil daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang merupakan pakar dalam bidang siber, dalam Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini tidak menyatakan dengan spesifik keanggotaan Jawatankuasa Keselamatan Siber adalah berdasarkan dari negeri. Namun, sekiranya mana-mana orang dari Sabah atau Sarawak mempunyai apa yang kita sebut

sebagai pengalaman dan keupayaan dalam keselamatan siber, memang sudah termasuk dalam takrifan yang ada di situ dan boleh dilantik, sekiranya keputusan sebegini dibuat. Ini adalah tersebut dalam rang undang-undang ini juga.

Ia memfokuskan kepada soal kepakaran, Tuan Yang di-Pertua. Tadi juga, soalan ditanya berkenaan dengan perkara ini. Apabila disebut tidak lebih daripada dua orang lain yang hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa dalam kalangan orang itu, kita kena lihat dengan ayat seterusnya ya. Dalam kalangan orang yang mempunyai kedudukan dan juga pengalaman dalam soal keselamatan siber.

Soal berkenaan dengan mekanisme yang sedia ada, sama ada ataupun tidak ia cukup untuk menangani masalah kebocoran data daripada orang, akibat daripada kecuaiannya. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan keselamatan siber supaya tidak berlaku kebocoran data termasuk daripada orang dalam juga. *So, ia applies across the board.* Rang undang-undang ini merupakan salah satu langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani apa-apa kelemahan atau kekangan yang melibatkan infrastruktur maklumat kritikal negara.

Itu sebab saya pada awalnya membuat rujukan yang spesifik kepada struktur undang-undang ini supaya kita dapat faham pendekatan yang diambil. Ini tidak termasuk juga undang-undang lain yang sedia ada, yang juga terlibat ataupun berkaitan dengan data peribadi.

Kemudian, apa mekanisme penguatkuasaan undang-undang dalam fasal 36 dan 40 kerana terdapat kebimbangan kepada penyalahgunaan. Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan rang undang-undang ini akan dibuat oleh pegawai penguat kuasa yang terdiri daripada pegawai polis dan juga pegawai diberi kuasa oleh Menteri di bawah fasal 36, rang undang-undang ini.

Saya rujuk kepada fasal 36, Tuan Yang di-Pertua. Ia dapat kita lihat di muka surat 34 dan beberapa Yang Berhormat Senator telah bangkitkan soal ini. Menteri boleh secara bertulis memberi kuasa kepada mana-mana pegawai awam untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah akta ini dan dicadangkan supaya disebut di situ secara jelas, seseorang itu haruslah seorang yang berjawatan Inspektor atau lebih tinggi.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ia digubal secara am supaya kita dapat lihat kepada aspek yang perlu ditangani oleh pegawai tersebut. Sekiranya diperlukan, seseorang pegawai yang berkelayakan tinggi untuk memfokuskan kepada aspek-aspek tertentu maka kuasa ada untuk kami pastikan bahawa seseorang pegawai yang berkelayakan dilantik, Tuan Yang di-Pertua.

Soalan daripada Senator Datuk Seri Profesor Emeritus Dr. Awang bin Sariyan bertanyakan berkenaan dengan kekerapan. Kekerapan Mesyuarat JKSN. Ini satu perkara yang memang ada dibangkit, ramai yang khuatir- awal kerana tidak disebut di situ. Tuan Yang

di-Pertua, saya rasa perkara yang dirujuk oleh Senator adalah berkenaan dengan jawatankuasa. Kalau kita lihat kepada perkara Fasal 7, muka surat 11 dan *correct me if I'm wrong, professor I think this is what you are referring to*, dengan izin.

Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuarat seberapa kerap sebagaimana ditentukan oleh Pengerusi dan mesyuarat hendaklah diadakan pada masa dan tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi. Jadi tidak disebut di situ secara spesifik bila perlu kita ada mesyuarat. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita kena baca ayat tersebut dengan bahagian keduanya, di mana selepas jawatankuasa ditubuhkan ia akan bermesyuarat dan dalam mesyuarat itu akan ditentukan sebenarnya struktur perjumpaan dan sebagainya.

Kami juga kena lihat bahawa dalam keadaan kita bincang serangan siber ini, ia berlaku secara, dengan izin, *disruptive* boleh berlaku bila-bila dan keadaan dia juga akan berbeza. Jadi kelonggaran diberikan supaya tidak ada sekatan. Maka kalau perlu persidangan jawatan itu perlu berjumpa, bermesyuarat dan sebagainya kelonggaran yang diberikan sekarang itu membenarkan supaya mesyuarat tergepar dipanggil untuk kita menyeimbangkan keperluan semasa, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian saya beralih ke soalan yang ditanya oleh Senator Seruandi bin Saad, soal berkenaan dengan penubuhan Jawatankuasa. Jawatankuasa disebut telah pun ditubuhkan dalam Arahan MKN 26- apakah tindakan yang telah diambil, sedang dikenal pasti dalam dan sebagainya tidak berlaku pertindihan arahan dan kuasa serta bagaimana pepadanan kuasa bagi memastikan jawatankuasa dapat bertindak dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun memberi ulasan berkenaan dengan perkara ini tadi juga disebut dalam ucapan saya awal secara ringkas. Dengan berkuat kuasanya rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua Arahan MKN Ke-26 akan disemak semula dan diselaraskan dengan rang undang-undang ini.

Selaras dengan itu, arahan-arahan yang terdahulu yang dikeluarkan oleh MKN 26 yang menyentuh berhubung dengan JKSN akan dibatalkan. Dan *as I said earlier* kita akan lihat pertindihan dan sebagainya kita akan selaraskan.

Soal berkenaan dengan kerjasama di antara agensi yang turut melibatkan sektor komunikasi dalam memastikan agenda memelihara dan melindungi data agar lebih berkesan pada masa hadapan. Sejauh mana kita mempunyai kepakaran yang perlu untuk membendung pencerobohan terutamanya dalam sistem kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita rujuk kepada jadual yang saya sebut tadi muka surat 10- dihuraikan di situ jadual. Rang undang-undang ini telah mengenal pasti beberapa sektor maklumat komunikasi yang termasuk sektor- rang undang-undang ini telah mengenal pasti beberapa sektor. Ini termasuk juga sektor maklumat, komunikasi dan digital sebagai salah satu daripada sektor NCAI yang melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu bagi memastikan keselamatan aset, sistem dan infrastruktur termasuk aspek perlindungan data.

Rang undang-undang ini memfokuskan kepada pembangunan *cyber security baseline*, akan pastikan tindakan yang lebih pantas dan berkesan sebagai insiden keselamatan siber termasuk dalam sektor maklumat, komunikasi dan digital pada masa hadapan. Kerajaan juga Tuan Yang di-Pertua, melalui NACSA telah mengenal pasti keperluan untuk meningkatkan kepakaran siber melalui Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara atau *National Cyber Coordination and Command Centre (NC4)* yang telah pun dibangunkan pada tahun 2014 dan telah mula beroperasi sejak tahun 2016 lagi Tuan Yang di-Pertua.

Pada masa ini, ia sedang dinaiktarafkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 dalam meluaskan *visibility* pemantauan dengan merangkaikan semua pusat pemantauan dalam negara termasuk pusat pemantauan yang dikendalikan oleh syarikat swasta. Sistem ini akan dinaik taraf lagi dan dilengkapi dengan sistem pengurusan insiden yang terkini dan lebih berkesan bagi meningkatkan pengurusan insiden siber, melibatkan Pasukan Tindakan Balas Kecemasan Komputer ataupun yang saya sebutkan tadi di *The Computer Emergency Response Team* di peringkat Ketua Sektor dan Entiti Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara.

Soalan berkenaan dengan kuasa melantik pakar, saya telah pun jawab tadi. Hanya saya hendak mengulas soal sama ada ataupun tidak kami juga akan lihat kepada kepakaran tempatan dari sudut latihan dan sebagainya. Soalan dia, yes kita juga akan juga melihat kepada kerjasama yang boleh kita laksanakan dengan universiti awam dan swasta untuk tujuan ini.

Kemudian soalan yang dibangkitkan oleh Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah. Soalan berkenaan dengan penerimaan teknologi AI- semakin diterima pakai dunia. Pada masa kini adakah kementerian bercadang untuk mengaplikasikan penggunaan AI dalam masa terdekat dalam agensi-agensi jabatan terpilih. Bagaimanakah pihak- melihat senario ini? Adakah mekanisme yang sesuai diaplikasikan penggunaan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan AI oleh Kementerian Digital diterajui oleh MDEC bagi peringkat nasional dan juga Jabatan Digital Negara bagi peringkat sektor awam. Kementerian Digital senantiasa menggalakkan agensi untuk menggunakan teknologi-teknologi terbaharu melalui AI juga termasuknya yang bersesuaian dalam inisiatif-inisiatif di semua agensi.

Soalan yang dibangkitkan oleh Senator Puan Noorita binti Sual yang masih ada di dalam Dewan. Soalan dia, apa pecahan kes-kes jenayah *scam* mengikut negeri-negeri. Yang Berhormat perkara itu perkara yang saya perlu berikan secara khusus kerana ia melibatkan maklumat di setiap negeri dan saya akan kemukakan selepas daripada ini. Adakah dasar dan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan ke atas perkara-perkara seperti *data breach* dan jenayah siber.

Tuan Yang di-Pertua, jika ketirisan data atau *data breach* berlaku disebabkan kegagalan sebuah entiti NCAI mematuhi kehendak berkaitan keselamatan yang ditetapkan di

bawah rang undang-undang ini maka tindakan yang sewajarnya boleh diambil terhadap NCAI tersebut. Jika kita lihat dihuraikan secara spesifik dalam seksyen-seksyen yang tertentu, arahan boleh dikeluarkan, tata-amalan dan sebagainya dan sekiranya ia tidak diangkat dan berlaku kesalahan yang boleh membawa kepada tindakan seperti mana dalam rang undang-undang ini.

Daripada segi pentadbiran kerajaan- pematuhan mana-mana peruntukan undang-undang bertulis akan sentiasa dipantau Tuan Yang di-Pertua atau dititikberatkan. Kerajaan akan mengambil segala langkah yang perlu untuk memastikan peruntukan rang undang-undang ini dipatuhi sepenuhnya oleh agensi-agensi di bawah Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri.

Oleh itu, walaupun rang undang-undang ini memperuntukkan apa yang disebut sebagai pengecualian kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri daripada didakwa bagi mana-mana kesalahan di bawah rang undang-undang ini, ini tidaklah bermaksud Tuan Yang di-Pertua kelonggaran diberi kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam melaksanakan peruntukan rang undang-undang ini.

Peruntukan yang serupa juga terdapat dalam undang-undang berkaitan keselamatan siber di negara-negara lain seperti saya sebutkan tadi Australia dan juga Singapura. Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua kepada ayat yang digunakan, ia jelas bahawa kerajaan-kerajaan tidak boleh didakwa untuk kesalahan di bawah undang-undang ini, tetapi memang dari sudut pemakaian ia juga jelas disebut dalam rang undang-undang ini.

Soal berkenaan dengan apakah pendirian Kerajaan Madani untuk mengimbangi kewujudan akta dengan dasar ketelusan Kerajaan Madani, hak kerahsiaan dan dasar perlindungan data peribadi di dalam mengandungi isu seperti penipuan atas talian. Tuan Yang di-Pertua, rangka kerja yang diwujudkan di bawah rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk melindungi data dan maklumat yang terdapat di dalam infrastruktur maklumat kritikal negara. *This is* tertera seperti mana saya sebutkan tadi.

Oleh itu, rang undang-undang ini sememangnya menyokong hak privasi dan perlindungan kepada data dan maklumat-maklumat tersebut. Dasar ketelusan yang diamalkan oleh Kerajaan Madani adalah tertakluk kepada hak berkenaan perlindungan maklumat dan kerahsiaan maklumat.

■1720

Kemudian, soalan-soalan yang dibangkitkan. Seterusnya, adakah langkah-langkah atau program-program lain untuk menyekat kes-kes penipuan atas talian di kalangan rakyat kita termasuk para petani, nelayan, ibu-bapa, orang kurang upaya, orang tua menetap di luar negara- luar bandar, maaf, setakat ini?

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk sekat kes-kes penipuan dalam talian. Pertama, terdapat pindaan kepada pindaan undang-undang yang

sedia ada. Dalam hal ini, kerajaan sedang dalam proses membawa pindaan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia tahun 1998, Akta Jenayah Komputer 1997 dan Akta Perlindungan Data Peribadi tahun 2010 bagi memperkukuhkan keselamatan data serta kuasa penyiasatan dan pendakwaan berhubung jenayah siber termasuk penipuan dalam talian.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Cadangan Penggubalan Undang-undang Baharu berkaitan dengan Kemudaratan Jenayah Dalam Talian sedang berlangsung pada 5 Februari tahun ini dan 13 Mac tahun ini. Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) dan juga Yang Berhormat Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi telah pun mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Cadangan Penggubalan Undang-undang Baharu berkaitan Kemudaratan Jenayah Dalam Talian.

Inisiatif cadangan penggubalan undang-undang baharu ini adalah bagi menangani isu berkaitan jenayah siber termasuk membendung kegiatan penipuan dalam talian yang semakin berleluasa selain juga dalam masa yang sama mencerminkan keprihatinan Kerajaan MADANI dalam memastikan keselamatan rakyat dalam alam siber tidak terus terancam.

Kemudian yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, kami ada kempen kesedaran berhubung dengan jenayah siber. Pelbagai kempen kesedaran berkenaan jenayah siber telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi sama ada di radio, televisyen atau dalam media massa. Sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia telah melaksanakan Kempen Pencegahan Jenayah Komersil dan juga kempen pendidikan dan juga membuat penghebahan berterusan melalui sidang media, media sosial, ceramah-ceramah diadakan juga taklimat dan juga dipaparkan di televisyen dan radio.

Pengupayaan penggunaan rakyat melalui portal *sebenarnya.my* yang diwujudkan oleh SKMM atau Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bertindak sebagai salah satu-satunya sumber rujukan kepada orang ramai untuk menentukan kesahihan sesuatu berita yang tular serta turut digunakan bagi menyampaikan maklumat mengenai potensi jenayah yang sedang dan boleh berlaku secara dalam talian melalui ruangan waspada.

Pada bulan Julai Tuan Yang di-Pertua tahun 2021, kerajaan juga telah melancarkan Kempen *#Taknakscam* dan kempen ini Tuan Yang di-Pertua adalah untuk mendidik rakyat Malaysia daripada terjebak daripada jenayah siber yang semakin meningkat. Kemudian, keempat. Pembangunan projek yang dikenali sebagai *Cyber Crime Integrated Management System* di dalam mana NACSA sedang proses membangunkan satu sistem iaitu sistem tersebut ya untuk menjadi platform pengungsian maklumat bagi agensi-agensi penguat kuasa negara dalam membanteras jenayah siber dengan lebih cepat dan berkesan.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, kami juga ada Pusat Respons Scam Kebangsaan ataupun *National Scam Response Centre* yang telah ditubuhkan sebagai pusat operasi bagi tujuan menyelaraskan tindak balas pantas terhadap penipuan kewangan dalam talian. Bagi

sebarang kes *scam*, pihak bank boleh dihubungi melalui *hotline* bank yang beroperasi 24 jam setiap hari dan membuat laporan polis dalam tempoh 24 jam selepas insiden penipuan berlaku.

Bagi pihak NSRC juga boleh dihubungi semula sekiranya insiden penipuan tersebut berlaku dalam tempoh 24 jam. Nombor *hotline* bank 24 jam atau 24-7 boleh didapati dan *of course* ia di dalam setiap kad bank dan juga melalui laman sesawang bank yang berkaitan. Tadi saya juga dengar berkenaan dengan isu *WhatsApp* itu, saya telah pun minta supaya yang mempunyai kesan terhadap semua Yang Berhormat Senator, saya rasa ada grup dan maklumat dikemukakan. Saya telah pun minta supaya pihak yang berkaitan memberikan kepada saya satu laporan dan saya akan berbincang dengan Yang Berhormat selepas daripada ini ya... [Tepuk]

Soalan berkenaan dengan- soalan yang dibangkitkan oleh Senator Datuk Seri Zurainah Musa. Terima kasih kepada *the introduction* berkenaan dengan isu peranti teknologi Internet (IoT). *Now it's a good question* kerana itu cara kita sekarang berganjak ke depan. Peranti-peranti teknologi *Internet of Things* (IoT) merupakan infrastruktur maklumat kritikal negara. RUU ini mengehendaki entiti-entiti sesuatu kritikal negara yang memiliki ataupun mengendali peranti-peranti tersebut untuk juga mematuhi peruntukan RUU ini dan piawaian akan kita tetapkan kemudian ya melalui data amalan dan juga arahan Ketua Eksekutif NACSA.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri juga mohon penjelasan mengenai bilangan infrastruktur keselamatan siber di bawah CSM dan NACSA dan sejauh mana kapasiti infrastruktur itu perlu diperlukan mengikut anjuran kes-kes keselamatan siber. Berhubungan dengan bilangan infrastruktur keselamatan siber dan keperluan kapasiti infrastruktur mengikut unjuran kes-kes keselamatan siber, sememangnya Tuan Yang di-Pertua infrastruktur ini perlu terus dipertingkatkan selaras dengan teknologi terkini.

So, itu sebabnya soalan yang dibangkitkan itu sangat penting. Seperti mana saya mulakan ucapan saya, saya kata teknologi *develops very fast*. Dalam keadaan tersebut kita perlu pastikan bahawa kami juga berkeupayaan untuk pastikan bahawa kita ada kapasiti untuk menghadapi masalah yang timbul akibat daripada perkembangan teknologi itu. Jadi, Strategi Keselamatan Siber Malaysia atau *Malaysia Cyber Security Strategy*, kerajaan telah pun memperuntukkan Tuan Yang di-Pertua, wang sebanyak RM1.8 bilion bagi tempoh 2020 sehingga tahun ini 2024 dalam projek pembangunan bagi memperkukuhkan keselamatan siber.

Ini termasuk pembangunan modal insan, penggunaan teknologi terkini dan pembangunan proses dan perundangan yang komprehensif. Dengan penguatkuasaan rang undang-undang ini kelak Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus meletakkan keutamaan dalam pengukuhan aspek infrastruktur keselamatan siber. Berbalik kepada soalan yang

dibangkitkan oleh Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan, soalan mohon pencerahan berkenaan dengan *no one should be above the law*, kerajaan mempertimbangkan untuk keluaran subseksyen 2. Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun memberi penjelasan tadi.

Kalau kita lihat kepada bagaimana peruntukan dalam fasal itu digubal, ia tidak mengecualikan secara keseluruhan kerajaan. Ia hanya mengecualikan daripada didakwa di bawah undang-undang ini tetapi keperluan undang-undang ini juga terpakai kepada kerajaan. Sekiranya ada pelanggaran maka ada cara lain di bawah akta-akta lain dan juga di bawah apa yang disebut sebagai *other regulations*, dengan izin yang boleh dipakai untuk kami pastikan bahawa ia tidak berlaku lagi dan sebagainya. So, memang ia hanya dihadkan daripada pendakwaan daripada peruntukan undang-undang ini.

Kemudian, soalan yang berbangkit Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan- saya percaya ini dalam kalau tak silap Tuan Yang di-Pertua, seksyen yang terpakai adalah seksyen 3 ya. Soal berbangkit berkenaan dengan pemakaian luar wilayah. Kalau kita lihat kepada undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya sebut tadi bila kita sebut berkenaan dengan data dan kita sebut berkenaan dengan teknologi dan keselamatan siber, ia adalah satu perkara yang merentasi sebarang sempadan. Jadi, dalam keadaan tersebut sudah tentu ada keadaannya di mana sesuatu keadaan akan wujud di mana perlu untuk ada pemakaian undang-undang ini kepada luar wilayah.

Jadi, dalam keadaan tersebut kita ada seksyen 3. Seksyen 3(1) dengan cukup jelas menyatakan bahawa "*Akta ini hendaklah berhubung dengan mana-mana orang walaupun apa kerakyatan atau kewarganegaraan yang mempunyai kuat kuasa di luar dan juga di dalam Malaysia dan jika satu kesalahan di bawah akta ini dilakukan oleh mana-mana orang, di mana-mana tempat di luar Malaysia, dia boleh...*" Tuan Yang di-Pertua, "*... dia boleh diuruskan berkenaan dengan kesalahan itu seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat di dalam Malaysia*".

■1730

Kemudian, untuk pencerahan lagi kita ada fasal 3(2), "*Bagi maksud subseksyen (1), Akta ini hendaklah terpakai jika bagi kesalahan yang berkenaan infrastruktur maklumat kritikal negara itu berada secara keseluruhan atau sebahagiannya di dalam Malaysia*". Soalan yang berbangkit Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pelaku kesalahan di bawah RUU ini berada di luar negara, bagaimana hendak mendakwa pelaku atau mengambil apa-apa dokumen yang berkaitan jika didakwa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini Pegawai Penyiasat akan merujuk kertas siasatan ini kepada Unit Jenayah Transnasional, Jabatan Peguam Negara. Ini adalah untuk mendapat kerjasama. So, ada mekanisme di mana kita boleh buat rujukan untuk minta supaya kerjasama diberikan dan kerjasama ini dengan negara luar melalui Jabatan Peguam Negara. Ini merupakan tatacara yang dibuat selaras dengan Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara

Jenayah 2002 [Akta 621]. Pendakwaan akan dibuat setelah siasatan dilengkapkan dan pelaku dapat di ekstradisi untuk dituduh di mahkamah di Malaysia berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada yang berkuat kuasa.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, soalan dibangkitkan oleh Senator Tuan Abun Sui. Soalan berkenaan dengan apakah jaminan kerajaan jika ada pihak tertentu yang mendapatkan perkhidmatan siber daripada syarikat asing.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan siber daripada syarikat asing boleh dilakukan jika mereka mendapat lesen daripada Ketua Eksekutif NACSA tertakluk kepada prasyarat yang akan ditetapkan oleh Ketua Eksekutif NACSA di bawah fasal 28 RUU. Kalau kita lihat kepada fasal 28 rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua memang cukup jelas berkaitan dengan aspek pelesenan. Ada satu bahagian yang terpakai dan aspek yang disebut dalam soal fasal 28 adalah berkenaan kelayakan bagi permohonan lesen, *"Mana-mana orang boleh memohon bagi suatu lesen di bawah Bahagian ini jika orang itu- (a) memenuhi kehendak prasyarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Eksekutif"*.

Keduanya (b) Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan aspek fraud, aspek kecurangan dan ataupun keburukan akhlak. So, ia tertera dengan jelas di situ. Isu berkenaan dengan para *scammer* dari luar negara, saya telah huraikan tadi, tapi untuk tambahan. Kerajaan menangani *scammer* dari luar negara dengan mengadakan kerjasama dengan negara luar terutama dengan agensi-agensi penguat kuasa. Di antaranya FBI serta badan-badan antarabangsa seperti INTERPOL dan juga ASEANAPOL.

Soal berkenaan dengan jumlah orang yang telah ditipu, Senator sejauh mana yang saya ada maklumat yang saya dapat daripada PDRM, terdapat sebanyak 81,102 laporan polis, 81,102. Laporan polis dibuat bagi kes-kes melibatkan jenayah *scam* dari tahun 2020 sehingga 2023. Berkaitan dengan sama ada ataupun tidak rang undang-undang ini *scammer* dijejaki dengan kadar segera, tindakan yang akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua Rang Undang-undang Keselamatan Siber bukanlah bertujuan untuk membanteras jenayah *scam* ataupun memudahkan *scammer* dijejaki. Walau bagaimanapun, dengan kewujudan rang undang-undang ini sistem-sistem yang mengandungi data dapat disahkan dan dipastikan terhadap keselamatan siber bagi sistem-sistem tersebut.

Sekiranya sistem-sistem tersebut mempunyai tahap keselamatan siber yang tinggi dan mampan, sistem-sistem tersebut sudah tentunya Tuan Yang di-Pertua tidak dapat akan dicerobohi. Hasilnya data-data yang penting terutamanya infrastruktur maklumat kritikal negara akan terjaga dan risiko berlakunya ketirisan data menjadi sangat minimum. Rang undang-undang ini bermatlamat untuk melindungi komputer dan sistem-sistem komputer

serta mengurangkan impak sekiranya berlaku pencerobohan terhadap entiti infrastruktur maklumat kritikal negara. Maka, jenayah *scam* dapat dibendung.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak bermaksud bahawa kerajaan tidak memberi perhatian kepada aspek itu. Saya telah pun sebut awal tadi terdapat akta-akta lain yang juga terpakai apabila kita lihat kepada soal-soal *scam* ini dan ia menjadi satu masalah yang cukup penting. Seperti mana saya juga telah pun huraikan tadi, berlaku sekarang satu ataupun diwujudkan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Azalina, Yang Berhormat Fahmi Fadzil dan juga kementerian saya untuk kita melihat bagaimana satu rang undang-undang baharu dapat digubal supaya kita dapat mengatasi masalah tersebut.

Kemudian berkaitan dengan soalan dibangkitkan oleh Senator Manolan Mohamad. Soalan-soalan berkenaan dengan seksyen 4, takrifan ancaman keselamatan siber. Saya telah pun memberi huraian tadi. Kalau kita lihat takrifan itu cukup ketat dan ia dibaca dengan beberapa perkara aspek lain, juga buat rujukan kepada jadual supaya kita dapat melihat kepada fokus undang-undang ini.

Persoalan berkenaan dengan penjelasan berhubung sama ada akta ini adalah untuk data kerajaan sahaja dan bukan data individu. Contoh, seperti mana yang saya sebut tadi, rang undang-undang ini adalah terpakai kepada infrastruktur sistem dan aset digital (NCII) yang terdiri daripada agensi kerajaan dan juga swasta. Sehubungan dengan itu, selagi mana data individu turut disimpan dalam NCII di bawah rang undang-undang ini, sewajarnya ia akan dilindungi mengikut tatacara yang ditetapkan di bawah rang undang-undang ini.

Kemudian berkaitan dengan seksyen 13. Mohon penjelasan siapakah Ketua Eksekutif? Ketua Eksekutif NACSA merupakan penjawat awam yang dilantik mengikut peraturan-peraturan kerajaan yang terpakai bagi pengisian jawatan terbuka berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Eksekutif NACSA menjalankan fungsi dan kuasanya di bawah rang undang-undang ini secara bebas dan tertakluk kepada- tidak tertakluk apa-apa campuran politik. Walau bagaimanapun, apa-apa tindakan Ketua Eksekutif NACSA boleh dipantau oleh jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan arahan yang berkaitan boleh diberikan oleh jawatankuasa kepada Ketua Eksekutif NACSA.

Memohon penjelasan berkenaan kewajipan melaporkan insiden keselamatan siber. Daripada aspek penguatkuasaan undang-undang Tuan Yang di-Pertua, bagi apa-apa kesalahan di bawah rang undang-undang ini yang dikatakan dilakukan di luar negara, tatacara tersebut hendaklah mengikut undang-undang sedia ada. Saya telah pun sebut tadi akta-akta yang terpakai dan atur cara yang diambil supaya tindakan dapat diteruskan.

Soal berkenaan dengan denda RM500,000 dikatakan tidak cukup. Itu cadangan yang memang kita akan ambil kira tapi buat masa sekarang dalam skala hukuman, ia sudah pun

ditetapkan dalam rang undang-undang ini. Ia adalah selaras dengan penelitian dan juga pertimbangan dengan segala hukuman dan undang-undang yang lain.

Jadi, hukuman denda yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini adalah di antara RM100,000 sehingga RM500,000, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat kepada hukuman pemenjaraan juga diterterakan di situ adalah di antara tempoh dua sehingga 10 tahun. Sehubungan dengan itu skala hukuman yang diperuntukkan dalam undang-undang ini adalah difikirkan setimpal dengan sifat kesalahan yang dilakukan tetapi sekiranya ada pandangan yang lain boleh dibawa ke depan dan kita boleh lihat kepada cadangan tersebut.

Seksyen 29 soal berkenaan Tuan Yang di-Pertua, jaminan keselamatan negara apabila lesen diberikan kepada pihak ketiga. Dengan izinkan saya nyatakan Tuan Yang di-Pertua, dalam meluluskan satu permohonan lesen pemberi perkhidmatan keselamatan siber, Ketua Eksekutif NACSA akan meneliti semua fakta dan asas yang berkaitan untuk pastikan sama ada tidak lesen itu patut diluluskan atau sebaliknya. Jika pemberian lesen itu boleh menjejaskan keselamatan negara, maka ketua eksekutif boleh menolak permohonan lesen itu dan ini berdasarkan fasal 34, lesen yang telah diluluskan kepada mana-mana orang tidak boleh dipindah milik ataupun diserahkan hak kepada mana-mana pihak yang ketiga.

Dalam keadaan tersebut Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menyatakan beberapa perkara yang saya akan jawab secara bertulis kerana ia memerlukan butir-butir yang tertentu. Saya ingin merakamkan penghargaan saya Tuan Yang di-Pertua, kepada semua Yang Berhormat Senator-Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini pada petang ini.

■1740

Terima kasih atas semua cadangan yang telah pun diberikan. Saya harap bahawa kita dapat bersama-sama menitikberatkan soal keselamatan negara dalam hal meluluskan rang undang-undang ini di dalam Dewan Negara yang mulia pada petang ini. Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Seorang Ahli: ...Sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang cukup jelas, cukup padat, cukup sempurna perbahasan tentang undang-undang yang dicadangkan undang-undang baharu yang akan memberi kuasa kepada kerajaan untuk menangani masalah keselamatan siber di negara ini..

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

Fasal-fasal 1 hingga 64 -

5.42 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Tuan Pengerusi, ada pernyataan sedikit?

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Dipinda dalam Peringkat Jawatankuasa tadi itu terlibat ke senyap- lepas? Terima kasih. Minta maaf.

Menteri Digital [Tuan Gobind Singh Deo]: Tuan Pengerusi, ada pindaan, tetapi memang ia selepas daripada ini. Ia fasal kemudian. So, jadi kita rujuk kepada fasal 1 sehingga 57 dahulu.

Jadual -

5.43 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Sekali lagi, saya nak ulang pertanyaan tadi dalam Jadual itu mengenai ejaan. Apakah ada penjelasan daripada Menteri? "Pembetulan" *versus* "pembentungan"...

Tuan Gobind Singh Deo: Tuan Pengerusi, saya...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo: Maaf. *Sorry*.

Tuan Pengerusi: Sila. Sila.

Tuan Gobind Singh Deo: Boleh saya teruskan? Minta maaf.

Menteri Digital [Tuan Gobind Singh Deo]: Tuan Pengerusi, saya dimaklumkan bahawa pindaan itu boleh dibuat secara administratif. Jadi, ia akan dibuat secara begitu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

5.44 ptg.

Tuan Gobind Singh Deo: Tuan Pengerusi- Setiausaha, saya baca berkenaan dengan fasal 58 ya. Tidak perlu? Baik. Kerana tadi saya hanya nak *confirm* fasal-fasal sehingga akhir. Sehingga 64 sudah buat semua? *Yes, yes. Alright*, terima kasih.

Tuan Pengerusi, saya pohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Fasal-fasal 1 hingga 64 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Digital (Datuk Ugak Anak Kumbong) dan diluluskan]

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya minta petua sedikit sebelum kita bersetuju ini. Sebab di awal pembentangan tadi Menteri ada mengatakan bahawa antara “dan” dan “atau” tadi ditukar dan akan dibawa semasa peringkat Jawatankuasa. Prosedur ini tidak dibawa. Saya khuatir rang undang-undang ini kalau kita luluskan, tak betul. Menyalahi peraturan. Sebab dia kena bawa ke peringkat Jawatankuasa untuk kemukakan pertukaran daripada “dan” kepada “atau”. Itu nak tanya petua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan telah dibuat di Dewan Rakyat dan diluluskan. Jadi, rang undang-undang yang dibawa kepada Dewan Negara, dibawa dengan pindaan yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Tuan Gobind Singh Deo: Benar. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kalau lihat kepada ucapan awal saya, saya merujuk kepada pindaan yang dibawa yang dibawa ke Jawatankuasa dalam Dewan Rakyat dan perlu dibaca dengan pindaan tersebut. So, ia dibentangkan dan dibacakan dengan pindaan tersebut pada hari ini. Itu dalam perenggan 20 yang saya baca tadi.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Datuk Yang di-Pertua, saya akur. Saya faham.

Tuan Gobind Singh Deo: So, itu di Jawatankuasa Dewan Rakyat.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ya. Baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 4 April 2024.

Selamat berbuka puasa. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.50 petang]